

**PARLIMEN KEDUABELAS  
PENGKAL PERTAMA  
MESYUARAT PERTAMA**

---

---

<b>Bil. 4</b>	<b>Khamis</b>	<b>29 Mei 2008</b>
---------------	---------------	--------------------

---

**K A N D U N G A N**

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN** (Halaman 1)

**USUL:**

- Jawatankuasa Pemilih –  
Pelantikan Ahli-Ahli Jawatankuasa (Halaman 29)
  
- Menjunjung Kasih Titah Ucapan  
Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong  
- *Tan Sri Datuk (Dr.) Jins Shamsudin* (Halaman 30)

**AHLI-AHLI DEWAN NEGARA**

1. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Seri Dr. Abdul Hamid Pawanteh, P.S.M., S.P.M.P. (Dilantik)
2. Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, Dato' Ir. Wong Foon Meng, D.P.M.T. (Dilantik)
3. “ Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah (Dilantik)
4. “ Tuan Ahmad bin Hussin (Perlis)
5. “ Tuan A. Kohilan Pillay a/l G. Appu (Dilantik)  
– *Timbalan Menteri Perusahaan, Perladangan dan Komoditi*
6. “ Datuk Amirsham A. Aziz (Dilantik)  
– *Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri*
7. “ Datuk Armani binti Haji Mahiruddin (Sabah)
8. “ Dato' Azian bin Osman (Perak)
9. “ Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad (Dilantik)
10. “ Datuk Chew Vun Ming (Dilantik)
11. “ Tuan Chiw Tiang Chai (Dilantik)
12. “ Dato Sri Empiang Jabu (Sarawak)
13. “ Dato' Gooi Hoe Hin (P. Pinang)
14. “ Puan Heng Seai Kie (Perak)
15. “ Tuan Ir. Hiang A Li (Pahang)
16. “ Dato' Haji Idris bin Haji Buang (Sarawak)
17. “ Dato' Haji Ikhwan Salim bin Dato' Sujak (Selangor)
18. “ Profesor Datuk Dr. Ismail bin Md. Salleh (Dilantik)
19. “ Tan Sri Datuk (Dr.) Jins Shamsudin (Dilantik)
20. “ Dato' Kamarudin bin Ambok (Dilantik)
21. “ Tuan Khoo Soo Seang (Johor)
22. “ Tuan Krishnan a/l Tan Sri Dato' N.S. Maniam (Dilantik)
23. “ Tuan Lee Chee Keong (Negeri Sembilan)
24. “ Dato' Lee Sing Chooi (W. Persekutuan KL)
25. “ Puan GK Loga Chitra (Dilantik)
26. “ Tuan Maijol bin Mahap (Sabah)
27. “ Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim (Dilantik)  
– *Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri*
28. “ Dato' Maznah binti Mazlan (Dilantik)  
– *Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar*
29. “ Dato Sri Mohd. Effendi bin Norwawi (Dilantik)

30. “ Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin (Kedah)
31. Yang Berhormat Tan Sri Dato' Muhammad bin Muhammad Taib (Dilantik)  
– *Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah*
32. “ Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi (Kelantan)
33. “ Tuan Murugiah a/l Thopasamy (Dilantik)  
– *Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri*
34. “ Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir (Dilantik)
35. “ Puan Nordiana binti Datuk Haji Shafie (Terengganu)
36. “ Datin Paduka Datuk Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn (Dilantik)
37. “ Dato' Omar bin Faudzar (Pulau Pinang)
38. “ Tuan Osman bin Bungsu (Dilantik)
39. “ Tuan Pau Chiong Ung (Dilantik)
40. “ Tuan Rawisandran a/l Narayanan (Dilantik)
41. “ Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid (W. Persekutuan KL)
42. “ Datuk Haji Roslan bin Awang Chik (Dilantik)
43. “ Datuk Soon Tian Szu (Melaka)
44. “ Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed (Dilantik)
45. “ Dato' Hajah Samsiah binti Samsudin (Negeri Sembilan)
46. “ Tuan Haji Shamsudin bin Mehat (Dilantik)
47. “ Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain (Dilantik)
48. “ Datuk Sim Kheng Hui (Dilantik)
49. “ Dato' Hajah Siti Rokiah binti Haji Mohd. Zabidin (Pahang)
50. “ Puan Siw Chun a/p Eam (Perlis)
51. “ Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee (Dilantik)
52. “ Dato' Dr. Vijayaratnam a/l S. Seevaratnam (Dilantik)
53. “ Dato' Wan Ahmad Farid bin Wan Salleh (Terengganu)  
– *Timbalan Menteri Dalam Negeri*
54. “ Puan Hajah Wan Hazani binti Haji Wan Nor (Dilantik)
55. “ Dato' Wan Nordin bin Che Murat (Perlis)
56. “ Puan Hajah Wan Ramlah binti Ahmad (Dilantik)
57. “ Dato' Wong Siong Hwee (Dilantik)
58. “ Dato' Yip Kum Fook (Selangor)
59. “ Datuk Zaid bin Ibrahim (Dilantik)  
– *Menteri di Jabatan Perdana Menteri*
60. “ Ir. Haji Zamri bin Haji Yusuf (Kedah)

**DEWAN NEGARA**

**Setiausaha Dewan Negara**  
Datuk Zamani bin Haji Sulaiman

**Setiausaha Bahagian (Pengurusan Dewan)**  
Encik Ikmalrudin bin Ishak

**PETUGAS-PETUGAS  
PENERBITAN PENYATA RASMI (HANSARD)**

Azhari bin Hamzah  
Monarita binti Mohd Hassan  
Rosna binti Bujairomi

Hajah Supiah binti Dewak  
Hajah Kamisah binti Sayuti  
Sarimah binti Haji Amran  
Hadzirah binti Ibrahim  
Nurziana binti Ismail  
Suriyani binti Mohd. Noh  
Aisyah binti Razki  
Yoogeswari a/p Muniandy  
Nor Liyana binti Ahmad  
Zatul Hijanah binti Yahya  
Nurul Asma binti Zulkepli  
Sharifah Nor Asilah binti Syed Basir  
Nik Nor Ashikin binti Nik Hassan  
Hafilah binti Hamid  
Siti Norhazarina binti Ali  
Ahmad Kamil bin Safian

Norasmawati binti Mohamed Nor  
Nor Hamizah binti Haji Hassan  
Zaida Zuriani binti Mohd Zamli  
Azmir bin Mohd Salleh  
Ainul Wahidah binti Ismail @ Fahkri  
Nur Hidayah binti Janudin  
Nooruanizam binti Nasir

Siti Khadijah binti Md Nor  
Hafizah binti Abu Samah

DN 29.5.2008

5

**MALAYSIA**

**DEWAN NEGARA**

**Khamis, 29 Mei 2008**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**

**DOA**

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

---

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

**Timbalan Yang di-Pertua:** Silakan Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid.

1. **Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid** minta Menteri Pelancongan menyatakan, apakah benar kemasukan pelancong asing secara VOA terutama daripada negara-negara Arab lebih banyak menambah pendapatan negara dibandingkan dengan negara lain. Adakah pertambahan ini disebabkan oleh barangan dan perhiasan di Malaysia lebih murah dan pakej percutian lebih rendah atau disebabkan oleh faktor-faktor lain.

**Timbalan Menteri Pelancongan [Dato Sri Sulaiman Abdul Rahman bin Abdul Taib]:**

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid kerana memberi soalan. Kemasukan pelancong asing secara *Visa On Arrival* atau VOA terutamanya pelancong daripada negara-negara Arab sememangnya telah menambah pendapatan negara jika dibandingkan dengan negara-negara lain. Ini dapat dilihat daripada purata perbelanjaan seorang pelancong Arab dari tahun 2005 sehingga tahun 2007.

Pada tahun 2005, purata perbelanjaan seorang pelancong Arab adalah sebanyak RM4,045.10 sen, manakala pada tahun 2006 purata perbelanjaan seorang pelancong Arab adalah sebanyak RM5,362.00 menunjukkan peningkatan sebanyak 32.6% berbanding pada tahun 2005.

Bagi tahun 2007 pula purata perbelanjaan seorang pelancong Arab adalah sebanyak RM6,070.70 sen, peningkatan sebanyak 13.2% berbanding pada tahun 2006. Manakala perbelanjaan seorang pelancong asing dari semua negara pada tahun 2007 secara puratanya adalah sebanyak RM2,192.70 sen sahaja. Ini bererti purata perbelanjaan seorang pelancong Arab adalah 36.2% lebih tinggi berbanding purata perbelanjaan seorang pelancong asing yang lain. Ini dapat menunjukkan bahawa pelancong-pelancong Arab mempunyai keupayaan

berbelanja yang tinggi dibandingkan dengan pelancong-pelancong dari negara-negara lain, dan jumlah pendapatan dari pelancong ini meningkat dari masa ke semasa.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid selepas itu Tuan Maijol bin Mahap.

**Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid:** Soalan tambahan saya, selain daripada negara kita, negara manakah di dunia ini yang menggunakan kaedah VOA yang turut menyumbang pendapatan negaranya menerusi sektor pelancongan. Adakah keuntungan negara-negara tersebut melebihi keuntungan negara kita? Terima kasih.

**Dato Sri Sulaiman Abdul Rahman bin Abdul Taib:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tidak ada maklumat yang berikut dengan saya di sini, dan ada juga negara-negara lain yang memberi *Visa On Arrival*.

**Tuan Maijol bin Mahap:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya perhatikan pelancong-pelancong daripada Arab ini mereka lebih cenderung melancong di Kuala Lumpur sahaja, khususnya di Bukit Bintang sedangkan di tempat lain di Malaysia ini banyak tempat yang lebih menarik. Adakah kementerian mempromosikan kepada mereka ini tempat-tempat yang menarik di Malaysia ini seperti di Terengganu, Melaka, Sabah dan Sarawak. Adakah usaha dibuat oleh Kementerian kepada mereka ini?

**Dato Sri Sulaiman Abdul Rahman bin Abdul Taib:** Terima kasih. Kementerian telah memfokuskan kepada pelancong Arab ini supaya pada tahun ini mereka di *introduce* kepada seluruh negara bukan saja di Kuala Lumpur, Pulau Pinang dan Langkawi. Pada bulan lepas kami ada mengunjungi *Arab Tourist Fair*, di Dubai dan telah menunjukkan seluruh negara bukan sahaja di Kuala Lumpur, di Pulau Pinang dan Langkawi. Akan tetapi kami juga berharap agar *private* sektor dapat membukakan kedai-kedai, restoran Arab dan juga kalau dapat infrastruktur *tourism*, yang dapat menolong *tourist* Arab ini secara *transportation*. Keluarga Arab ini kalau dia datang satu keluarga besar dan dia duduk di hotel bukan saja dua tiga hari, kadang-kadang sebulan. Jadi infrastruktur hotel juga mesti dipertingkatkan. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Tan Sri Datuk (Dr.) Jins Shamsudin.

**Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir:** Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana Yang Berhormat Tan Sri Datuk (Dr.) Jins Shamsudin tidak dapat hadir, maka saya memohon kebenaran Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua untuk mewakili beliau untuk membentangkan soalan nombor 2. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Menteri ada? Saya benarkan, Yang Berhormat....

## ■1010

2. **Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir [Di bawah P.M 23(2)]** minta Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi menyatakan, tidakkah kementerian bercadang untuk mengkaji semula syarat-syarat lesen TV swasta, menayangkan program-program tempatan sekurang-kurangnya 70% untuk memberi peluang kepada pengusaha-pengusaha tempatan.

**Timbalan Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi [Dato' Joseph Salang anak Gandum]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Tan Sri Datuk (Dr.) Jins Shamsudin atas soalan yang dikemukakan. Kementerian kami sentiasa mengkaji peruntukan-peruntukan dan syarat-syarat lesen dan lain-lain peraturan penyiaran televisyen swasta untuk menyesuaikan dengan perkembangan semasa. Namun pada masa ini, kementerian berpendapat syarat-syarat lesen mengenai peratusan kandungan sedia ada adalah mencukupi untuk menyokong pertumbuhan industri penyiaran di Malaysia.

Pada masa ini semua televisyen *terrestrial* swasta di kenakan syarat khas lesen untuk menyiarkan 60% kandungan dalam bahasa Malaysia dan 60% dari kandungan selain dari bahasa Malaysia hendaklah kandungan tempatan. Pihak pemegang lesen juga dikehendaki menyiarkan kandungan tempatan yang mempromosikan budaya dan identiti kebangsaan.

Kementerian mendapati bahawa kesemua lesen di bawah Media Prima Bhd. (MPB) amat aktif di dalam penerbitan rancangan tempatan sama ada melalui pembelian daripada penerbit-penerbit kandungan tempatan mahupun melalui anak syarikat di bawah MPB itu iaitu Grand Brilliance Sdn. Bhd. Ini juga telah membantu mewujudkan peluang pekerjaan terutamanya kepada mereka yang kreatif di dalam pembikinan filem dan drama tempatan.

Selain daripada itu, bagi stesen televisyen berbayar ASTRO walaupun tidak tertakluk kepada syarat lesen yang khusus mengenai kandungan tempatan, syarikat itu masih mengambil inisiatif untuk menyiarkan 18 saluran yang berjenama ASTRO yang turut menyiarkan kandungan tempatan. Daripada jumlah tersebut lima saluran adalah dalam bahasa Malaysia manakala selainnya adalah dalam bahasa Inggeris, China dan India. Saluran-saluran tersebut turut menyiarkan program-program tempatan yang diterbitkan sendiri oleh pihak ASTRO dan juga diperolehi dari syarikat penerbitan tempatan.

Kementerian bersama-sama Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM), sentiasa memantau dan menggalakkan stesen-stesen televisyen swasta supaya memperbanyakkan lagi kandungan tempatan dari semasa ke semasa. Adalah diharapkan tindakan ini akan membuka lebih banyak peluang kepada penerbit-penerbit kandungan tempatan. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Dato' Musa dan selepas itu Yang Berhormat Puan Hajah Mumtaz dan Yang Berhormat Dato' Hajah Samsiah.

**Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, adakah stesen-stesen swasta ini membayar mengikut syarat-syarat lesen yang dikenakan dan saya ingin tahu berapakah peratusan program-program asing yang ditayangkan di negara kita. Terima kasih.

**Dato' Joseph Salang anak Gandum:** Terima kasih, Yang Berhormat Dato' Musa dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Mengenai dengan adakah stesen-stesen televisyen kita mematuhi syarat-syarat lesen atau syarat-syarat yang dikenakan mengenai kandungan, didapati pada masa sekarang mereka memenuhi syarat-syarat tersebut. Berkenaan dengan peratusan iaitu berkenaan dengan subjek-subjek ataupun filem-filem dari negara asing, itu saya belum dapat pasti dan harap kita dapat menjawab soalan Yang Berhormat Dato' Musa secara bertulis. Terima kasih.

**Puan Mumtaz binti Md Nawawi:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, tidakkah kerajaan bercadang setelah menetapkan kadar 60% kandungan siaran tempatan kepada televisyen untuk turut sama menetapkan waktu-waktu prima bagi mereka menyiarkan kandungan tempatan dan juga rancangan berbahasa Malaysia kerana kebanyakan siaran TV mengambil peluang untuk menyiarkan perkara yang lain terutama pada waktu-waktu yang kita kira ramai penonton yang melihat siaran tersebut. Terima kasih.

**Dato' Joseph Salang Gandum:** Terima kasih, Yang Berhormat dan terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya soalan Yang Berhormat itu menjurus kepada *programming* iaitu mengikut masa dan waktu di mana sesuatu program yang ditayangkan itu boleh mendapatkan penonton-penonton yang ramai. Ini terpulang kepada syarikat-syarikat yang mempunyai stesen-stesen televisyen dan bukan untuk kita menentukan di masa manakah ia lebih *viable* tetapi kita di kementerian, menerusi SKMM memang sentiasa memantau dan mencuba supaya dapat memberi pandangan kepada stesen-stesen televisyen supaya mereka menyediakan ataupun menayangkan program-program lebih-lebih lagi hasilan tempatan ditayangkan pada masa yang lebih sesuai dan diminati oleh penonton-penonton, misalnya berkenaan dengan rancangan animasi, semasa kanak-kanak berehat dan bukan semasa mereka belajar. Terima kasih.

**Dato' Hajah Samsiah binti Samsudin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah saya ingin tahu apakah punca sebenarnya TV swasta banyak menayangkan program-program negara luar atau filem-filem luar. Adakah ia kerana program tempatan lebih mahal atau atas permintaan penonton sendiri atau sebenarnya ada maksud lain sebaliknya. Terima kasih.

**Dato' Joseph Salang Gandum:** Terima kasih, Yang Berhormat dan Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya penayangan program-program luar ini mengikut kehendak penonton. Stesen-stesen televisyen yang menyiarkan program-program ini tentulah sudah

memikirkan keuntungan dan bagaimana stesen-stesen tersebut dapat mengambil keuntungan lebih-lebih lagi dari punca pengiklanan dan adakah sekiranya sesuatu filem yang popular itu ditayangkan lebih ramai penonton. Jadi, dari situ mereka dapat menaikkan lagi skala untuk *advertisement* ataupun *rate* bagi pengiklanan di sesuatu stesen.

Oleh yang demikian saya berpendapat bahawa penyiaran sesuatu program oleh sesebuah stesen itu mengikut *commercial viability* yang mereka anggap. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih, Yang Berhormat. Yang berniaga itu memang dia hendak untuk.

#### ■1020

**3. Puan Siw Chun a/p Eam** minta Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi menyatakan, apakah tindakan yang diambil terhadap pengusaha dan pemandu bas ekspres memandangkan saban tahun banyak nyawa yang terkorban dan mendatangkan kecederaan kepada penumpang disebabkan kemalangan bas ekspres.

**Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi [Dato' Haji Noh bin Haji Omar:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kementerian sentiasa memandang serius dan memberi perhatian khusus terhadap kes-kes kemalangan jalan raya, yang melibatkan perkhidmatan bas ekspres kerana berkait rapat dengan kehilangan nyawa dan kecederaan orang ramai.

Sehubungan ini kementerian sentiasa mengambil tindakan yang tegas, bukan sahaja berbentuk pencegahan dan pemulihan, bahkan juga tindakan undang-undang seperti berikut:

- (i) mewajibkan semua syarikat pengangkutan awam melaksanakan Kod Amalan SHE iaitu *safety, health environment*, yang meliputi elemen sistem pengurusan kenderaan, pengurusan pemandu, pengurusan perjalanan dan risiko serta sistem pengurusan dokumentasi;
- (ii) penubuhan *flying squad* yang berfungsi untuk menjalankan penyiasatan dan pengauditan terhadap syarikat bas ekspres berasaskan pelaksanaan Kod Amalan SHE dan pematuhan Akta LPKP 1987;
- (iii) mengadakan program kursus dan latihan asas keusahawanan dan kecemerlangan imej pemandu serta sedang merancang untuk melahirkan pemandu yang terlatih melalui kursus yang diiktiraf atau diakreditasi oleh agensi yang bertauliah;
- (iv) mewajibkan pembinaan badan bas mengikut Peraturan ECER 66, iaitu piawaian antarabangsa yang bertujuan untuk memastikan struktur

- kerangka bas mampu bertahan jika berlaku kemalangan yang melibatkan bas terbalik ataupun tergolek;
- (v) menggalakkan syarikat mengamalkan *self-regulatory* bagi meningkatkan tahap keselamatan dan kualiti perkhidmatan seperti memasang alat *Global Positioning System* atau GPS untuk mengesan pergerakan bas dan pemanduan, penjualan tiket secara *e-ticketing* dan mewujudkan sistem khidmat pelanggan;
  - (vi) mengkaji kesesuaian untuk tidak membenarkan bas ekspres beroperasi pada waktu malam melainkan jika syarikat mematuhi Kod Amalan SHE sepenuhnya; dan
  - (vii) meletakkan syarat pembaharuan lesen bas ekspres iaitu pihak syarikat hendaklah terlebih dahulu menyelesaikan semua saman daripada JPJ, PDRM dan LPKP.

Selain daripada itu kementerian juga telah menubuhkan Jawatankuasa Auditan dan Inkuiri Kemalangan Maut yang bertujuan untuk menyiasat kelemahan dalam pengurusan operasi bas ekspres oleh pihak syarikat bas yang telah menyumbang kepada kemalangan tersebut. Selepas melalui beberapa prosedur yang ditetapkan, tindakan penguatkuasaan akan dibuat sama ada untuk membatalkan atau menggantung lesen syarikat tersebut.

Bagi syarikat bas ekspres yang digantung sementara perkhidmatannya, kerajaan akan meminta syarikat lain menambahkan bilangan bas mereka di laluan yang terlibat sebagai langkah sementara untuk memastikan keperluan orang ramai tidak terjejas. Terima kasih.

**Puan Siw Chun a/p Eam:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri, yang datang sendiri untuk menjawab soalan saya. Soalan tambahan saya. Empat kemalangan maut yang membabitkan bas milik Konsortium Bas Ekspres Semenanjung atau dengan ringkasnya KBES iaitu pada 18 Disember 2007 di Plaza Tol Sungkai yang mengakibatkan sembilan orang cedera.

Pada 25 Januari 2008 di Kilometer 383.7 Lebuhraya Utara-Selatan, dekat Behrang, yang meragut nyawa tiga orang.

Pada 2 Februari 2008 di Kilometer 396.7 lebuhraya yang sama, yang menyebabkan dua orang terbunuh dan yang terbaru sekali iaitu pada 8 April 2008, kemalangan terbaru yang berlaku di Plaza Tol Seremban yang menyebabkan seorang anggota tentera terbunuh dan 31 orang penumpang cedera.

Soalan tambahan saya, apakah punca utama bas ekspres milik KBES yang terbabit dalam empat kemalangan berturut-turut dalam tempoh yang begitu singkat dan tindakan yang dikenakan sama ada terhadap pemandu ataupun syarikat tersebut? Setakat ini berapa bilangan

syarikat bas ekspres yang diambil tindakan kerana didapati cuai sehingga mengundang risiko kemalangan maut dan gagal mematuhi garis panduan operasi perkhidmatan pengangkutan awam seperti yang ditetapkan mengikut Kod Amalan Keselamatan, Kesihatan dan Persekitaran iaitu dengan ringkasnya SHE? Sekian, terima kasih.

**Dato' Haji Noh bin Haji Omar:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Banyak soalan tambahan... *[Ketawa]* Yang pertama, mengenai *accident* ataupun kemalangan yang melibatkan Konsortium Bas Ekspres Semenanjung. Sebenarnya yang terbaru bukan sahaja bulan April, bulan Mei ini pun ada lagi satu melibatkan kemalangan maut. Jadi tiap-tiap bulan syarikat ini terlibat di dalam kemalangan. Sebab itulah LPKP telah mengambil tindakan tegas. Kita telah pun menggantung kesemua permit ataupun lesen yang dipunyai oleh KBES iaitu sebanyak 232 lesen.

Sebab kita menggantung lesen kerana apabila *flying squad* pergi buat penyiasatan di syarikat ini, kita dapati syarikat ini tidak mematuhi syarat-syarat SHE yang telah saya nyatakan tadi, yang di antaranya gagal memantau pemandu. Kalau mengikut peraturan kita, pemandu memandu tidak boleh lebih daripada lapan jam dan bekerja tidak lebih tempoh 12 jam. Setiap empat jam, pemandu ini dia mesti kena bagi rehat, kemudian ganti pula dengan pemandu yang kedua. Empat jam kemudian dia kena sambung pula untuk pemandu yang asal, tetapi kita dapati ada pemandu seperti Konsortium Bas Ekspres Semenanjung ini kalau kita lihat daripada penyiasatan kita, bas JHX 8311 pada 25 Februari 2001 yang berlaku di Behrang yang dinyatakan tadi, pemandu tersebut memandu selama lapan hari secara berterusan.

Jadi amalan sedemikian memang menggadaikan nyawa penumpang-penumpang. Sebab itu kita telah pun mengenakan tindakan menggantung kesemua lesen 232 ini selama sebulan, di mana dalam tempoh sebulan ini, syarikat ini mestilah memenuhi syarat-syarat SHE dan jika syarikat ini dapat memenuhi sebelum tempoh sebulan ini, kita akan batalkan penggantungan kerana tujuan kita menggantung lesen dan syarikat ini bukan untuk menghukum, tetapi untuk *educate*, untuk memberikan pendidikan kepada syarikat ini supaya memenuhi syarat-syarat seperti yang telah kita tetapkan.

Mengenai jumlah bas yang kita telah pun mengambil tindakan yang terlibat di dalam kemalangan, terutamanya yang melibatkan kemalangan maut, mulai bulan Ogos 2007 hingga Mei 2008, kita telah memberikan amaran kepada 13 syarikat yang melibatkan amaran, tujuh lesen; gantung, 232 lesen; kita telah batalkan lesen sebanyak 40 lesen; dan juga kita menangguhkan pembaharuan lesen sebanyak satu. Terima kasih.

**Tuan Ahmad bin Hussin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada menteri yang menjawab soalan ini. Kita telah tengok tiap-tiap tahun 6,000 nyawa melayang. Ini bermakna rakyat marhaen menjadi terkorban kerana mereka adalah pengguna bas, orang susah. Jadi saya hendak tanya kepada kerajaan, kepada Yang Berhormat Menteri, kalau di Turki, *flying*

*squad* dia ini diletak di tempat bas hendak berjalan, kemudian dia letak di tempat bas hendak berhenti. Berapa tempat tidak kira, kemudian *last* sekali tempat yang sampai. Jadi sama ada JPJ, polis atau BPR ada di situ. Bermakna bersedia mengetahui apa yang berlaku. Jadi tidak payah kita hendak *fly*. Kita tunggu. Jadi memudahkan. Apa pandangan kerajaan? Itu yang pertama.

Yang kedua, apakah pencapaian selama ini selepas Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia atau MIROS ditubuhkan setelah Pelan Keselamatan Jalan Raya 2006-2010 dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri?

■1030

Yang ketiga, apakah JPJ serta agensi lain sedia ada bekerjasama dengan Badan Pencegah Rasuah untuk memperbaiki sistem dan prosedur penguatkuasaan keselamatan jalan raya bagi memastikan tiada ruang langsung bagi rasuah dan salah guna kuasa? Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang ketiga itu sudah masuk Kementerian Pengangkutan Yang Berhormat.

**Dato' Haji Noh bin Haji Omar:** Ya, kalau ikut-ikut, kementerian itu semua sudah masuk kementerian lain, tetapi sebagai kita ada *collective responsibility* saya cuba menjawab kerana kami juga ada mempunyai jawatankuasa bersama.

Seperti mana kita sedia maklum, semalam Yang Berhormat Timbalan Menteri telah mengumumkan kita akan menubuhkan Suruhanjaya Pengangkutan Awam, kerana apabila sebut pengangkutan awam ini ia melibatkan hampir tiga belas agensi. Penguat kuasa pun, ada pemandu teksi satu hari hampir empat saman dia dapat. Mula-mula LPKP saman, selepas itu bandar raya saman, selepas itu polis saman, yang keempat JPJ saman.

Jadi daripada segi penguat kuasa ini, seperti yang dicadangkan memang kita bekerjasama dengan agensi-agensi penguat kuasa yang lain untuk kita membuat *spot check*. Kalau Yang Berhormat kata hari-hari itu, saya akui tidak, tetapi kita adakan *spot check* dengan bukan sahaja di terminal-terminal bas yang baru hendak bertolak ataupun yang sampai; tetapi juga kita membuat sekatan-sekatan jalan raya di laluan-laluan tertentu. Jadi dengan adanya sekatan-sekatan tersebut, maka kita telah pun banyak tindakan yang telah pun kita ambil yang perangkaannya saya tidak boleh nyatakan. Kalau saya tidak silap, tahun lepas sahaja 372 tindakan yang telah diambil.

Yang kedua mengenai dengan MIROS, memang dengan adanya MIROS beberapa kajian telah pun dibuat dan saya lihat peranan MIROS telah dapat membantu untuk mengurangkan kemalangan jalan raya. Seperti mana Yang Berhormat nyatakan tadi, kalau ikut perangkaan kami yang melibatkan kemalangan maut tidak sampai beribu lah Yang Berhormat. Tahun 2002, 45 orang; tahun 2003, 67 orang; tahun 2004, 69 orang; tahun 2005, 48 orang; tahun

2006, 39 orang; dan tahun 2007, 75 orang. Jadi kita melihat angka ini memang semakin meningkat.

Yang ketiga, Yang Berhormat menyatakan dengan kerjasama BPR, kita akan membuat laporan kepada pihak BPR sekiranya kita dapati aduan yang melibatkan penyalahgunaan kuasa ataupun kalau kita dapati ada yang berlaku melibatkan integriti satu-satu jabatan. Masalah yang kita hadapi juga ialah masalah ulat. Walaupun kita ada undang-undang, tetapi kita lihat bas-bas ekspres ini, mereka bijak bagaimana cara untuk mereka mencuri penumpang. Jadi kita juga sedang siasat ulat-ulat ini dan juga tindakan-tindakan telah pun kita ambil terhadap ulat-ulat ini.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Dato' Lee Sing Chooi.

**Dato' Lee Sing Chooi:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kita dengar menteri cakap kemalangan itu berlaku tiap-tiap bulan dan juga nampaknya apa yang kita buat itu tidak dapat menyekat bilangan kemalangan itu. Soalan saya, kalau macam itu macam mana kementerian hendak buat sesuatu yang tidak konvensional? Kita kena mempertingkatkan kelayakan dan juga prestasi pemandu bas ekspres; juga bolehkah kementerian menetapkan gaji minimum untuk pemandu bas ekspres dan buat *rebranding* untuk pemandu bas ekspres sebab mereka itu bukan pemandu biasa. Seperti kapten bas ekspres, *pilot* bas ekspres. Bagi satu imej yang baru dan juga gaji minimum yang baru dan juga kelayakan minimum yang lebih tinggi untuk mempertingkatkan prestasi pemandu bas ini. Sekian, terima kasih.

**Dato' Haji Noh bin Haji Omar:** Terima kasih cadangan Yang Berhormat. Memang kita sedang pun merancang dan telah pun mengadakan perbincangan dengan jabatan-jabatan terbabit, iaitu untuk kita menjadikan pemandu bas ini sebagai satu profesion. Bukan sahaja profesion sebagai *second class*, tetapi profesion yang dilihat sebagai satu profesion yang mendapat tempat daripada kalangan-kalangan belia terutamanya. Sebab itu salah satunya mungkin kita tidak panggil drebar bas, kita boleh jadi panggil kapten bas, mungkin dalam istilahnya.

Sekarang ini kita sedang bekerjasama dengan Pusat Giat Mara. Di mana kita minta Pusat Giat Mara mengadakan latihan pemandu dan apabila pemandu-pemandu ini diberi latihan di pusat giat mara, pemandu ini akan terus menjadi pemandu yang profesional dan diberikan lesen PSV kemudian di situ nanti digaji.

Yang Berhormat kata gaji minimum, tetapi kita sekarang ini memang tidak ada senarai gaji minimum. Apabila pemandu ini telah mempunyai kelayakan yang tertentu, sudah tentulah pemandu ini akan diberi gaji yang lumayan. Lebih-lebih lagi hari ini kita lihat bahawa banyak bas memerlukan drebar-drebar. Kalau pemandu-pemandu ini yang cekap dan prestasi yang baik sudah tentu dia akan berpeluang untuk dia bertukar dari satu syarikat ke satu syarikat untuk bekerja dengan syarikat yang mana memberikan tawaran gaji yang lebih baik.

Jadi, dengan adanya kerjasama dan juga perancangan Giat Mara, dan juga rancangan kita untuk kita mendaftarkan semua pemandu-pemandu ini di dalam satu sistem data, maka kita Insya-Allah akan dapat memantau pemandu-pemandu bas ekspres ini. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Dewan Negara memang menghargai kehadiran Yang Berhormat untuk menjawab soalan pada pagi ini. Terima kasih...

*[Tepuk]*

**4. Tuan Pau Chiong Ung** minta Menteri Pengajian Tinggi menyatakan:

- (a) adakah mutu graduan-graduan tidak sehebat atau setanding graduan dari luar negara sehingga banyak syarikat yang mengambil warga asing sebagai agar pekerja untuk jawatan profesional; dan
- (b) adakah pihak kementerian akan membuat kajian semula sistem pendidikan universiti tempatan agar setanding dengan universiti dari luar negara.

**Timbalan Menteri Pengajian Tinggi II [Dr. Hou Kok Chuan]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, untuk jawapan bahagian,

- (a) Kementerian sememangnya menyedari tentang adanya tanggapan negatif terhadap kualiti pengajian tinggi negara. Pelbagai usaha telah dijalankan untuk memastikan tidak terdapat suasana ataupun kes yang boleh menjejaskan tanggapan baik terhadap kualiti pengajian tinggi. Di antaranya adalah pemantauan terhadap kursus yang ditawarkan dan tindakan penguatkuasaan terhadap IPT yang tidak mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan. Dalam konteks ini, Agensi Kelayakan Malaysia ataupun MQA memainkan peranan untuk menjamin kualiti program pengajian di IPT tempatan melalui Kerangka Kelayakan Malaysia atau MQM.

Untuk jawapan bahagian,

- (b) Kementerian sentiasa berusaha ke arah memperkasa serta meningkatkan taraf dan kualiti IPT supaya setanding dengan universiti terkenal antarabangsa. Perkara ini diperincikan di dalam Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara atau PSTPN yang telah dilancarkan pada 27 Ogos 2007 oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. PSTPN mempunyai tujuh teras strategik untuk memartabatkan IPT tempatan sebagai hak kecemerlangan antarabangsa seperti berikut:
  - (i) meluaskan akses dan meningkatkan ekuiti;

- (ii) menambah baik kualiti pengajaran dan pembelajaran;
- (iii) memperteguh pendidikan dan inovasi;
- (iv) memperkasa institusi pengajian tinggi;
- (v) mempergiat pembelajaran antarabangsa;
- (vi) membudayakan pembelajaran sepanjang hayat; dan
- (vii) mengukur sistem penyampaian kementerian pengajian tinggi.

Sekian.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Tuan Pau Chiong Ung, selepas itu Tuan Lee Chee Kiong dan Datuk Soon.

**Tuan Pau Chiong Ung:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri di atas jawapan. Sebenarnya terdapat banyak graduan-graduan universiti tempatan yang berkualiti tinggi dan berupaya bersaing dengan warga asing. Namun banyak syarikat tidak percaya dengan mutu graduan tempatan.

▪ **1040**

Soalan tambahan saya ialah adakah ini disebabkan oleh kedudukan universiti tempatan semakin merosot dalam penilaian universiti antarabangsa tiap-tiap tahun? Sekian, terima kasih.

**Dr. Hou Kok Chung:** Tuan Yang di-Pertua, untuk maklumat Yang Berhormat, sebenarnya universiti tempatan di Malaysia ini tidak begitu teruk seperti tanggapan orang ramai. Dalam universiti yang beratus ribu di dunia ini, mengikut *Times ranking*, Universiti Malaya telah duduk dalam kedudukan 246, Universiti Putra Malaysia ialah 364, Universiti Kebangsaan Malaysia ialah 309, Universiti Sains Malaysia ialah 307.

Walau bagaimanapun, kementerian kita memang mengambil berat tentang *ranking* ataupun kedudukan universiti tempatan di antarabangsa. Beberapa langkah telah diambil untuk memperbaiki kedudukan IPT tempatan seperti:-

- (i) penurunan lebih banyak kuasa kepada universiti;
- (ii) penggalakan penyelidik menjalinkan jaringan dengan rakan luar negara;
- (iii) menganjurkan lebih banyak persidangan antarabangsa;
- (iv) menggalakkan ahli ekonomi memperoleh geran antarabangsa;
- (v) memberi peruntukan yang lebih besar kepada empat universiti penyelidikan ataupun RU; dan
- (vi) mewujudkan global *research clusters* dan menggabungkan *center of excellence* atau COE. RU dengan COE yang sama di universiti terkemuka di luar negara.

Sekian.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Tuan Lee Chee Keong.

**Tuan Lee Chee Keong:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Dengan adanya universiti-universiti antarabangsa yang masyhur yang telah bertapak di Malaysia seperti Monash Universiti dan sebagainya. Dengan IPTS di Malaysia yang telah ditingkatkan ke satu tahap yang dipanggil universiti kolej, maka kebelakangan ini ada pihak-pihak yang tertentu menuduh graduan daripada IPTA lebih rendah mutunya dari segi tahap pengetahuan, dari segi *soft skills* dengan izin, berbanding dengan graduan-graduan daripada IPTS di Malaysia. Apakah pandangan timbalan menteri kita dan apakah usaha kementerian untuk meningkatkan lagi mutu graduan IPTA kita? Terima kasih.

**Dr. Hou Kok Chung:** Untuk maklumat Yang Berhormat. Kementerian KPT memang mengambil berat tentang tanggapan ataupun pandangan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat. Langkah-langkah yang telah dan akan diambil termasuk:-

- (i) meneruskan pengambilan pelajar ke IPTA berdasarkan kepada meritokrasi melalui pencapaian akademik dan kurikulum;
- (ii) menambah baik dan menyemak kurikulum setiap tiga hingga lima tahun berdasarkan kepada tempoh pengajian melalui Jawatankuasa Kurikulum IPT yang diberi fleksibiliti untuk mengubah kurikulum supaya relevan dan memenuhi kehendak industri;
- (iii) memantapkan pengalaman, pengajaran dan pembelajaran melalui kaedah pengajaran yang berinovatif, sistematik dan dinamik;
- (iv) memantau, menilai kemajuan prestasi dan kualiti kurikulum serta program pengajian secara berkala;
- (v) memantapkan sistem penilaian pembelajaran dan perkhidmatan sokongan pelajar untuk meningkatkan pencapaian hasil pembelajaran;
- (vi) menambah bilangan penyelidik dan mempertingkatkan aktiviti penyelidikan dan inovasi serta menggalakkan IPT melalui aktiviti R&D bagi penerokaan dan penemuan ilmu baru dan termaju;
- (vii) memantapkan struktur takbir urus IPT dengan meningkatkan keberkesanan pengurusan dan penyampaian perkhidmatan yang dinamik, berkualiti dan berintegriti;
- (viii) menubuhkan satu atau dua buah aspirasi yang menjadi mercu tanda kecemerlangan IPT tempatan; dan
- (ix) memperluaskan dan memantapkan jaringan global IPT tempatan dengan IPT terkemuka luar negara serta mewujudkan kolaborasi antarabangsa dengan syarikat multinasional tempatan dan antarabangsa.

Sekian.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Datuk Soon Tian Szu

**Datuk Soon Tian Szu:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Dalam konteks mempertingkatkan sistem pendidikan universiti tempatan, penerbitan hasil kajian merupakan salah satu kriteria yang penting tetapi unit penerbitan di universiti yang begitu lemah tanpa kepimpinan yang berkredibiliti menyebabkan kurangnya minat di kalangan ahli-ahli akademik untuk menerbitkan hasil mereka dengan unit penerbitan universiti masing-masing.

Soalan tambahan saya ialah dalam usaha kita memartabatkan industri penerbitan kita, adakah pihak kementerian bercadang untuk menswastakan unit-unit penerbitan universiti tempatan supaya dapat bersaing dengan pasaran tempatan dan antarabangsa seperti *Oxford University Publication*. Terima kasih.

**Dr. Hou Kok Chung:** Tuan Yang di-Pertua, untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, penerbitan memang merupakan satu kriteria dalam *ranking system* yang dianjurkan oleh beberapa luar badan tempatan ataupun luar negara. Untuk maklumat Yang Berhormat, kementerian kita memang menggalakkan penerbitan sarjana-sarjana di universiti tempatan.

Untuk maklumat Yang Berhormat, seperti apa yang dilakukan oleh Universiti Malaya, setiap pensyarah telah dinasihatkan supaya sekurang-kurangnya menerbitkan dua artikel dalam setiap tahun dan ini memang merupakan satu kriteria yang paling penting dalam *ranking* universiti yang telah dianjurkan oleh *Times ranking* antarabangsa itu. Sekian.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat.

**5. Puan GK Loga Chitra** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan, bilangan penerima bantuan mengikut kaum di bawah Program Pembasmian Kemiskinan Bandar setakat 2007.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan II [Dato' Hamzah bin Zainudin]:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya ingin meminta izin untuk saya menjawab soalan Yang Berhormat Senator Dato' Hajah Saripah Aminah yang berjadual pada 2 Jun, tentang soalan yang hampir sama. Boleh?

**Timbalan Yang di-Pertua:** Dibenarkan Yang Berhormat dan sekali gus saya memberikan peluang kepada Yang Berhormat Dato' Hajah Saripah Aminah untuk mengemukakan soalan tambahan ini. Silakan Yang Berhormat.

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Senator Dato' Hajah Saripah Aminah serta Yang Berhormat Senator GK Loga Chitra yang membuat soalan pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua serta Ahli-ahli Yang Berhormat, membasmi kemiskinan adalah satu misi nasional yang dirancang oleh Kerajaan Barisan Nasional. Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan mengambil alih fungsi pembasmian kemiskinan bandar mulai tahun 2004 berikutan penyusunan semula kementerian-kementerian dalam negara.

Program Pembasmian Kemiskinan Bandar mulai dilaksanakan pada tahun 2006 oleh Bahagian Kemiskinan Bandar kementerian ini. Matlamat KPKT adalah untuk membasmi kemiskinan tegar dan mengurangkan kadar kemiskinan bandar daripada 5.6% kepada 2.8% menjelang tahun 2010. Kumpulan sasar bagi kemiskinan bandar ialah golongan miskin dan miskin tegar dikenal pasti berdasarkan pendapatan garis kemiskinan yang ditetapkan oleh Unit Perancang Ekonomi dari masa ke semasa. Berdasarkan kepada PTK tersebut, KPKT telah mengenal pasti golongan miskin bandar melalui bancian KPU atau DOS, pendaftaran terbuka oleh KPKT mulai tahun 2006 hingga kini.

Pendaftaran terbuka dilaksanakan melalui PBT di seluruh Malaysia selaku agensi kerajaan untuk mengenal pasti kumpulan sasar di kawasan masing-masing mengumpul permohonan pemohon berdasarkan borang yang diedarkan. Mengemukakan maklumat pemohon kepada KPKT dan mengagihkan peruntukan tersebut kepada pemohon yang layak menerima bantuan tersebut.

#### ■1050

Dalam usaha membasmi kemiskinan, KPKT sedang berusaha mengambil langkah membasmi kemiskinan bandar melalui Program Pembasmian Kemiskinan Bandar ini. PPKB tidak meletakkan sasaran tertentu kepada setiap negeri tetapi PPKB dilaksanakan mengikut *incident* kemiskinan yang dikenal pasti di mana-mana kawasan bandar di Malaysia. PPKB mengandungi tujuh program seperti berikut:-

- (i) perumahan keluarga miskin;
- (ii) pengurangan beban tanggungan keluarga;
- (iii) pendidikan dan latihan;
- (iv) penjanaaan pendapatan atau peluang pekerjaan;
- (v) bantuan ihsan penduduk miskin di bandar;
- (vi) pusat sejahtera, pusat maklumat dan aktiviti; dan
- (vii) pangkalan data kemiskinan bandar.

Daripada tujuh program teras dinyatakan itu sejumlah tujuh lagi komponen program adalah merupakan bantuan-bantuan yang boleh dipohon oleh keluarga miskin dan miskin tegar itu. Komponen tersebut adalah:-

- (i) bantuan sewa rumah;
- (ii) bantuan kos persiapan kemasukan ke sekolah;

- (iii) bantuan kos jagaan kanak-kanak;
- (iv) bantuan kos pengangkutan ke sekolah atau tempat kerja;
- (v) bantuan kos rawatan *dialysis*;
- (vi) bantuan kos pendidikan dan latihan kemahiran; dan
- (vii) bantuan ihsan keluarga miskin di bandar.

Bagi membantu menambahkan pendapatan golongan miskin pula PBT juga menggalakkan golongan miskin menceburi bidang perniagaan melalui pemberian gerai-gerai seperti program pemberian gerai kepada ibu tunggal, membantu mengembangkan perniagaan dari segi mempromosikan produk mereka dan meningkatkan keupayaan pendapatan golongan sasar untuk memberi peluang kepada mereka menceburi bidang keusahawanan.

Dalam meluluskan pelan permohonan PBT juga di atas inisiatif sendiri boleh mencadangkan keluarga yang miskin itu di senarai di bawah program perumahan rakyat supaya dapat diagihkan rumah PPR untuk disewa kepada mereka sekiranya terdapat projek dibina di kawasan PBT yang berhampiran. Sehingga kini sejumlah RM28.82 juta telah di belanja dan diagihkan kepada golongan miskin di bandar sebanyak 13,143 keluarga telah menerima manfaat daripada pelbagai projek di bawah PPKB mengikut etnik seperti berikut:

Bil.	Kaum		Jumlah
1.	Melayu	-	7,043
2.	India	-	1,302,
3.	Cina	-	925
4.	Bumiputera Sabah	-	2,138
5.	Bumiputera Sarawak	-	1,682
6.	Lain-lain	-	53
	<b>Jumlah</b>	-	<b>13,143</b>

Sekian, terima kasih.

**Timbalan Tuan Yang di-Pertua:** Puan Loga Chitra dan selepas itu Datuk Wira Syed Ali, maaf.

**Puan G. K. Loga Chitra:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Timbalan Menteri bagi jawapan tadi. Soalan tambahan saya, berapakah jangka masa diambil untuk memproses permohonan dan apakah tindakan kerajaan untuk memudahkan pengisian borang di bawah program ini, terima kasih.

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga Yang Berhormat Senator. Jangka masa untuk meluluskan permohonan ini kita menganggarkan supaya

ianya boleh dibuat sebelum dalam masa tidak lewat daripada enam bulan. Sekarang ini kita sedang cuba untuk mengurangkannya sehingga kalau boleh dalam masa sebulan kerana pada asalnya borang yang telah pun diberikan adalah merupakan satu borang yang saya rasa agak begitu panjang untuk diisikan oleh mereka-mereka yang memohon. Maka kita ingin mengurangkannya sehingga mungkin akan ambil satu atau dua muka surat sahaja dan untuk kita, apa soalan yang kedua tadi?

**Puan G. K. Loga Chitra:** *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Itulah dia tindakan kita untuk mengurangkan dan saya percaya ianya dapat diselesaikan dalam masa yang terdekat ini. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Tuan Yang di-Pertua:** Datuk Wira Syed Ali selepas itu Dato' Hajah Saripah Aminah.

**Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang menjawab soalan dengan begitu terperinci. Saya ada soalan tambahan sedikit sahaja. Apakah pendapatan garis kemiskinan yang diguna pakai dan adakah apa-apa bantuan yang diberikan seperti bantuan ihsan kepada penduduk miskin dalam bandar? Terima kasih.

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk Syed Ali sahabat saya. Soalan pertama adalah pendapatan garis kemiskinan yang diguna pakai. Sekarang ini apa untuk kita guna pakai adalah seperti yang telah pun ditetapkan oleh EPU pada tahun 2007.

#### Garis Kemiskinan bagi kumpulan miskin

Kawasan	Pendapatan Isi Rumah (RM)	Pendapatan Per Kapita (RM)
Semenanjung	660	160
Sabah	880	170
Sarawak	780	170

#### Garis Kemiskinan bagi kumpulan miskin tegar

Kawasan	Pendapatan Isi Rumah (RM)	Pendapatan Per Kapita (RM)
Semenanjung	390	90
Sabah	490	100
Sarawak	480	110

Ini adalah merupakan pendapatan bulanan isi rumah yang di kumpulkan semua. Itulah dianggap sebagai pendapatan. Manakala bantuan ihsan yang kita beri sebenarnya ada kita berikan bantuan ihsan penduduk miskin di bandar ini melalui beberapa cara. Spesifik tentang bantuan ihsan yang diberikan adalah seperti bantuan secara *one-off* yang kita berikan kepada keluarga miskin yang telah pun berdaftar dengan kita dan mereka ini apabila menimpa kesusahan seperti diberhentikan kerja, musnah tempat kediaman, hilang upaya akibat kemalangan atau bekerja sendiri, kematian ketua keluarga, musnah tepat bekerja ataupun kerja sendiri. Kadar maksimum bantuan ihsan yang kita berikan adalah sebanyak RM3,000 untuk sekeluarga miskin tegar dan kadar maksimum RM2,000 untuk keluarga miskin. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Tuan Yang di-Pertua:** Dato' Saripah.

**Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji syed Mohamed:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan saya telah pun terjawab oleh pihak Menteri, terima kasih.

**6. Dato' Gooi Hoe Hin** minta Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi menyatakan, sama ada syarikat-syarikat perladangan telah bersetuju untuk menubuhkan satu tabung pendidikan untuk anak-anak pekerja estet.

**Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi [Tuan A. Kohilan Pillay a/l G. Appu]:** Tuan Yang di-Pertua, pada dasarnya terdapat beberapa buah syarikat perladangan yang telah bersetuju untuk menyediakan peruntukkan sejumlah kira-kira RM1 bilion bagi program peningkatan kebajikan. Kemudahan dan prasarana dan termasuk pendidikan untuk anak-anak pekerja ladang untuk tempoh lima tahun iaitu dari tahun 2008 hingga 2012. Ia adalah sebahagian daripada inisiatif syarikat-syarikat berkenaan melaksanakan amalan tanggungjawab sosial korporat atau *corporate social responsibility* atau CSR mereka. Selain itu syarikat-syarikat perladangan yang menjadi ahli *the Malayan Agricultural Producers Association* atau MAPA juga boleh mendapat kemudahan biasiswa yang dianjurkan oleh MAPA iaitu kepada anak-anak pekerja ladang yang cemerlang, sekian.

**Dato' Gooi Hoe Hin:** Terima kasih. Selepas mendengar jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri walaupun dua bulan sahaja, apa saya boleh kata lagi? Hanya syukurlah, syukur kepada tuhan yang maha esa dan maha berkuasa kerana atas limpah kurniannya akhirnya perkara ini telah menjadi kenyataan.

■1100

Saya sendiri berasa lega kerana janji telah dikotakan. Sekian lama Dewan yang mulia ini telah membangkitkan isu golongan yang terpinggir. Syabas dan pujian harus diberikan kepada menteri dan timbalan menteri yang baru serta syarikat-syarikat perladangan atas usaha konkrit dan murni ini. Agar golongan yang sekian lama terpinggir akan terus terbela. Soalan saya sama

ada perkara ini akan diuruskan oleh KPPK, Lembaga Minyak Sawit ataupun syarikat perladangan dan jika diuruskan oleh KPPK ianya patut dipengerusikan oleh menteri sendiri atau timbalan menteri kerana ini akar umbi. Ahli politik lebih faham memandangkan betapa pentingnya golongan terpinggir ini benar-benar mendapat manfaat khususnya dari aspek pelajaran, kesihatan dan kebajikan. Terima kasih.

**Tuan A. Kohilan Pillay a/l G. Appu:** Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya sumbangan dari syarikat-syarikat perladangan sebanyak RM1 bilion ini adalah dalam bentuk *pledge*, dengan izin. Ada banyak syarikat yang telah memberi sumbangan-sumbangan antaranya ialah IOI, Boustead, PBB Oil Palm, Asiatic Development Berhad, Kulim Berhad dan ada syarikat-syarikat lain yang masih belum menyerahkan iaitu sebanyak lebih kurang RM389 juta.

Saya percaya *pledge* ini akan diikuti. Sebenarnya kami bersama MPOB atau Malaysian Palm Oil Berhad telah pun membuat lawatan ke sekolah-sekolah khususnya di ladang-ladang kelapa sawit, getah dan sebagainya di mana hasil dari lawatan tersebut lebih kurang 276 sekolah yang dilawati didapati kira-kira tujuh sekolah berada di tahap yang kurang memuaskan. Jadi lawatan susulan akan dibuat ke sekolah-sekolah yang kurang memuaskan ini dan kami akan meminta syarikat-syarikat perladangan untuk menaiktarafkan atau dengan izin, *upgrade* sekolah-sekolah ini.

Di samping itu, kami juga akan melihat akan kemudahan-kemudahan prasarana yang lain termasuk *kindergarten*, infrastruktur dan sebagainya. Ini adalah untuk tempoh lima tahun. Jadi kementerian di bawah saya, saya sendiri akan membuat pemantauan akan pelaksanaan program ini untuk tempoh lima tahun... [*Tepuk*] Sekian.

**Tuan Rawisandran a/l Narayanan:** Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada kementerian kerana akhirnya telah mengambil satu keputusan supaya ingin membantu golongan yang telah lama terpinggir ini. Saya ada sedikit sahaja soalan tambahan. Apakah bentuk program yang dilaksanakan oleh syarikat perladangan ini untuk membantu pendidikan anak-anak pekerja ladang? Itu sahaja.

**Tuan A. Kohilan Pillay a/l G. Appu:** Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya sumbangan syarikat-syarikat perladangan kepada anak-anak pekerja khususnya adalah cukup banyak di mana kalau kita lihat setiap syarikat perladangan mereka mempunyai tabung pendidikan mereka sendiri. Contohnya Sime Darby. Mereka mempunyai Yayasan Sime Darby Berhad di mana mereka memberi bantuan untuk melanjutkan pengajian ke peringkat ijazah sarjana dan kedoktoran kepada anak-anak pekerja.

Di samping itu, bagi sekolah-sekolah yang terletak di luar bandar dan kedudukan agak terpencil, syarikat-syarikat ini juga menyediakan kemudahan pengangkutan sama ada darat atau

air. Contohnya penyediaan kemudahan bot bagi anak-anak pekerja di Sabah untuk menyeberangi Teluk Sandakan untuk bawa anak-anak ke sekolah di Kinabatangan. Jadi ada juga program-program seumpama ini. Di samping itu kita juga ada program pintar kepada anak-anak pekerja dan sebagainya. Saya percaya dalam masa-masa akan datang lebih banyak program kepada anak-anak pekerja ini dapat disediakan. Sekian.

**7. Dato' Haji Idris bin Haji Buang** minta Menteri Pelajaran menyatakan, apakah dasar-dasar atau program-program yang telah dirangka oleh kementerian di dalam mengatasi masalah disiplin pelajar-pelajar sekolah terutama mereka yang terbabit dalam gejala-gejala yang tidak sihat dan tidak bermoral seperti menghidu gam, menjual pil khayal, kes buli, gengsterisme dan sebagainya.

**Timbalan Menteri Pelajaran [Dato' Razali bin Ismail]:** Terima kasih Yang Berhormat. Terima kasih di atas keprihatinan ataupun cakna Yang Berhormat untuk bertanya tentang masalah disiplin yang merupakan perkara penting dalam kita membangunkan modal manusia dan hakikatnya adalah untuk anak-anak kita ini mengenal hakikat dirinya, dapat mengawal dirinya dan dapat memberi dirinya demi kesejahteraan dan kebaikan. Strategi untuk kita mendepani masalah disiplin terbahagi kepada dua. Yang pertamanya strategi *educative* dari segi pendidikan asuhan dan yang keduanya ialah strategi *punitive* yakni tindakan-tindakan yang bersifat celaan, yang bersifat tindakan-tindakan disiplin.

Menjawab tentang soal dasar, Kementerian Pelajaran tidak akan mengambil mudah tentang masalah disiplin-disiplin ini walaupun peratus salah laku murid-murid berada pada kadar bawah daripada 2% tetapi kementerian tetap memandang serius perkara ini. Sehubungan itu bagi memantapkan pengawalan terhadap disiplin ini kementerian telah memantapkan semula peraturan-peraturan disiplin sekolah untuk memperbaiki prosedur disiplin yang sedia ada yakni peraturan-peraturan pelajaran, disiplin sekolah 1959 yang digubal di bawah Ordinan Pelajaran 1957 yang telah digunakan selama hampir 48 tahun. Draf baru kepada peraturan ini adalah Peraturan-peraturan Pendidikan 2007 yang digubal di bawah Akta Pendidikan 1996 yang telah disediakan dan dijangka diwartakan pada tahun ini.

Peraturan disiplin yang dipinda ini adalah bersifat komprehensif untuk melindungi guru-guru yang melaksanakan tindakan disiplin terhadap murid dan juga penyertaan penglibatan secara muafakat daripada ibu bapa. Berhubung dengan program tindakan mengatasi masalah di antaranya ialah:

- (i) mengadakan kempen menerusi media elektronik di mana masyarakat boleh menggunakan kemudahan *hotline* di kementerian, e-mel, laman web, akhbar tentang isu-isu yang berbangkit tentang disiplin di mana tindakan boleh dilakukan;

- (ii) melaksanakan Program Jati Diri sebab kita lihat masalahnya juga berpunca daripada dalam diri anak-anak. Maka dalam masalah ini tindakan seperti *emotional indulgent*, *moral indulgent* dan pendidikan bersepadu penyertaan anak-anak kita dalam kegiatan kokurikulum diberi penekanan;
- (iii) melaksanakan kursus-kursus berperingkat yang berkaitan dengan perundangan dan peraturan kepada guru-guru kita agar tindakan menurut lunas-lunas tatatertib dan peraturan dapat dijalankan;
- (iv) menggerakkan operasi pasukan petugas anti ponteng;

■1110

- (v) operasi *flying squad* iaitu mengambil tindakan-tindakan segera. Apabila sesuatu perkara berbangkit di akhbar, pegawai-pegawai Kementerian Pelajaran termasuk di peringkat PPD akan terus merawat dan memberi *treatment-treatment* yang sepatutnya;
- (vi) poster-poster anti ponteng dan anti buli. Sekarang ini perkara yang terkini berbangkit ialah *cyber-bullying* yang dihadapi oleh anak-anak;
- (vii) secara rintis program intervensi buli dan juga program minda sejahtera;
- (viii) mengerakkan permuafakatan, tindakan bersama PIBG, PDRM dan pihak berkuasa tempatan; dan
- (ix) sistem *merit demerit* yang mengguna pakai kaedah secara elektronik disebut sebagai *e-disiplin*.

Sekian, di antara beberapa tindakan yang dibuat untuk memastikan kita dapat memperkasakan sejahtera dan keselamatan anak-anak kita di sekolah.

**Dato' Haji Idris bin Haji Buang:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya ialah penglibatan ibu bapa mengenai program-program seperti program kadet polis, program yang berunsurkan menambahkan disiplin dan kesedaran anak-anak seperti tidak merokok dan sebagainya, kesan sampingan, kesan negatif ke atas kesihatan mereka dan kesan jenayah kepada masa hadapan mereka. Saya ingat pengetahuan sedemikianlah, apakah pandangan Yang Berhormat tentang langkah-langkah yang kementerian hendak ambil untuk memperhebatkan perkara-perkara seperti ini supaya kesedaran anak-anak dapat dicetuskan daripada mula dan awal lagi supaya modal insan itu betul-betul berkualiti apabila mereka besar nanti. Sekian terima kasih.

**Dato' Razali bin Ismail:** Terima kasih, itulah yang saya sebut tadi itu. Pendekatan kita adalah pendekatan secara bersepadu. Yakni pendekatan pendidikan dan pendekatan yang bersifat punitif itu. Kita hendak bermula daripada rumah tangga lagi. Yakni peranan ibu bapa dari

segi keibubapaan atau *parenting*. Ia bermula daripada situ dan ia membina rasa jati diri, rasa integriti. Kita membina *high self-esteem* kepada diri anak-anak.

Selain daripada itu juga seperti mana yang telah disebut ialah kita menggalakkan penyertaan anak-anak kita dalam kegiatan kokurikulum. Misal kata baru-baru ini hampir 3000 anak-anak kita dikumpulkan di Putrajaya untuk mereka terlibat dalam kawad kaki. Betapa kita lihat di situ anak-anak bersatu hati dari pelbagai rumpun bangsa di bawah program, berkumpul di situ dan juga sederap selangkah mereka mengadakan kawad kaki. Ini memberikan penekanan kepada disiplin secara tidak langsung kepada mereka itu, selain daripada memberi rasa siap siaga. Ertinya siap sedia supaya mereka itu tidak lalai, tidak leka terjebak dalam kegiatan merokok dan serba macam lagi.

Jadi ini adalah pendekatan Kementerian Pelajaran. Pendekatannya adalah menepati falsafah pendidikan kita, yakni pendekatan secara bersepadu. Ia juga melibatkan ibu bapa, melibatkan agensi dan kerja sinergi, kita kerja sama kita dengan pelbagai pihak di luar daripada Kementerian Pelajaran.

**Puan Nordiana binti Datuk Haji Shafie:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya ialah jika kita lihat kepada pelajar-pelajar yang ada masalah disiplin ini adalah pelajar-pelajar yang tidak berminat dengan pembelajaran secara melibatkan buku-buku dan sebagainya. Kebanyakan pelajar-pelajar ini adalah mereka yang duduk di kelas belakang-belakang. Jadi tidakkah kementerian bercadang supaya pelajar-pelajar ini diberikan satu kemahiran yang bersesuaian dengan jiwa mereka umpamanya dari segi kemahiran atau sebagaimana TV3 lakukan, kalau budak lelaki dia minat main bola, bagi dia main bola sehingga dia mahir menjadi pemain bola. Terima kasih.

**Dato' Razali bin Ismail:** Terima kasih, satu pandangan yang cukup proaktif. Jadi mesti kita harus melayani keinginan anak-anak kita. Kita harus tahu apakah *mood* dan juga keinginan anak-anak kita. *Teaching must be fun*, ertinya rasa kegembiraan anak-anak kita, barangkali kegiatan-kegiatan seni, sukan serba macam lagi itu. Kita sudah menubuhkan dua buah sekolah yakni sekolah seni, satu di Johor dan satu lagi di Kuching, di Sarawak di mana kita cuba memberi ruang kepada anak-anak kita ini untuk mereka itu terlibat dan mengolah bakat-bakat seni yang ada.

Selain daripada itu juga sekarang ini, kita memberi perhatian kepada kemahiran yang bersifat *non-academic*, yakni kegiatan-kegiatan ko-kurikulum. Dalam ucapan penanguhan saya lihat di situ, ada cadangan supaya anak-anak kita yang tidak *academically incline* dengan izin, kita beri pendedahan kepada MPV iaitu mata pelajaran vokasional dan juga teknika. Kita siapkan mereka itu dengan kegiatan *hands on involvement* bukan sahaja *hands-on, hearts on*, tetapi

*minds on* sekali gus. Ini adalah pendekatan yang bersepadu yang sedang dilaksanakan. Terima kasih.

**Tuan Ir. Hiang A Li:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak ucapkan tahniah kepada kementerian yang telah memperuntukkan kaedah yang baru dengan pendekatan baru dan *approach* baru yang akan menjadikan pendidikan di Malaysia ini lebih mesra. Ini satu tanda yang baik dan *synergy* baru.

Walau bagaimanapun saya ada satu soalan yang berkenaan dengan *Demerit System* yang masih wujud lagi, yang didapati setiap tahun ramai pelajar yang disingkirkan dari sekolah kerana *Demerit System*. Murid-murid atau pelajar-pelajar selepas keluar dari sekolah akan menjadi masalah sosial kepada masyarakat kita. Jadi saya kluatir *Demerit System* ini...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Soalan Yang Berhormat.

**Tuan Ir. Hiang A Li:-** Adakah masih berkesan lagi? Soalan kedua, adakah kementerian bercadang untuk mengadakan satu sistem atau cara baru untuk memberikan kaunseling, memberikan segala yang boleh menjadikan mereka menjadikan murid atau pelajar yang berguna atau modal insan yang berguna kepada kita. Itulah soalan saya. Sekian, terima kasih.

**Dato' Razali bin Ismail:** Intensiti tentang masalah disiplin di sekolah, saya ada statistik di sini iaitu gantung sekolah di mana mereka telah terlibat dalam kes-kes yang parah. Statistiknya tidak menunjukkan tinggi iaitu 0.37% dan kita mesti jelas bahawa jumlah pelajar kita di sekolah adalah 5.4 juta orang. Ertinya ini adalah merupakan nisbah yang agak rendah. Buang sekolah; 0.18%. Jadi ini adalah merupakan kes-kes yang dilihat serius. Mungkin ada kes-kes yang lain yang barangkali kurang sopan, kurang adab, keletihan dalam bilik darjah, tetapi itu adalah kes yang boleh dirawat secara segera oleh guru-guru.

Selain daripada itu juga, kita telah mengadakan kegiatan yang bersifat ko-kurikulum yang telah disebut tadi iaitu pra PLKN di sekolah seperti kawad. Selain daripada itu, apabila mereka keluar daripada sistem kita, kita hendak pastikan sekarang ini kerjasama kita dengan Kementerian Pertahanan, yakni Program PLKN dan di situ juga ada pelbagai kegiatan. Selain daripada itu adalah disebut tadi kita harus terima iaitu rawatan secara psikologi kepada anak-anak kita. Malah, kita mendapatkan penyertaan daripada pihak profesional hospital dari segi mendapatkan pakar-pakar psikiatri supaya memberi *treatment* dari segi apa yang disebut sebagai *emotional intelligent, spiritual intelligent, and moral intelligent*. Terima kasih.

8. **Tuan Chiu Tiang Chai** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan, bagaimanakah kawalan ke atas banduan-banduan di bawah Sistem Parol yang akan bermula pertengahan tahun ini, iaitu bagaimana pihak penjara akan mengesan kedudukan mereka memandangkan negara-negara yang mengamalkan sistem ini seperti Australia, Kanada, United Kingdom, dan Amerika Syarikat membuat perbelanjaan yang besar ke atas '*tracking system*' banduan.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Wan Ahmad Farid bin Wan Salleh]:** Yang Berhormat dengan izin Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang telah mengemukakan pertanyaan. Untuk makluman Dewan yang mulia, Sistem Parol telah diperkenalkan oleh kerajaan melalui pindaan kepada Akta Penjara 1995 yang dibuat pada tahun lepas tahun 2007. Secara umumnya, Sistem Parol adalah pelepasan seseorang banduan untuk menjalani mana-mana baki hukuman pemenjaraan di luar daripada tembok penjara. Ia adalah satu pendekatan yang melibatkan peranan lebih aktif oleh masyarakat dalam proses pemulihan pesalah secara berterusan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelaksanaan Sistem Parol ini akan bermula pada bulan Julai tahun ini dan hanya melibatkan pesalah-pesalah kes ringan sahaja. Memang benar apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bahawa pelaksanaan Sistem Parol ini memerlukan pemantauan yang berterusan bagi memastikan orang yang di parol bukan sahaja mematuhi syarat-syarat parol, tetapi juga membolehkan proses rehabilitasi atau pemulihan orang yang di parol ke pangkuan masyarakat dapat dilaksanakan dengan jayanya.

**•1120**

Tuan Yang di-Pertua, sementara ada negara yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat seperti di Amerika Syarikat memilih untuk memantau orang yang di parol dengan menggunakan dan melaksanakan *tracking system*. Malaysia menggunakan pendekatan pemantauan yang berbeza. Semangat konsep parol yang dipraktikkan di negara kita adalah berlandaskan kepada menggalakkan perlakuan yang baik dan kerajinan serta untuk memudahkan perlakuan pemulihan seseorang banduan.

Oleh itu, untuk makluman Dewan yang mulia, orang yang di parol hendaklah melaporkan diri kepada pegawai parol pada bila-bila masa yang diperlukan. Tinggal hanya di tempat yang dinyatakan dalam perintah parol. Perlu ada kebenaran jika keluar dari kawasan berkenaan dan mengikuti apa-apa program pemulihan yang diaturkan dari masa ke semasa. Untuk tujuan pemantauan, pegawai parol daerah akan membuat lawatan berkala ke rumah dan tempat kerja orang yang di parol.

Pegawai parol berkenaan juga akan memastikan keterlibatan keluarga orang yang di parol dan juga majikannya jika dia bekerja semasa dalam perintah parol untuk memudahkan proses pemulihan. Di luar dan di tempat kerja, pegawai parol akan menghubungi pemimpin masyarakat seperti penghulu, ketua kampung untuk tujuan-tujuan pemantauan.

Oleh itu Tuan Yang di-Pertua, kerajaan tidak bercadang setakat ini untuk menggunakan sistem *tracking* seperti yang terdapat di sesetengah negara yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat. Oleh itu perbelanjaan yang besar bagi pihak kerajaan tidaklah berbangkit buat masa ini. Sekian, terima kasih.

**Tuan Chiu Tiang Chai:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Tanpa pegawai parol yang terlatih dan komited, program ini pasti akan gagal. Oleh yang demikian, selain menumpukan pembelian peralatan yang sesuai, saya ingin menggesa pihak kementerian untuk menumpukan peruntukan ke arah latihan yang secukupnya kepada pegawai parol.

Soalan tambahan saya ialah apakah pandangan pihak kementerian tentang cadangan penubuhan sebuah pusat latihan atau akademi latihan untuk pegawai-pegawai parol? Terima kasih.

**Dato' Wan Ahmad Farid bin Dato' Wan Salleh:** Terima kasih Ahli Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju bahawa pemantauan orang yang di parol ini memerlukan pegawai-pegawai parol daerah yang terlatih. Oleh itu, tempoh kelulusan undang-undang dan tempoh pelaksanaan kita gunakan sepenuhnya untuk melatih pegawai-pegawai parol daerah yang memang hari ini amat terlatih.

Berhubung dengan pusat latihan pegawai parol, setakat hari ini kerajaan tidak bercadang untuk menubuhkannya. Memadailah dengan setakat pusat latihan penjara yang ada di beberapa tempat di negara kita. Sekian, Terima kasih.

**Dato' Wong Siong Hwee:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah saya difahamkan sistem parol ini mula dikaji sejak tahun 2003. Jadi sebab apa sekian lama selepas enam tahun baru kita hendak melaksanakan sistem parol ini? Pada tahun ini mengikut unjuran kerajaan, berapa banduan yang akan dilepaskan dalam sistem parol dan apa jenis-jenis jenayah yang tidak dibenarkan dalam sistem parol ini? Sekian, terima kasih.

**Dato' Wan Ahmad Farid bin Dato' Wan Salleh:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk menyedapkan hati dan perasaan Ahli Yang Berhormat, kesalahan-kesalahan yang tidak dibenarkan parol ialah kesalahan yang berat termasuk Seksyen 124 Kanun Keseksaan iaitu menyerang Ahli Parlimen. Jadi barang siapa yang menyerang Ahli Parlimen sama ada Dewan Rakyat dan Dewan Negara, jika disabitkan kesalahannya di bawah Seksyen 124 Kanun Keseksaan, dia tidak akan dibenarkan parol.

Pada menjawab soalan berapakah banduan yang layak memohon untuk pelaksanaan sistem parol ini. Pada bulan Julai ini, seramai 767 orang banduan layak untuk memohon di bawah sistem parol. Pada bulan Ogos, seramai 171 dan sehingga hujung tahun ini sejumlah 1,255 orang banduan layak untuk memohon supaya mereka ditempatkan di bawah sistem parol. Terima kasih.

**Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang telah menjawab. Saya tidak sangka pula serang Ahli Parlimen tidak boleh di parol.

Walau bagaimanapun, saya hendak tanya soalan berkenaan dengan tiada undang-undang yang telah pun kita bincang berkenaan dengan menghantar penjenayah-penjenayah daripada luar negara yang telah dijatuhkan hukuman untuk menjalankan hukuman mereka di negeri asal mereka. Seperti Indonesia, Bangladesh dan lain-lain.

Memandangkan pada hari ini kita membiayai tempat tinggal, makanan percuma kepada banduan-banduan yang telah menjalani hukuman daripada negara luar ini yang merangkumi 40% daripada total banduan. Apa pendapat Yang Berhormat, adakah kaedah-kaedah yang dibincangkan di peringkat kementerian untuk mengelakkan kita membazir kewangan memberi perlindungan kepada mereka-mereka ini? Sekian, terima kasih.

**Dato' Wan Ahmad Farid bin Dato' Wan Salleh:** Terima kasih Ahli Yang Berhormat, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ada dua perkara yang perlu dibuat, memang kerajaan sedar bahawa terlalu ramai banduan-banduan daripada warga negara asing yang sedang berada di dalam penjara di negara kita.

Ada dua perkara yang perlu dibuat Tuan Yang di-Pertua. Yang pertamanya ialah, kita hendaklah mempunyai satu perjanjian saling di antara ataupun *reciprocal* di antara negara kita dan negara-negara lain. Jika sekiranya, negara-negara lain itu boleh kita hantarkan banduan warganegara mereka untuk mereka menyudahkan tempoh pemenjaraan mereka di negara asal mereka. Maka dalam masa yang sama, kita juga sanggup menerima banduan-banduan warganegara kita dari negara tersebut untuk kita masukkan ke dalam penjara kita bagi mereka menyempurnakan tempoh pemenjaraan mereka di negara kita. So kena ada *reciprocity* di dalam rundingan kita dengan negara-negara yang berkenaan.

Yang keduanya yang perlu dibuat ialah pindaan kepada Akta Penjara. Apa yang perlu kita buat adalah untuk menyempurnakan proses itu. Oleh itu Tuan Yang di-Pertua, kerajaan memandang serius perkara ini dan memang ianya dalam kajian untuk pelaksanaan di masa akan datang. Terima kasih.

**9. Dato' Haji Ikhwan Salim bin Dato' Sujak** minta Menteri kewangan menyatakan, apakah dasar kerajaan di dalam menerima *double tax treat* agar ianya menguntungkan negara.

**Dato' Haji Ikhwan Salim bin Dato' Sujak:** Tuan Yang di-Pertua, soalan saya nombor 9 tetapi ada sedikit kesilapan ejaan. Sepatutnya di baca dengan izin, *double tax treaty*. Terima kasih.

**Menteri Kewangan II [Tan Sri Nor Mohamed Yakcop]:** Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum. Perjanjian pengelakan pencukaian dua kali dan pencegahan pelarian fizikal mengenai cukai atas pendapatan atau singkatannya perjanjian PPDK, atau dengan izin, *double tax treaty* adalah perjanjian di antara kerajaan dua buah negara.

Perjanjian PPDK ini bertujuan untuk mengelakkan pembayaran cukai dua kali di atas pendapatan yang sama iaitu sekali di negara punca pendapatan itu terbit dan sekali lagi di negara di mana pembayar cukai yang berkenaan bermastautin.

**Dato' Haji Ikhwan Salim bin Dato' Sujak:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, dalam suasana di mana lebih ramai warganegara serta syarikat-syarikat Malaysia berniaga di luar negara dan untuk syarikat-syarikat yang mungkin komponen kos menerima subsidi di negara serta berniaga di luar negara. Adakah kerajaan menggalakkan mereka cuba bermastautin, maknanya syarikat-syarikat mereka di Malaysia dan bayar cukainya di dalam negara? Begitu juga sama ada *double tax treaty* komponen ini membentuk dasar kadar cukai pendapatan negara? Terima kasih.

**Tan Sri Nor Mohamed Yakcop:** Tuan Yang di-Pertua, dasar berhubung dengan galakan syarikat-syarikat negara untuk berkecimpung di luar negara. Syarikat-syarikat untuk menjadi *regional champion* dengan izin, ataupun *international champion*, *global champion*. Tidak khususnya berasaskan kepada *double tax treaty*, tetapi syarikat-syarikat yang bermastautin di luar negara juga, syarikat-syarikat negara yang mengurus niaga di luar negara boleh juga diberi taraf yang sama. Terima kasih.

■1130

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

**Tuan Yang di-Pertua:** Puan Hajah Wan Ramlah binti Ahmad. Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan II... [*Tepuk*]

10. **Puan Hajah Wan Ramlah binti Ahmad** minta Perdana Menteri menyatakan, adakah kerajaan akan memberhentikan semua projek mega yang telah berjalan pembinaannya melebihi 40 peratus dalam RMK-8 dan RMK-9 atas alasan tidak ekonomik atau berlaku pembaziran.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tuan S.K. Devamany]:** Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sedang mengkaji semua projek Rancangan Malaysia Kesembilan iaitu RMK-9, termasuk projek-projek sambungan daripada Rancangan Malaysia Kelapan di bawah Kajian Separuh Penggal RMK-9 dengan memberi keutamaan kepada projek-projek yang bersifat mesra rakyat seperti pembinaan jalan luar bandar, bekalan elektrik luar bandar, bekalan air luar bandar serta perumahan kos rendah.

Untuk makluman Yang Berhormat, semua projek yang telah berjalan pelaksanaan di bawah RMK-8 adalah merupakan projek-projek yang diberi keutamaan dan diteruskan pelaksanaannya di bawah RMK-9. Maka pemberhentian semua projek mega yang telah diperkatakan itu tidaklah betul. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Adakah semuanya akan tertera apabila dibentangkan Kajian Separuh Penggal, Rancangan Malaysia Kesembilan ?

**Tuan S.K. Devamany:** Ya, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Dato' Hajah Siti Rokiah binti Haji Mohd. Zabidin. Kenapa lembap sangat pagi ini?

**11. Dato' Hajah Siti Rokiah binti Haji Mohd. Zabidin** minta Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani menyatakan, berkenaan keadaan di mana didapati bahawa tiada kenaikan harga padi sedangkan dalam masa yang sama harga beras naik dengan mendadak.

**Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani [Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim]:** Tuan Yang di-Pertua, harga padi sebenarnya telah naik berbanding pada tahun-tahun lepas. Harga padi di Selangor yang pada masa ini musim menuai telah direkodkan sebanyak RM1,050 semetrik tan di sawah sempadan Selangor. Kedudukan harga padi tertinggi di Semenanjung yang direkodkan adalah seperti berikut iaitu:

Negeri	Semetrik tan (RM)
Selangor	1,050
Kedah, Perlis	670
Perak	1,000
Kelantan	650
Terengganu	680
Pulau Pinang	670

Kenaikan harga beras sekarang telah memberi kesan kepada persaingan untuk mendapat padi oleh pengilang dan pembeli padi. Di samping itu kerajaan telah membentangkan harga minimum terjamin atau JMT dan dinaikkan daripada RM600 semetrik tan, sekarang ini RM750 semetrik tan iaitu pada 12 Mei lalu. Petani-petani juga menerima subsidi harga padi berjumlah RM248.10 semetrik tan. Ini bermakna petani menerima bayaran yang melebihi, hampir-hampir RM1,000 setiap metrik tan padi yang dijual. Oleh sebab kenaikan harga beras dalam negara ini, kementerian banyak menerima permohonan termasuk kerajaan-kerajaan negeri untuk membangunkan kawasan penanaman padi, kerana tanaman padi boleh mendatangkan pulangan yang baik. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Dato' Hajah Samsiah. Minta maaf, saya tidak nampak Yang Berhormat bangun tadi, biarlah Dato' Hajah Siti Rokiah tanya dulu kemudian Yang Berhormat.

**Dato' Hajah Siti Rokiah binti Haji Mohd. Zabidin:** Soalan tambahan saya ialah, memandangkan harga padi jauh berbeza dengan harga beras, adakah kerajaan bercadang untuk menawarkan insentif bagi menggalakkan penanaman padi? Terima kasih.

**Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim:** Yang Berhormat, saya telah memberitahu tadi bahawa kita telah mengadakan beberapa insentif. Yang pertama tadi iaitu kita telah menaikkan harga minimum padi yang mana sekarang ini harga yang ditetapkan adalah RM750 semetrik tan. Bermakna mana-mana harga padi tidak boleh kurang daripada RM750 semetrik tan, di mana sebelum ini RM550 dan kita naikkan kepada RM650, tetapi memandangkan situasi sekarang ini kita telah naikkan baru-baru ini pada bulan Mei ini, iaitu kepada RM750.

Selain daripada itu memang setiap petani diberikan subsidi harga padi yang saya katakan tadi RM248.10 setiap metrik tan. Jadi dari situ sahaja mereka telah dapat hampir-hampir RM1,000 tetapi banyak tempat yang saya katakan tadi, harga telah melebihi RM1,000 semetrik tan. Jadi insya-Allah Kerajaan Barisan Nasional memang prihatin, tambahan lagi kita memberi insentif-insentif yang lain juga untuk membantu meringankan beban petani-petani. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Dato' Hajah Samsiah.

**Dato' Hajah Samsiah binti Samsudin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah, saya ingin tahu kenapa harga padi di antara satu negeri dengan satu negeri yang lain sangat jauh bezanya. Contoh di sawah sempadan Selangor ialah RM1,050 sedangkan di Perlis sebanyak RM600, kalau tidak silap saya tadi atau RM800. Terima kasih.

**Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim:** Terima kasih Yang Berhormat. Ini dinamakan *economics*, di mana kita menetapkan sekarang ini pada 12 Mei, jangan kurang harganya daripada RM750, tetapi kita memberi ruang kepada pengilang, kepada pemborong supaya ada *mechanics* dari segi urusan jual beli. Jadi di sinilah kita dapati bahawa Selangor, memandangkan kualiti dia lebih tinggi, jadi dia menawarkan harga begitu tinggi sehingga mencecah lebih RM1,000 semetrik tan. Di tempat lain pada masa ini walaupun saya tadi telah membacakan RM680 dan sebagainya, tetapi semenjak 12 Mei, tidak boleh kurang daripada RM750.

Yang Berhormat sekarang ini, untuk kita memberikan juga satu ruang kepada petani-petani untuk menikmati harga yang tinggi, insya-Allah Kabinet telah meluluskan supaya diadakan, dibolehkan pula menjual ke negeri-negeri yang lain. Jadi di situ saya katakan *economics* tadi, di mana petani-petani dia mesti pandai juga memainkan peranan supaya dia boleh menjual di tempat yang menawarkan harga yang tinggi. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Masa cukup.

**Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan telah tamat.**

**USUL****JAWATANKUASA PEMILIH -  
PELANTIKAN AHLI-AHLI JAWATANKUASA****11.38 pg.****Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Mohd. Johari bin Baharum]:**

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan;

“Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 70(1), Majlis Dewan Negara memutuskan iaitu Ahli-ahli yang berikut hendaklah dilantik menjadi Ahli-ahli Jawatankuasa Pemilihan bagi tempoh Penggal Pertama, Parlimen Kedua Belas.”

1. Yang Berhormat Tan Sri Dato' Seri Dr. Abdul Hamid Pawanteh [Pengerusi];
2. Yang Berhormat Dato' Ir. Wong Foon Meng;
3. Yang Berhormat Dato' Sri Empiang Jabu;
4. Yang Berhormat Dato' Dr. Vijayarathnam a/l S. Seevarathnam; dan
5. Yang Berhormat Dato' Kamarudin bin Ambok.

Sekian, Tuan Yang di-Pertua saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani [Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa usul seperti yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, mengikut Peraturan Mesyuarat 70(1) itu tadi hendaklah dan disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan; dan diluluskan.

## USUL

### **MENJUNJUNG KASIH TITAH UCAPAN SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG**

Aturan Urusan Mesyuarat dibaca bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah:

Bahawa suatu ucapan yang tidak sepertinya dipersembahkan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:

“Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Negara Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Negara mengucapkan berbanyak-banyak syukur dan menjunjung kasih kerana Titah Ucapan Tuanku semasa membuka Penggal Pertama parlimen Yang Kedua Belas.” **[28 Mei 2008]**

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya menjemput Yang Berhormat Puan Hajah Wan Hazani binti Haji Wan Nor untuk menggulung perbahasan sehingga 11.45 pagi, selepas itu saya menjemput Menteri Kewangan untuk mula menjawab dan menggulung perbahasan.

**11.40 pg.**

**Puan Hajah Wan Hazani binti Haji Wan Nor:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillaahirrahmaanirahiim.* Tuan Yang di-Pertua, sektor perhotelan sebenarnya adalah cermin utama imej negara dan menjadi tumpuan bidang industri pelancongan. Sebenarnya bidang pelancongan ini juga merupakan wadah penting kepada kerajaan di dalam melaksanakan misi negara untuk menjadikan Malaysia sebagai hab halal dunia. Namun begitu, jika dilihat dari kejayaan Pameran Halal Antarabangsa Malaysia iaitu MIHAS yang baru berlalu, penglibatan sektor perhotelan amatlah mengecewakan terutamanya untuk mempromosikan aspek pemakanan halal yang disajikan di hotel-hotel di negara ini.

Justeru itu, saya ingin mencadangkan kepada Kementerian Pelancongan agar juga turut bekerjasama dan menggalakkan hotel-hotel di negara ini pada masa akan datang, memberi sedikit keutamaan untuk sama-sama mempromosikan makanan halal mereka kepada para pelancong yang beragama Islam terutamanya dari Asia Barat. Berasaskan persoalan isu

penyediaan makanan halal yang diragukan ini, saya juga ingin mencadangkan agar pihak Jabatan Perdana Menteri, JAKIM harus bekerjasama dengan lebih strategik dan rapat seperti menubuhkan Jawatankuasa Bertindak Makanan Halal Di Hotel terutamanya di mana umat Islam adalah pelanggan utama mereka.

Saya juga ingin mencadangkan agar diadakan kursus-kursus jangka pendek tentang halal dan haram kepada tukang-tukang masak eksekutif yang berhasrat untuk bekerja di Malaysia dan menegaskan penggunaan papan tanda tidak halal kepada restoran yang menghidangkan arak atau babi kepada restoran di hotel-hotel. Saya juga ingin mencadangkan agar tukang-tukang masak tempatan lebih diberi tempat untuk bekerja di hotel-hotel lima bintang di negara ini dan pihak kerajaan juga seharusnya memberi lebih pengiktirafan kepada hotel-hotel di negara ini yang lebih memberi keutamaan kepada rakyat negara ini untuk berkhidmat di hotel-hotel mereka.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh isu pelancongan, saya juga ingin mendapatkan sedikit penjelasan mengenai jumlah kemasukan pelancong asing di negara ini yang tidak dapat dikesan kepulangan mereka di negara asal mereka. Menurut perangkaan di Jabatan Imigresen Malaysia pada 1 Januari hingga 30 April 2008 sahaja, seramai 6,424,781 orang warganegara asing telah masuk ke negara ini sebagai pelancong dan seramai 379,772 pelancong asing ini tidak mempunyai rekod...

**Tuan Yang di-Pertua:** Kalau Yang Berhormat tidak gulung sekarang, Yang Berhormat tidak sempat untuk nak gulung. Ada lagi 50 saat lagi.

**Puan Hajah Wan Hazani binti Haji Wan Mohd. Nor:** Ya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sejumlah 2,028 telah didakwa di mahkamah dan dijatuhkan hukuman sebelum diusir.

Persoalannya di sini, adakah kita memerlukan pelancong asing yang sebegini kerana seperti yang kita ketahui ramai daripada mereka ini mengambil peluang untuk bekerja di negara ini sebagai pelacur-pelacur, menjadi masyarakat yang berpelesiran di ibu kota dan juga menjadi bebanan kepada negara untuk menahan mereka di pusat-pusat imigresen dan proses penghantaran pula di negara asal mereka. Saya juga ingin bertanyakan pada pihak kerajaan, apakah tindakan...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, masa cukup. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan sama ada beliau boleh beri sedikit masa lagi untuk seorang dua Ahli berucap?

**Menteri Kewangan II [Tan Sri Nor Mohamed Yakcop]:** Tuan Yang di-Pertua, boleh Tuan Yang di-Pertua, boleh.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, jadi, dengan baik hati Yang Berhormat Menteri Kewangan, saya boleh dapatkan sedikit masa dari kerajaan, jadi Yang Berhormat Puan Hajah

Wan Hazani boleh gulung sekarang kemudian Dato' Rashid boleh cakap sedikit dan mungkin Dato' Omar Faudzar yang ada minta.

**Puan Hajah Wan Hazani binti Haji Wan Mohd. Nor:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Isu jenayah ...

**Tuan Yang di-Pertua:** Jadi yang jadi masalah ialah, secara tersirat saya telah benarkan supaya ucapan-ucapan dibaca. Bila saya benarkan ucapan-ucapan dibaca, maka banyaklah penulis-penulis ucapan akan karang yang bukan-bukan. Kalau saya tidak benarkan ucapan dibaca, ucapan boleh ringkas sahaja. Jadi kita kerjasama. Saya teruskan, benarkan ucapan-ucapan dibaca, Yang Berhormat pun janganlah baca semuanya. Itu saja. Jadi gulung, saya minta gulung sekarang.

**Puan Hajah Wan Hazani binti Haji Wan Mohd. Nor:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Isu-isu Yang Berhormat ketengahkan tadi ialah?

**Puan Hajah Wan Hazani binti Haji Wan Mohd. Nor:** Isu jenayah. Tuan Yang di-Pertua, saya memohon kepada kerajaan berhubung dengan persoalan di atas tadi, saya ingin mencadangkan agar pihak kerajaan menyediakan satu akta baru, agar DNA rakyat negara ini dapat direkodkan di dalam satu pangkalan data khas sebagai satu alternatif untuk menyelesaikan kes-kes jenayah di negara ini terutamanya kes-kes yang berprofil tinggi. Tuan Yang di-Pertua,

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya mohon mencadangkan, saya mohon menyokong. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Puan Hajah Wan Hazani binti Haji Wan Mohd. Nor:** Tuan Yang di-Pertua, satu isu, satu isu yang saya nak ...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, sudah berapa kali saya minta Yang Berhormat gulung, Yang Berhormat pindah kepada perkara baru, gulung, pindah perkara baru. Janganlah kita bermasam muka bila saya suruh minta Yang Berhormat duduk. Tolong gulung.

**Puan Hajah Wan Hazani binti Haji Wan Mohd. Nor:** Okey, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sokong ke tak?

**Puan Hajah Wan Hazani binti Haji Wan Mohd. Nor:** Dengan ini saya menyokong ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Dato' Haji Abdul Rashid.

11.48 pg.

**Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah:** Terima kasih Yang Berhormat.

**Tuan Yang di-Pertua:** 12 minit boleh Dato'?

**Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah:** Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih juga kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan Kedua yang sepatutnya sudah mula menggulung tapi memberikan sedikit masa lagi untuk Ahli-ahli Dewan Negara ini berucap turut sama membahaskan usul yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Tan Sri Datuk (Dr.) Jins Shamsudin dua hari yang lalu. Secara ringkasnya Tuan Yang di-Pertua, ingin saya menyentuh apa yang disebut oleh Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong berhubung dengan pilihan raya.

Jelas, kepada Duli Yang Maha Mulia Tuanku kegembiraan melihat pilihan raya telah berjalan dengan baik, lancar mengikut lunas-lunas demokrasi dan saya rasa gerakan yang begitu hebat sebelum pilihan raya yang bernama BERSIH, pun boleh menerima keputusan pilihan raya ini kerana ia dijalankan dengan bersih. Akan tetapi kalau boleh kita umpamakan Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, pilihan raya ini dengan permainan bola, pertandingan bola di kampung-kampung, biasanya yang menang selalu memuji kebaikan pengadil tetapi yang kalah tidak boleh menerima kekalahan yang mengatakan bahawa dia kalah kerana pengadil masuk sebelah, berat sebelah dan sebagainya.

■1150

Begitulah yang terjadi selama ini. Walau bagaimanapun Tuan Yang di-Pertua, saya merasa dan rakyat semua saya rasa, pengundi-pengundi terutamanya merasa, alhamdulillah kita dapat menerima keputusan yang ditunjukkan oleh rakyat dalam pilihan raya yang lalu. Walaupun mungkin kepada Barisan Nasional yang tidak dapat mengekalkan majoriti  $\frac{2}{3}$  di peringkat kebangsaan dan kalah tidak dapat meneruskan pemerintahan di beberapa buah negeri berasa kurang senang hati dengan keadaan-keadaan itu. Namun pada hakikatnya, kita harus menerimanya dengan baik Tuan Yang di-Pertua.

Dalam satu ceramah atau analisis yang dibuat oleh seorang penganalisis politik iaitu Dr. Goh Eng Teck dalam satu ceramah yang dibuat di Universiti Kolej Sunway, membuat perbandingan antara keputusan pilihan raya tahun 1969 dengan tahun 2008, yang mempersoalkan mengapa terjadi apa yang kita sebut sebagai Tragedi 13 Mei tahun 1969 tetapi tidak terjadi pada tahun 2008 sedangkan sifat-sifat keputusan itu hampir-hampir sama.

Jadi keputusan yang dibuat di antara lain mengatakan bahawa polis telah memberi amaran melalui radio, TV berkali-kali supaya parti-parti yang menang tidak mengadakan sebarang perarakan kemenangan sama ada mendapat kebenaran, lesen daripada pihak yang berkuasa ataupun tidak. Dalam satu program di TV, RTM1 kalau saya tidak salah, ada seorang wartawan bertanya kepada Yang Berhormat Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar mengatakan bahawa tidak terjadi kejadian seperti tahun 1969 seolah-olah menunjukkan bahawa kita telah matang.

Rakyat Malaysia telah matang, tetapi Datuk Seri Syed Hamid menjawab kalau boleh diringkaskan dalam ungkapan orang tua-tua, betapa berat mata memandangi, berat lagi bahu memikul. Ertinya ada satu perancangan yang begitu ketat yang dilakukan oleh pihak berkuasa polis. Ini adalah kerana kita belajar daripada kejadian-kejadian yang berlaku dan kita harap kejadian seumpama ini tidak berlaku. Ini satu perkara yang sangat baik saya rasa.

Walau bagaimanapun Tuan Yang di-Pertua, selepas dua tiga minggu kenyataan-kenyataan yang dibuat oleh pemimpin-pemimpin parti pembangkang, sama ada DAP, PKR dan PAS, terutama DAP sangat-sangat menyedihkan. Seolah-olah menyatakan bahawa keadaan yang diterima sekarang oleh rakyat menunjukkan bahawa BN dan secara khususnya UMNO tidak relevan lagi.

Namun dalam satu kenyataan yang dibuat Tuan Yang di-Pertua, Menteri Besar Selangor yang pernah bercakap dan disiarkan kenyataannya dalam *The Star* menyatakan bahawa pihak pakatan tidak akan menyentuh perkara-perkara berhubung dengan hak-hak istimewa orang-orang Melayu, ketuanan Melayu dan lain-lain, tetapi selepas itu keadaan ini tidak diterima oleh semua pihak, tidak dikuti, tidak dipatuhi oleh pemimpin-pemimpin. Sebab itulah yang terjadi, kenyataan yang menyakitkan hati, yang dikeluarkan oleh Ketua Menteri Pulau Pinang dan dipersoalkan dalam Dewan oleh Yang Berhormat Ipoh Timur.

Hal-hal dan rentetan-rentetan lain yang saya rasa sengaja dibuat untuk menghangat, menghasut dan menyakit hati orang Melayu. Akan tetapi alhamdulillah, kali ini barangkali kalau kita banding orang Melayu lebih matang daripada orang Cina, lebih matang daripada India atau mungkin kita kata kali ini orang Melayu lebih penakut daripada orang India dan orang-orang Cina. Tidak seberani apa yang berlaku pada tahun 1969. Ada baiknya juga ketidakberanian ini sekarang Tuan Yang di-Pertua, tetapi saya lebih suka mengatakan ini bukan kerana tidak berani tetapi kerana lebih matang dan bersedia menerima hakikat yang telah ditunjukkan oleh keputusan pilihan raya kali ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat boleh gulung sekarang ini. Ada empat minit sahaja lagi.

**Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah:** Tuan Yang di-Pertua?

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat ada empat minit lagi, boleh gulung sekarang.

**Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah:** Ya. Kalau dibandingkan rakyat yang paling berani membuat keputusan dalam dunia Malaysia ini Tuan Yang di-Pertua, adalah rakyat Terengganu. Tahun 1999, perubahan berlaku dengan drastik sekali. Tahun 2004, berlaku lagi tetapi alhamdulillah, 2008 tidak berlaku. Ini menunjukkan beraninya orang Terengganu, orang lain juga berani yang sebenarnya. Orang Pulau Pinang pun berani, Kedah pun berani, Perak pun berani, Selangor pun berani...

**Tuan Yang di-Pertua:** Dalam kupasan dan penghujahan Yang Berhormat dilandaskan hujah-hujah di atas berani atau tidak. Tidakkah ia juga melibatkan unsur-unsur bijak atau tidak?

**Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah:** Unsur-unsur Tuan Yang di-Pertua?

**Tuan Yang di-Pertua:** Selain daripada berani atau tidak, sukatan itu adakah lebih dilandaskan kepada unsur-unsur kebijaksanaan, bukan berani atau tidak?

**Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah:** Saya Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana kita telah bertambah matang, ya saya bersetuju dengan Tuan Yang di-Pertua kita lebih bijak menguruskan hal diri kita, dan kita berharap kebijaksanaan ini bukan sahaja dikongsi oleh satu pihak tetapi dikongsi bersama untuk menjaga keharmonian negara kita ini Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Yang di-Pertua:** Sebab, kalau lawan siapa berani, saya tidak ada harapanlah bagi dia demokrasi di negara tetapi kalau lawan siapa bijak, demokrasi di Malaysia akan lebih terjamin.

**Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah:** Saya akui apa yang dikatakan Tuan Yang di-Pertua. Jadi kita tidak hairan kalau rakyat Pulau Pinang yang selama ini telah mengundi daripada tanjung ke tanjung, akhirnya dia temu kuala dan dia masuk. Jadi untuk rakyat Pulau Pinang boleh kita katakan,

*Pulau Pinang bandar baru,*

*Kapitan baik menjadi raja,*

*Tuan baru saya pun baru,*

*Baru sekali bersua muka.*

Insyaa-Allah kerajaan baru dengan rakyat baru, tetapi saya berharap tidak lama orang Pulau Pinang pun akan mengikut jejak langkah orang Terengganu pilihan raya sekali lagi kalau dia berani tahun 2008 membuat perubahan, kali ini pun dia berani juga membuat perubahan dalam pilihan raya yang akan datang. Tuan Yang di-Pertua,

*Dari Balik Pulau berkereta sewa,*

*Singgah sekejap di Tanjung Tokong,*

*Oleh kerana desakan Tuan Yang di-Pertua,*

*Saya pendekkan cerita, menyokong Tuan Yang di-Pertua.*

Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Wakil Senator dari Sarawak mohon peluang.

**Dato' Haji Idris bin Haji Buang:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, satu minit saya berucap. Saya ingin berterima kasih kerana dapat berbahas satu minit bagi membahaskan Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia...

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya bagi pertimbangan kepada negeri Sarawak.

## ■1200

**Dato' Haji Idris bin Haji Buang:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya menyokong apa yang di hujah dan dititahkan oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Hanya saya hendak mengetengahkan isu tentang tingkah laku Ahli-ahli Parlimen sekarang ini. Ia tidak menggambarkan ketamadunan kita sebagai negara yang berdaulat.

Saya ingin mengesyorkan kepada pihak yang berwajib, kementerian yang berwajib agar semua Ahli-ahli Parlimen tidak kira *Lower House*, *Upper House* dengan izin, tidak kira pembangkang ataupun kerajaan. Kita mesti melalui *induction*, dengan izin untuk mempertingkatkan tatacara, tatasusila, peradaban, disiplin kita dalam Dewan, agar dipaparkan untuk rakyat dan warga dunia supaya memberi *title*, dengan izin Yang Berhormat itu sesuai dengan tempat.

Saya rasa, kita telah lihat begitu banyak tingkah laku yang tidak berapa elok yang anak-anak kita, yang kecil pun boleh memberi *judgment* yang tidak begitu sedap didengar. Saya minta kalau boleh, sebelum persidangan saya minta pihak kementerian yang berkenaan dengan Parlimen untuk menganjurkan kursus. Saya dahulu sebagai pelatih polis dan juga rakan saya seorang pelatih *military*, kita pernah lalui *induction*, dengan izin. Bagaimana cara hendak makan cara *western*, cara ala Cina, Melayu dan sebagainya tetapi dengan teratur. Bagaimana hendak berpakaian, bagaimana hendak berhujah, hendak memberi salam kepada orang-orang tertentu.

Jadi, kita akuriah kepada Titah Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong kepada kita supaya kita menjaga tingkah laku, perbahasan, bahasa kita dalam Parlimen. Mungkin kita Malaysia ini lebih kaya daripada warga dunia yang lain kerana kita mempunyai masyarakat majmuk, latar belakang yang begitu kaya dengan seni, budaya, bahasa dan sebagainya.

Gunakanlah peluang ini untuk mengetengahkan kita ke mata dunia dari segi Parlimen yang mempunyai Raja berdaulat. Saya ingat itu yang dituntut. Itu sahaja, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, baiklah paling kepada saya. Jangan paling kepada orang lain, orang lain ingat mensasarkan ucapan kepada mereka.

**Dato' Haji Idris bin Haji Buang:** Yang Berhormat, saya telah sebut apa yang hendak sebut. Saya mohon menyokong usul yang telah diketengahkan oleh Yang Berhormat Tan Sri Datuk Jins Shamsudin. Terima kasih

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Saya menjemput Yang Berhormat Menteri Kewangan untuk memulakan penggulungan perbahasan.

**12.03 tgh.**

**Menteri Kewangan II [Tan Sri Nor Mohamed Yakcop]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian serta memberi cadangan dan pandangan terhadap beberapa perkara yang diutarakan dalam Titah Diraja khususnya perkara-perkara di bawah bidang kuasa Kementerian Kewangan.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat Ir. Hiang A Li dan Ahli Yang Berhormat Dato' Lee Sing Chooi telah bertanya apakah faktor-faktor yang menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara yang mapan, serta langkah-langkah untuk mengekalkan, menambah baik, atau meningkatkan pertumbuhan.

Tuan Yang di-Pertua, ekonomi negara telah mencatat pertumbuhan sebanyak 6.3% pada tahun 2007 melebihi sasaran 6% yang ditetapkan. Ini adalah berkat dari usaha kerajaan dalam meningkatkan daya tahan dan daya saing ekonomi negara. Ia juga disokong oleh kelebihan negara dari sudut pengurusan ekonomi yang fleksibel. Bagi suku pertama tahun 2008, keluaran dalam negeri KDNK mencatat 7.1% yang diumumkan semalam; melebihi unjuran kita untuk tahun 2008 di antara lima, hingga enam tahun.

Tuan Yang di-Pertua, dalam keadaan global yang begitu mencabar dengan harga minyak mentah naik, harga barang naik dan keadaan ekonomi Amerika Syarikat juga Eropah yang begitu lembap, kita masih dapat bertahan, kita masih dapat mencatat pertumbuhan ekonomi yang memberangsangkan 7.1%.

Tuan Yang di-Pertua, saya fikir kita dapat berbuat demikian kerana ekonomi Malaysia mempunyai fleksibiliti dan ini yang penting sekali. Dalam tahun-tahun yang mendatang, perbezaan antara sebuah negara yang dapat bertahan dan maju dalam era global ini dan sebuah negara yang tidak dapat tahan dan mundur adalah sama ada negara itu mempunyai fleksibiliti.

Saya ingin memberi satu contoh negara yang tidak mempunyai fleksibiliti. Ini mungkin satu contoh ekstrem dengan izin, *illustrate the point*. Saya ingin memberi satu contoh, semasa zaman penjajah dahulu beberapa negara Afrika dijajah oleh negara-negara Eropah. Negara-negara Eropah ini menggunakan negara-negara Afrika yang dijajah itu sebagai sumber asli dan juga sumber makanan.

Ada beberapa negara Afrika diberi peranan hanya untuk mengeluarkan pisang. Pisang sahaja, dia keluarkan pisang, dia jual pisang kepada penjaja, dan penjaja janji memberi harga yang tetap, mungkin elok juga, harga yang baik. Dengan itu, negara koloni, penduduk itu hanya mengeluarkan pisang. Seronok dapat pendapatan yang lumayan juga dengan pengeluaran pisang dan tidak berbuat apa-apa lagi.

Selepas merdeka, dalam tahun 50-an ke 60-an. Kegiatan ekonomi ini diteruskan. Bekas penjajah kata, “Okey, teruskan dengan pengeluaran pisang dan kita beli pisang dengan harga yang ditetapkan”. Penduduk di kawasan di negara yang sudah merdeka itu tidak buat apa. Seronok mengeluarkan pisang.

Namun, pada satu ketika, negara-negara itu membuat keputusan tidak membeli lagi pisang, atau kalau beli pun dengan harga yang tidak ditetapkan, harga yang lebih rendah. Jadi, negara itu yang pada mulanya nampak maju juga sebab pendapatannya banyak dari penjualan pisang menghadapi masalah. Itu adalah satu contoh tentang negara yang tidak mempunyai fleksibiliti. Tidak dapat hidup, tidak dapat maju khususnya dalam era baru ini di mana cabaran datang dalam pelbagai cara, bentuk dan kita harus mempunyai fleksibiliti. Alhamdulillah, syukur kita ke hadrat Allah S.W.T kerana Malaysia mempunyai fleksibiliti, ekonomi kita dijana oleh sumber dalaman sebanyak 87%.

Tuan Yang di-Pertua, 87% dari kegiatan ekonomi dijana oleh sumber dalaman khasnya penggunaan swasta, *domestic consumption* dan juga pelaburan 87%. Kita bergantung pada sektor luar atau *external sector* dengan izin hanya 13%. Memang kita merupakan negara eksport dan import. 19 sebenarnya ranking kita dalam dunia. Dari segi *ratio* perdagangan dengan GDP kita nombor satu sebenarnya kecuali Hong Kong dan Singapura tetapi Hong Kong bukan negara Singapura pun *city state*, bukan negara seperti Malaysia, *city state*.

▪ **1210**

Jadi dalam dunia kita nombor satu. Dalam *ratio* perdagangan, dengan GDP lebih dari 200%. Sungguhpun demikian, dalam ekonomi kita, kita bergantung kepada eksport hanya 13%. Itu pun kita telah menguruskan eksport kita dengan sedemikian rupa. Kita bergantung kepada Amerika Syarikat hanya 15% dari eksport kita. 85% dari eksport kita adalah dieksport kepada negara-negara lain. Makin lama kita juga cuba mengeksport kepada dengan izin, *non-traditional countries*, dengan izin. Negara-negara yang baru di Afrika, di Asia. Ada satu masa dulu kita tidak eksport langsung ke Iran dan China dan kini eksport kita ke negara China dari 2% tidak lama dulu. Sekarang ini naik sampai 9% dan kini naik lagi. Begitu juga bagi negara Iran.

Jadi kita telah mempelbagaikan ekonomi kita supaya ekonomi kita dapat bertahan dalam menghadapi cabaran macam mana pun dan cabaran yang datang dalam macam mana bentuk atau pada masa bila pun kita ada kuasa, kita ada daya ketahanan untuk menghadapi cabaran, tetapi yang jadi isu yang paling rumit sekali, soalan juga yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Dato' Lee Sing Chooi tadi tentang defisit. Ada dua falsafah dalam ekonomi tentang defisit. Ada satu pihak yang mengemukakan hujah-hujah bahawa defisit ini adalah benda yang tidak baik. Satu polisi yang tidak baik.

Sebuah negara tidak seharusnya mengalami defisit dalam ekonomi kita. Dapat hasil RM100, kita belanja RM100. Tidak boleh belanja lebih tetapi kita tidak pegang kepada falsafah itu. Kita pegang kepada falsafah bahawa sama ada sebuah negara menggunakan defisit atau menggunakan *surplus* atau menggunakan satu cara yang seimbang bergantung kepada keadaan. Dalam keadaan yang baik, dalam keadaan kita tidak menghadapi krisis, tidak menghadapi cabaran-cabaran baru, kita boleh menggunakan sistem yang seimbang ataupun bajet yang *surplus* tetapi dalam keadaan yang susah, kalau juga kerajaan berbelanja lebih sedikit untuk satu tempoh yang singkat, selepas itu bila keadaan ekonomi sudah pulih, kita mengurangkan defisit dan menjurus kepada satu keadaan di mana bajet menjadi seimbang atau *surplus*.

Dalam kita menghadapi krisis 1997/1998, kerajaan terpaksa berbelanja lebih sebab swasta tidak berani belanja, swasta tidak mempunyai keyakinan untuk melabur. Jadi kerajaan memang sedar bahawa kita yakin, kita dapat menghadapi krisis dan kita harus menunjukkan kepada satu, penduduk kita, pelabur kita dan juga kepada dunia bahawa kita yakin. Jadi kerajaan berbelanja lebih. Memang sebab kerajaan lebih, defisit kita telah meningkat ke 5.5% pada tahun 2000 tetapi kerajaan komited, kerajaan berdisiplin dan kerajaan telah mengatakan komitmen kerajaan untuk mengurangkan defisit setapak demi setapak dan kita telah berpegang kepada janji itu dan defisit 5.5% pada tahun 2000 telah diturunkan kepada 3.2% pada tahun 2007 dan kita telah membuat satu unjuran bahawa bagi tahun 2008, kita akan mencapai defisit 3.1% iaitu kurang sedikit berbanding dengan tahun 2007.

Akan tetapi kini kita menghadapi satu cabaran yang begitu sengit, Tuan Yang di-Pertua. Bagi tahun 2007, subsidi kita, subsidi kerajaan yang kita ambil dari bajet untuk bayar kepada syarikat-syarikat minyak ialah tidak sampai RM8 bilion. RM7 bilion lebih sedikit. Tidak sampai RM8 bilion tahun 2007. Bagi tahun ini berasaskan kepada harga USD130 setong, jumlah yang harus dibayar hanya dari bajet bayar kepada syarikat-syarikat ialah RM26 bilion. Yang RM7 bilion, RM8 bilion pada tahun 2007 telah meningkat ke RM26 bilion tahun ini. Ini tidak masuk pengecualian cukai sebanyak RM7 bilion. Jadi jumlah dia RM33 bilion. Yang ini Tuan Yang di-Pertua, tidak masuk subsidi gas yang dibeli oleh Petronas.

Tahun dulu RM20 bilion, mungkin sekarang dah RM23 bilion, RM24 bilion. Jadi jumlah subsidi termasuk pengecualian cukai yang ditanggung oleh kerajaan termasuk Petronas bagi tahun ini sekiranya kita tidak ambil apa-apa langkah untuk *structure* semula subsidi akan melebihi RM55 bilion. Padahal jumlah peruntukan yang kita sediakan untuk bajet pembangunan, untuk projek-projek pembangunan hanya RM40 bilion. RM40 bilion setahun untuk projek-projek begitu banyak projek-projek kebanyakannya mesra rakyat.

Tetapi yang kita belanja untuk subsidi saja RM55 bilion.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tepat sekali Yang Berhormat menjurus kepada soal subsidi sebab dalam saya mengikuti perbahasan, persoalan yang diketengahkan, perancangan kita mengurus subsidi dalam jangka panjang ini macam mana. Apa masa depan kita dalam soal menghadapi cabaran mengurus subsidi.

**Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ini yang jadi isu sekarang sebab ada pihak yang mengatakan bahawa kita ini pengeluar minyak dan itu satu kelebihan kita sebab kita menjadi pengeluar minyak, pengeluar kelapa sawit, pengeluar komoditi dalam era harga komoditi naik. Memang kita setuju itu satu kelebihan. Ada hujah-hujah yang mengatakan sebab kita ada Petronas, Petronas mengeluarkan minyak, kita gunakan sajalah keuntungan Petronas untuk memberi subsidi yang RM55 bilion ini atau mungkin lebih kalau harga naik dan ada satu ramalan bahawa harga akan naik sehingga USD200 satu tong.

Tuan Yang di-Pertua, ini satu ramalan dibuat oleh seorang *analyst* yang bernama Morthy. Dia kerja dengan Goldman Sachs. Dulu semasa harga USD30, dia buat ramalan bahawa harga akan naik USD100. Tidak ada orang yang percaya kat dia. Semua kata dia gila tetapi tiba-tiba jadi USD100 dan sekarang bila dia kata USD200 semua percaya kat dia. Harga naik terus. Jadi USD110 harga naik USD130 sebab dia kata harga akan naik sampai USD200. Dan mungkin siapa tahu. Mungkin harga akan naik.

Jadi isu pokok Tuan Yang di-Pertua, isu yang Tuan Yang di-Pertua kemukakan tadi cara falsafah kita tentang subsidi. Hujah-hujah yang mengatakan bahawa kita pakai saja duit, gunakan saja duit Petronas untuk memberi subsidi, saya berpendapat satu cadangan, satu hujah yang tidak bertanggungjawab sebab sumber Petronas, kita memang mempunyai sumber Petronas tapi sumber Petronas ini bukan untuk kita saja. Bukan untuk generasi ini saja. Sumber Petronas adalah untuk generasi yang akan datang. Anak-anak kita, cucu-cucu kita, cicit-cicit kita.

#### ■1220

Kalau kita dengan izin *jolly*, gunakan duit itu untuk *jolly* pada masa ini, apa akan jadi kepada anak-anak kita generasi yang akan datang sebab kerajaan bertanggungjawab. Kita semua Parlimen, kerajaan dan Kabinet. Kita pada asasnya bertanggungjawab bukan untuk 27 juta penduduk Malaysia pada masa ini, tidak. Kita berpegang kepada satu amanah untuk menguruskan ekonomi untuk menguruskan negara supaya generasi yang akan datang juga dapat menikmati kemakmuran negara.

Oleh yang demikian kita tidak dapat menggunakan duit Petronas untuk memberi subsidi. Lebih-lebih lagi kita tahu bahawa sumber Petronas pun tidak akan tahan lama mengikut perkiraan pada masa ini kita akan menjadi sebuah negara import minyak pada tahun 2014. Tidak lama, enam tahun dari sekarang Malaysia tidak akan lagi kekal sebagai negara pengekspor. Kita akan menjadi sebuah negara mengimport minyak mulai tahun 2014 dan kemudian mungkin

dalam tempoh 10 hingga 15 tahun kemudian kita mungkin tidak ada minyak lagi. Kita mungkin ada gas tetapi tidak ada minyak.

Jadi, adalah penting, mustahak dan wajar dalam tahun-tahun mendatang ini kita menggunakan sumber pendapatan dari Petronas untuk melabur dalam industri-industri yang kemudian hari akan memberi keuntungan pendapatan, *income* kepada generasi akan datang. Oleh yang demikian, kerajaan tidak ada pilihan selain dari melihat satu cara untuk menstrukturkan semula sistem subsidi. Sistem subsidi yang wujud sekarang memberi faedah kepada semua termasuk golongan berpendapatan rendah, golongan miskin, tetapi orang kaya juga mendapat subsidi, yang ada kereta Mercedes Benz tiga, empat buah, yang pakai *aircond* - itu satu hal.

Kedua, yang bukan warganegara pun dapat subsidi, orang Thailand, orang Siam dan orang Singapura. Kebanyakan dari subsidi merupakan *leakage* dan *smuggler* dengan izin, mendapat keuntungan yang begitu banyak. Ini duit rakyat sebenarnya dan harus diuruskan dengan baik tetapi setiap kali kerajaan cuba untuk menstrukturkan subsidi ada juga pihak-pihak yang tidak bersetuju, protes dan macam-macam. Namun kita kena fikir sungguhpun kita dari pembangkang atau kerajaan isu ini adalah isu yang sangat penting dan tidak harus dipolitikkan. Kita semua kerajaan, pembangkang dan NGO harus melihat kepada masa depan generasi kita.

Kerajaan kini sedang menguruskan untuk membentuk satu sistem di mana kita akan menguruskan subsidi dengan sedemikian rupa supaya keperluan yang harus diberi bantuan iaitu golongan miskin, golongan berpendapatan rendah serta golongan berpendapatan menengah, *middle income group* akan diberi bantuan tetapi yang mampu membayar akan diminta membayar harga pasaran. Ini akan kita lakukan dalam tempoh yang terdekat. Sekiranya kita dapat berbuat demikian, kita boleh juga mengekalkan defisit pada tahap sekarang. Kalau tidak defisit yang telah berjaya kita turunkan daripada 5.5% sehingga 3.2% akan naik kembali kepada satu angka yang mungkin 4% atau 5% dan kita harap ini tidak akan berlaku.

Tuan Yang di-Pertua, ada juga soalan tentang pengurusan tender-tender kerajaan dan ...

**Dato' Omar bin Faudzar:** Yang Berhormat, minta laluan. Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat sekarang ini kita tengok sejak dua tiga tahun yang lepas kita menyelesaikan masalah kenaikan barang, subsidi dan sebagainya secara *ad hoc* ataupun *on a piece meal basis*. Tadi Yang Berhormat Menteri memberitahu kita bercakap tentang petrol sahaja yang diberi subsidi. Kita juga harus melihat kepada subsidi-subsidi lain secara menyeluruh, sama juga seperti kita tengok TNB yang kita bagi subsidi kepada dua, tiga syarikat IPP. Ini juga merupakan subsidi sebenarnya. Begitu juga bahan-bahan makanan yang harganya meningkat begitu tinggi disebabkan oleh sistem monopoli dan sebagainya.

Jadi, kalau ini boleh dirangkumkan semua sekali maka bolehlah kerajaan mengeluarkan satu dasar yang lebih baik daripada kita yang cuma melihat kepada petrol sahaja. Apa pandangan Yang Berhormat Menteri?

**Tan Sri Nor Mohamed Yakcop:** Yang Berhormat Dato' Omar Faudzar.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya telah buat pengisytiharan kepada Dewan dua hari dulu bahawa saya merupakan seorang pelabur kecil dalam sebuah IPP kecil yang saya warisi daripada sebelum saya menjadi Yang di-Pertua. Maka Yang Berhormat bebas memberi keterangan walaupun saya mempengerusikan mesyuarat.

**Tan Sri Nor Mohamed Yakcop:** Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju dengan pendapat Yang Berhormat bahawa subsidi ini perlu dilihat secara holistik, secara menyeluruh bukan sahaja petrol atau diesel tetapi kita kena lihat juga kepada TNB, kepada harga gas yang dijual oleh Petronas kepada IPP dan juga subsidi-subsidi lain. Kita harus mencari formula untuk menyelesaikan isu ini secara holistik. Ini yang kerajaan kini buat iaitu kerajaan akan melihat dari segi holistik tentang isu-isu berhubung dengan minyak sama ada TNB, Petronas, IPP dan lain-lain.

Yang Berhormat juga telah menyebut tentang makanan. Memang benar dalam kadar sekarang kita banyak beri subsidi kepada makanan. Kerajaan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengumumkan bahawa sebanyak RM4 bilion akan digunakan untuk makanan dan antara jumlah ini juga termasuk subsidi. Namun bagi makanan, saya berpendapat tidak bermasalah sangat sebab kita bagi kepada subsidi makanan *basic* untuk rakyat *leakage* nya tidak besar sangat; *leakage* dari segi *smugglers*, dari segi orang luar dapat menikmati subsidi itu mungkin ada sedikit tetapi tidak banyak sangat. Dalam masa kesusahan ini mungkin kita beri sedikit subsidi untuk makanan untuk memastikan golongan berpendapatan rendah tidak menghadapi masalah yang sengit.

Seperti kita sedia maklum, dalam negara-negara maju seperti Amerika hanya 16% dari pendapatan purata seseorang dibelanjakan untuk makanan. Negara-negara yang miskin, di negara-negara Afrika, hampir 90% daripada pendapatan digunakan untuk makanan. Di Malaysia juga bagi golongan yang berpendapatan rendah mungkin 40% daripada pendapatan digunakan untuk makanan tetapi untuk berpendapatan tinggi lebih kurang sama dengan US secara puratanya 16%.

▪ **1230**

Jadi oleh kerana harga telah melambung naik, kita kena memastikan bahawa golongan berpendapatan rendah masih mempunyai kemampuan untuk membeli barang-barangan ini dan juga mempunyai baki untuk perbelanjaan lain. Saya berpendapat berkenaan harga makanan kita

harus membekalkan bantuan untuk waktu ini tetapi bagi minyak secara keseluruhan, kita kena buat satu penyelesaian dalam tempoh yang singkat.

Tentang monopoli, itu yang penting. Yang Berhormat juga sebut tentang sistem monopoli dalam konteks, dengan izin, *market efficiency*, kita harus melihat dan mengeluarkan daripada sistem sebarang *inefficiency* yang wujud.

**Dato' Lee Sing Chooi:** Tuan Yang di-Pertua, boleh saya minta penjelasan? Terima kasih jawapan menteri yang begitu jelas. Yang saya hendak tengok sumber yang kita ada sekarang ini ada untuk subsidi atau untuk membina kapasiti. Kedua-dua pilihan itu seperti contoh kita hendak pakai sumber ini, hendak beri ikan, hendak bagi rakyatnya dan juga kalau kita hendak ambil wang ini untuk hendak bina bot dan beli jala atau pukot untuk menangkap ikan supaya kita dapat membekalkan ikan juga untuk kemudian hari dan juga dapat eksport dan menguntungkan. Membina kapasiti atau bagi ikan sahaja ini kepada kedua-dua permintaan atau tekanan sekarang ini. Macam mana hendak seimbangkan kedua-dua ini adalah tugas kerajaan. Itu perkara pertama.

Kedua, kalau hendak beri ikan, rakyat mendapat manfaat serta-merta. Yang kedua ialah sesuatu yang merisaukan ialah kalau kita hendak bina kapasiti, yang rakyat hendak tanya itu, wang dari sumber-sumber yang digunakan untuk membina kapasiti itu adakah kebocoran, pembaziran? Wang-wang itu diguna dengan efektif dan telus supaya apa yang kita tujuan itu dapat dibuat atau setengah daripada wang itu disalurkan kepada orang-orang tengah atau orang-orang yang berkuasa. Itu yang rakyat hendak tanya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tan Sri Nor Mohamed Yakcop:** Tuan Yang di-Pertua, kerajaan kena buat dua-dua sebab satu, kerajaan harus membina kapasiti supaya kita dapat pendapatan dalam jangka masa panjang tetapi pada masa yang sama juga kita harus memberi bantuan kepada golongan yang berpendapatan rendah dan ini tidak salah kecuali kita tahu membezakan mereka yang memerlukan dengan mereka yang tidak memerlukan, yang mampu bayar tetapi kita juga beri subsidi, itu kita akan elak.

Misalan, Tuan Yang di-Pertua, tiap-tiap tahun kerajaan membelanjakan RM29 bilion untuk memberi pendidikan percuma, buku percuma, adakala uniform percuma kepada murid-murid di Malaysia – RM29 bilion. Ini tidak termasuk kos pembinaan sekolah. Itu lain, itu *development expenditure*, dengan izin, tetapi sebagai perbelanjaan *operation*, perbelanjaan biasa, kita belanja RM29 bilion supaya anak-anak kita, semua penduduk dapat pendidikan secara percuma, buku secara percuma dan ada juga yang dapat elaun secara bulanan.

Sama ada ini harus dikekalkan atau tidak, saya berpendapat harus dikekalkan sebab kita mahu memastikan bahawa tidak ada warganegara di Malaysia, mana-mana kaum tidak dapat memberi pelajaran dan memastikan anak mereka dapat pelajaran sebab tidak ada duit, sebab

tidak cukup duit, perkara ini tidak boleh wujud. Kerajaan tidak mahu isu ini wujud. Janji anak mereka dapat masuk sekolah, dapat masuk universiti, kerajaan akan memastikan bahawa mereka dapat pembiayaan untuk melanjutkan pelajaran.

Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini kita, kerajaan telah mengumumkan satu polisi di mana rakyat Malaysia yang dapat 9A dalam SPM dapat *scholarship*, biasiswa secara automatik, tidak perlu *interview* pun. Dapat sahaja 9A, automatik. Jadi ini saya difahamkan diterima baik oleh rakyat dan ini adalah satu cara kerajaan membantu rakyat dan saya berpendapat bahawa setakat ini cara kerajaan menguruskan perbelanjaan adalah secara hemat.

Mungkin ada sedikit kelemahan. Saya tidak kata kita ini 100% sempurna, tidak ada kelemahan. Mungkin ada kelemahan, tetapi kelemahan ini sedang diperbaiki dan kita minta *Auditor General* melihat, bagi cadangan dan kita mewujudkan sistem-sistem baru untuk memastikan bahawa sistem perolehan yang kita ada diperbaiki lagi dan diuruskan dengan sedemikian rupa supaya kita tidak ada kebocoran, ketirisan. Ini dengan jujur kita uruskan dan kita usaha ke arah ini, Tuan Yang di-Pertua.

Mungkin saya beralih kepada isu lain, Tuan Yang di-Pertua. Ada juga soalan daripada Yang Berhormat Tuan Lee Chee Keong tentang bank-bank komersial memberikan pinjaman untuk meningkatkan industri pertanian sebagai satu usaha menangani kenaikan harga makanan pada masa ini. Kerajaan sentiasa menggalakkan institusi perbankan agar menyalurkan pinjaman kepada sektor pertanian. Sehubungan dengan ini, institusi perbankan merupakan penyumbang utama dana pinjaman kepada sektor pertanian dan industri asas tani.

Pada tahun 2007, Tuan Yang di-Pertua, institusi perbankan meluluskan sebanyak RM17 bilion untuk membiayai pelbagai aktiviti pertanian dan asas tani termasuk pengeluaran makanan, lebih tinggi berbanding dengan RM10.9 bilion pada tahun 2006. Pinjaman terkumpul institusi perbankan dan sektor pertanian bagi industri atas tani berjumlah RM31.8 bilion pada akhir tahun 2007 berbanding dengan RM28.6 bilion pada akhir tahun 2006. Jumlah ini mencakupi 12.2% daripada jumlah pinjaman terkumpul kepada sektor perniagaan.

Di samping itu, Agro Bank yang dahulu dikenali sebagai Bank Pertanian Malaysia juga memainkan peranan yang begitu penting dalam melengkapkan pembiayaan oleh institusi perbankan. Jumlah pinjaman terkumpul Agro Bank kepada sektor pertanian dan industri asas tani adalah sebanyak RM3.8 bilion pada akhir tahun 2007. Pada 1 April 2008, Agro Bank telah dikorporatkan dengan modal berbayar sebanyak RM1 bilion dan langkah ini akan meningkatkan kapasiti pemberian pinjaman Agro Bank bagi membiayai pembangunan sektor pertanian. Selain itu, peruntukan bagi Tabung Untuk Makanan telah ditambah sebanyak RM300 juta di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan untuk membiayai pengeluaran makanan.

Ahli Yang Berhormat Tuan Ahmad bin Hussin meminta penjelasan daripada Khazanah Nasional mengenai perkembangan projek pembelian ikan tuna bernilai RM50 juta melalui *Langkawi Development Corporation*.

■1240

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, *Langkawi Tuna Corporation Berhad* merupakan syarikat yang menerima suntikan modal berjumlah RM51.5 juta daripada Khazanah Nasional sebagai modal kerja untuk menjalankan projek penangkapan ikan tuna di Lautan Hindi. Memandangkan bidang perikanan jenis tuna ini merupakan bidang yang baru bagi syarikat tempatan, Langkawi Tuna pada peringkat awal menggunakan khidmat perunding daripada Australia berdasarkan kepada kepakaran pihak berkenaan tetapi itu hanya sebagai kontrak singkat.

Kini pengurusan syarikat Langkawi Tuna dijalankan sepenuhnya oleh rakyat tempatan. Langkawi Tuna juga kini bekerjasama dengan Jabatan Perikanan untuk memperluaskan tumpuan kepada bidang akuakultur, spesies ikan marin yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, saya sekali lagi ingin mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian di dalam perbincangan dan mengemukakan pandangan serta saranan untuk perhatian Kementerian Kewangan. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Dewan Negara dengan hormatnya menjemput Menteri Dalam Negeri untuk menjawab dan menggulung perbincangan.

**Menteri Dalam Negeri [Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada empat belas orang Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian di dalam perbincangan Menjunjung Kasih Titah Ucapan Diraja di Dewan Negara pada 26 Mei hingga 28 Mei 2008.

Tuan Yang di-Pertua, di antara tajuk-tajuk yang telah disentuh oleh Yang Berhormat yang melibatkan perkara-perkara yang berhubung kait dengan penyeludupan dadah, PATI, pekerja asing, penyalahgunaan pas lawatan sosial, jalan pemisahan, penumpang domestik dan antarabangsa, MyKad, bekerja lebih dari tempoh yang ditetapkan, penggunaan dakwat *inedible ink* semasa pilihan raya seperti apa yang dicadangkan oleh SPR, Polis Diraja Malaysia, ISA, *Visa on Arrival* dengan izin, dan kesan kemasukan pendatang asing.

Saya akan cuba Tuan Yang di-Pertua untuk menjawab tiap-tiap persoalan yang telah dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dan insya-Allah kalau yang tidak dapat saya jawab, akan dicatatkan dan diambil tindakan yang sewajarnya.

Yang Berhormat Tan Sri Datuk (Dr.) Jins Shamsudin dan Yang Berhormat Senator Puan Siw Chun a/p Eam ingin mengetahui jumlah wanita Malaysia yang telah ditahan kerana kesalahan penyeludupan dadah di peringkat antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah wanita Malaysia yang ditahan di luar negara di atas kesalahan berkaitan dadah bagi tempoh 2006 hingga 2008 adalah seramai 61 orang. Pecahan mengikut tahun adalah dua orang bagi tahun 2006, 41 orang bagi tahun 2007, dan seramai 18 orang sehingga bulan Mac 2008. Hasil daripada siasatan menunjukkan kebanyakan wanita Malaysia yang terlibat, mereka terpedaya dengan tawaran lumayan untuk membawa *gold dust* dan kerana terpengaruh dengan janji bayaran lumayan inilah, maka mereka mengingatnya adalah cara terbaik untuk mendapat keuntungan cepat dan mudah. Jenis yang selalu di seludup adalah jenis *ecstasy* dan kokain.

Sehubungan dengan itu, polis akan sentiasa memantau kegiatan sindiket yang rekrut rakyat Malaysia terutamanya wanita untuk dijadikan *courier* dengan izin, membawa dadah ke luar negara.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Tan Sri Datuk (Dr.) Jins Shamsudin juga telah mencadangkan supaya kerajaan mengkaji semula hukuman yang sedia ada bagi PATI yang ditahan. Ingin saya jelaskan bagi tempoh 1 Januari hingga 30 April 2008, sebanyak 2005 operasi penguatkuasaan bersepadu telah pun dilaksanakan oleh Jabatan Imigresen. Daripada jumlah operasi tersebut, seramai 20,098 orang pendatang asing tanpa izin telah ditahan atas pelbagai kesalahan di bawah Akta Imigresen 1959/1963 dan Peraturan Imigresen 1963.

Di antara kesalahan yang telah dilakukan adalah masuk dan tinggal di negara ini secara haram, tinggal lebih masa serta memasuki Malaysia dengan dokumen perjalanan atau visa yang palsu. Mana-mana PATI yang melakukan kesalahan masuk secara haram dan tinggal lebih masa akan dikenakan hukuman denda tidak melebihi RM10,000.00 ataupun penjara tidak melebihi lima tahun ataupun kedua-duanya ataupun kompaun sehingga RM3,000.00. Manakala mereka yang memasuki Malaysia dengan dokumen perjalanan atau visa yang palsu akan tertakluk kepada denda tidak melebihi denda RM10,000.00 atau penjara tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya sekali. Hukuman yang ditetapkan ini adalah mengambil kira segenap aspek dari segi keseimbangan kesalahan serta hak asasi manusia.

Dalam hal ini, kerajaan sentiasa mengambil langkah penambahbaikan bagi memastikan jumlah PATI di negara ini dikurangkan ke tahap yang minimum. Antara penambahbaikan yang dilakukan dari masa ke semasa adalah melalui kajian undang-undang dan berkaitan hukuman terhadap kesalahan yang dilakukan oleh PATI.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tan Sri Datuk (Dr.) Jins Shamsudin...

**Dato' Omar Faudzar:** Yang Berhormat, minta laluan. Saya hendak tanya Yang Berhormat sedikit ya. Sejak September 2006, apabila kita *introduce VOA, Visa on Arrival*, berapa banyak pelancong-pelancong yang datang ke negara kita dan tidak pulang selepas tamat tempoh? Adakah jumlah itu meningkat ataupun berkurangan?

**Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:** Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab saya akan ikut ke tajuk yang ditanya oleh Yang Berhormat..

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat.

**Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:** Sebenarnya kalau secara umumnya, jumlahnya meningkat sebab itu cadangan daripada kementerian adalah untuk kita mengkaji soal *Visa on Arrival*. Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana saya katakan tadi berkenaan pendatang tanpa izin perlu dijatuhkan hukuman yang setimpal supaya masalah PATI di negara ini dapat kita selesaikan.

Selain daripada tindakan penguatkuasaan, saya fikir sikap masyarakat Malaysia juga perlu diperbetulkan supaya kita tidak bergantung dan menggunakan PATI atau menggalakkan PATI untuk berada di dalam negara kita. Kalau tidak, apa juga tindakan yang kita ambil, akhirnya ia tidak mencapai matlamat yang kita hendak oleh sebab ada kerjasama oleh rakyat Malaysia sendiri untuk menggunakan PATI bagi tujuan perniagaan mereka ataupun perusahaan mereka. Sebab itu, ini menimbulkan pelbagai masalah. Kerajaan memandang serius terhadap kesalahan yang dilakukan oleh mana-mana orang yang terlibat dalam membawa masuk pendatang asing.

Akta Imigresen 1959/1963, ini adalah untuk sesiapa yang telah melindungi PATI, tertakluk kepada denda. Kalau orang yang melindungi PATI ini, mereka tertakluk kepada denda tidak kurang seperti mana saya katakan tadi. Oleh itu kita berharap, bukan sahaja kita melihat daripada denda, tetapi ada kerjasama daripada orang ramai untuk menentukan tindakan pelaksanaan dapat dilaksanakan dengan baik dan sempurna. Tuan Yang di-Pertua...

**Puan Siw Chun a/p Eam:** Tuan Yang di-Pertua, minta izin.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila Yang Berhormat.

**Puan Siw Chun a/p Eam:** Apabila sebut tentang PATI, kita sentiasa dengar bahawa sekumpulan PATI ditangkap. Apa yang menjadi persoalan kita ialah berapa jumlah sindiket yang ditangkap yang melindungi PATI-PATI tersebut? Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Di sini saya hendak campur sedikit. Selama dua , tiga hari, di cambah persoalan, orang yang hendak jawab itu tunggu-tunggu hendak jawab. Dikumpulkan persoalan-persoalan yang di cambah itu dan orang hendak jawab itu mula hendak jawab. Dua minit, dia jawab cambah lagi persoalan.

Jadi, kita perlu simpati. Kita benar-benar hendak dengar jawapan kepada apa yang kita cambahkan atau tidak. Jadi, kita syorkan agar kita dengar baik-baik dahulu. Kemudian, apabila ada ruang sedikit, kita bangun minta penjelasan.

Jadi, kalau setiap satu macam Yang Berhormat baca tadi, kalau ada lebih kurang 20 perkara yang hendak dijawab, di tengah-tengah 20 itu ada lagi 20 penjelasan, 20 kali 20, jumlahnya 400. Berkecamuk otak orang yang hendak jawab ini. Jadi, tidak mungkin. Jadi, biarlah

di sini disebut persoalan sindiket. Berapa sindiket? Di sana belum lagi dikupas gambaran yang umum. Jadi saya mintalah bila mencelah itu tunggu ruang yang betul-betul, kemudian mohon menjawab. Silakan.

•1250

**Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua di atas simpati dan kefahaman yang amat mendalam sekali terhadap penjawab kepada perkara-perkara yang diujahkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, saya lebih berminat supaya untuk memberi jawapan supaya dia tidak tersangkut. Oleh kerana kalau tidak di dalam *hansard* dia akan menunjukkan seolah-olah tergantung-gantung kita punya ayat dan perkataan.

Walau bagaimanapun, ada persoalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat, walaupun dia menyentuh perkara yang saya kemukakan tapi kadangkala bila dia datang pada angka-angka khusus atau bidang khusus mungkin dia tidak ada di dalam jawapan saya yang memerlukan saya untuk memberi jawapan. Dengan mengambil kira angka-angka dari statistik saya yang ada dan kemudiannya boleh saya beritahu kepada Yang Berhormat terhadap perkara-perkara itu.

Tuan Yang di-Pertua, ini persoalan berkenaan sama ada kita mengawal kawalan kita atau kemasukan PATI melalui pintu-pintu masuk negara kita. Kawal dengan baik ataupun berkesan. Adakah kita kekurangan pegawai untuk menguatkuasakan? Ataupun pegawai kita leka dalam melaksanakan tugas?

Ingin saya jelaskan di sini Tuan Yang di-Pertua. Dari masa ke semasa Jabatan Imigresen Malaysia akan memperkemas sistem kawalan dan keselamatan bagi memastikan pergerakan keluar dan masuk pelawat asing ke negara ini tidak mengancam keselamatan negara. Di antara usaha-usaha tersebut adalah bagi memperketat kawalan kemasukan warga negara asing melalui pintu-pintu masuk negara dengan mewajibkan penggunaan pasport antarabangsa dan pas sempadan sebagai dokumen perjalanan yang sah.

JIM ataupun Jabatan Imigresen Malaysia sedang membuat penambahbaikan sistem kawalan masuk melalui pembangunan sistem berkonsepkan *single platform* dengan izin, yang membolehkan capaian dan perkongsian maklumat dapat dilakukan oleh setiap jabatan imigresen di seluruh negara termasuk pos-pos kawalan di pintu-pintu masuk negara.

Di bawah sistem ini juga, JIM turut memperkenalkan sistem pas sempadan yang menggunakan kaedah biometri yang meningkatkan ciri-ciri keselamatan kawalan pemeriksaan dokumen perjalanan di pintu-pintu masuk negara. Sistem ini dapat membantu JIM bagi menyemak kemasukan warga negara asing berdasarkan kepada pangkalan data, senarai syak dan biometri pendatang asing tanpa izin bagi mengelak kemasukan semula mereka ke Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini JIM sahaja mempunyai seramai 1,500 orang tenaga penguat kuasa yang dipertanggungjawabkan untuk mengesan PATI. Pihak JIM juga sentiasa memastikan para pegawainya yang sedia ada diberikan latihan penguatkuasaan yang mantap demi menjamin kualiti pelaksanaan kawalan keselamatan di pintu-pintu masuk negara.

Yang Berhormat Tan Sri Datuk (Dr.) Jins Shamsudin juga telah mencadangkan kepada kami supaya mengkaji semula fenomena pekerja asing yang bekerja di lapangan-lapangan terbang dan di hotel. Ingin saya jelaskan pada 8 Januari 2008, kita telah membuat keputusan untuk tidak membenarkan pekerja asing bekerja di lapangan terbang.

Walau bagaimanapun, proses penggantian pekerja asing dengan pekerja tempatan ini perlu dilaksanakan secara berperingkat bagi mengelakkan berlakunya kekurangan tenaga kerja yang ketara terutamanya di bahagian kargo, bagasi dan pembersihan.

Untuk perkhidmatan hotel pula, kerajaan masih membenarkan pekerja asing untuk bekerja tetapi dengan prosedur dan syarat-syarat yang ketat. Pengusaha hotel dibenarkan mengambil pekerja asing apabila gagal mendapatkan pekerja tempatan dan diperakukan oleh Jabatan Tenaga Kerja dan Kementerian Sumber Manusia. Pekerja asing pula tidak dibenarkan bekerja sebagai penyambut tetamu, pekerja kaunter dan lain-lain tugas *frontline* dengan izin, yang boleh diisi oleh warga tempatan. Tugas yang dibenarkan hanyalah untuk kerja-kerja pembersihan dan pencucian, *housekeeping* sahaja. Ini dari segi dasar kerajaan. Dari segi pelaksanaan kadang-kadang majikan ada meletakkan pekerja-pekerja asing di *frontline*.

Jadi ini ada jurang di antara apa yang dihasratkan oleh kerajaan dari segi ini dan pelaksanaannya. Oleh sebab itu, saya kata keinsafan dan kesedaran majikan juga memainkan peranan penting.

Untuk tujuan itu, kita sentiasa kena memantau dan kalau hendak membuat pemantauan di tiap-tiap hotel dan tiap-tiap tempat itu adalah sesuatu yang amat menyulitkan.

**Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir:** Minta laluan Yang Berhormat. Minta laluan. Tuan Yang di-Pertua, saya minta penjelasan. Saya tertarik tadi Yang Berhormat, tentang jawapan tadi. Saya ingin penjelasan, adakah jawatankuasa ataupun pekerja semua dihantar ke Kementerian Dalam Negeri dan Kementerian Sumber Manusia? Sebelum Kementerian Dalam Negeri memberi kelulusan membawa masuk buruh-buruh asing ini, adakah dirujuk kepada Kementerian Sumber Manusia dulu sebelum diberi kebenaran? Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Di sini saya dapat buat satu contoh. Katalah Yang Berhormat hendak jawab hal itu dengan begitu lengkap, sudah tentu Yang Berhormat akan lupa trend yang tadi ini. Walau bagaimanapun, saya izinkan Yang Berhormat sama ada hendak tangguhkan jawapan itu dan teruskan hal ini ataupun hendak mencelah?

**Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, pasal Tuan Yang di-Pertua sentiasa membantu menteri-menteri untuk kita menjawab soalan-soalan ini. Saya cukup menghargai. Terlebih dahulu...

**Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak minta laluan sedikit. Maknanya apabila...

**Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:** Nanti saya jawab.

**Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir:** Saya hendak minta penjelasan Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Nanti Yang Berhormat.

**Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:** Itu belum saya buat...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Yang Berhormat. Sekarang Yang Berhormat mempunyai peluang, Yang Berhormat.

**Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir:** Tak saya hendak membuat penjelasan sedikit.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat.

**Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:** Boleh? Saya minta maaf Yang Berhormat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya cuma hendak nyatakan, bila seseorang berdiri, seorang lagi tak boleh berdiri kecuali seorang yang berdiri itu beri laluan. Jadi, ya silakan Yang Berhormat.

**Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:** Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana persoalan itu penting, saya ingin memberi jawapan untuk mencelah jawapan yang ditanya oleh Yang Berhormat, ini soalan Yang Berhormat. Sebenarnya kita hanya setakat memberi kelulusan untuk masuk dengan visa kemasukan kerja tapi kita ada sumber manusia patut ada perancangan secara menyeluruh terhadap keperluan tenaga kerja. Namun di negara kita ini keperluan tenaga kerja kita dia sentiasa berasaskan permintaan. Apabila berasaskan permintaan, dia akan menimbulkan banyak masalah tanpa kita melihat cara mendalam. Oleh itu kita akan mengadakan perbincangan di antara Kementerian Sumber Manusia dengan Kementerian Dalam Negeri untuk kita melihat secara menyeluruh.

Walau bagaimanapun Tuan Yang di-Pertua, ada jawatankuasa pekerja asing di peringkat Kabinet yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri. Maknanya kita melihatnya secara isu-isu berkenaan dengan pekerja asing secara holistik, secara menyeluruh dan ini membolehkan kita untuk membuat perancangan yang lebih berkesan dan jika kita mahu mengurangkan kita punya pergantungan terhadap pekerja asing ianya boleh dilakukan melalui jawatankuasa ini. Jikalau bertanya kepada saya, saya lebih berminat untuk melihat kita dapat mengurangkan kita punya kebergantungan kepada pekerja asing dan semua pihak mesti bekerjasama untuk tujuan mencapai matlamat ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya fikir kebanyakan soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Senator Tan Sri Datuk (Dr.) Jins Shamsudin ini berkenaan dengan pekerjaan asing menyalahgunakan pas lawatan sosial. Pas lawatan sosial ini selalunya, seharusnya, bila ada pas lawatan sosial kita tidak mengizinkan ianya untuk dilanjutkan secara umumnya kita tidak patut lanjutkan tetapi banyak yang diminta untuk dilanjutkan dan kadang kala mereka dapat sokongan daripada rakyat Malaysia sendiri dan tekanan kepada kita menjadi amat menyulitkan.

Keduanya kadang kala bila ada pas lawatan sosial, bila habis tempoh pas lawatan sosial ini, mereka sering menghilangkan diri dan lepas itu kita terpaksa mengambil penguatkuasaan untuk mencari orang-orang ini supaya kita boleh menghantar pulang. Jadi itu yang saya ingin jelaskan. Jikalau Yang Berhormat Senator hendak tanya tadi, kalau ada saya boleh duduk sekarang untuk pertanyaan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat. Yang Berhormat Dato' Musa.

**Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir:** Saya ingin penjelasan Tuan Yang di-Pertua. Kadang-kadang bila menteri jawab, kita ingin penjelasan. Adakah kita tidak boleh meminta penjelasan daripada menteri? Itu saya hendak minta. Tidak ada peraturan yang boleh minta penjelasan. Itu saya hendak minta Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Peraturannya ialah bila seseorang Ahli sedang berdiri berucap, Ahli yang lain tak boleh berdiri kecuali Ahli yang berdiri berucap itu mengalah dan duduk dan memberi. Lihat Peraturan Mesyuarat. Baca buku merah ini betul-betul. Silakan Yang Berhormat.

**Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:** Yang Berhormat Senator Dato' Musa, saya bila-bila masa pun bila ada minta penjelasan insya-Allah saya akan cuba memberi penjelasan. Bermakna saya belum lagi dapat menjelaskan perkara itu dan diperlukan penjelasan itu boleh tapi masa saya tengah bercakap, *it can create a problem* dengan izin, untuk saya punya pemikiran. Oleh kerana bukan semuanya kita yang disediakan. Semuanya adalah berasaskan kepada kita hendak bercakap. Jadi saya minta maaf kalau ada menyinggung perasaan..

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya percaya kalau pun Yang Berhormat Dato' Musa marah dia tak mohon marah kepada Yang Berhormat, dia marah kepada saya. Biarlah... [Ketawa]

**Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:** Tuan Yang di-Pertua, kalau marah kepada Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua ada kuasa. Menteri ini tak ada bila menjawab.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin balik kepada berkenaan dengan *Visa on Arrival*. Tuan Yang di-Pertua, tadi yang telah dibangkitkan soal berapa banyak *Visa on Arrival*. Statistik pemegang-pemegang *Visa on Arrival* yang gagal menunjukkan rekod keluar dan tinggal lebih masa adalah seperti yang berikut:-

- (i) India seramai 35,912 orang;
- (ii) Pakistan seramai 13,104 orang; dan

(iii) Bangladesh seramai 6,688 orang.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, masa sudah cukup.

**Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:** Okey Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Jadi Yang Berhormat boleh sambung selepas Dewan bersidang semula.

**Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:** Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat ditangguhkan sekarang. Dewan bersidang semula pada pukul 2.30 petang.

***Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.00 petang.***

***Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.***

[Timbalan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Mesyuarat***]

### 2.30 ptg.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Dipersilakan Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri untuk menyambung jawapan.

**Menteri Dalam Negeri [Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, sebelum kita tangguhkan untuk sesi tengah hari tadi, saya telah memberikan beberapa statistik ataupun data mengenai dengan pemegang-pemegang VOA atau *Visa On Arrival*. Jadi saya ingin menyambung iaitu:

Negara	Jumlah Orang
Bangladesh	6,688
China	5,452
Sri Lanka	5,093

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Tan Sri Datuk (Dr.) Jins Shamsudin juga mencadangkan penubuhan rejimen sempadan sebagai satu usaha untuk membendung penyeludupan barang-barang serta kemasukan PATI. Ingin saya maklumkan kepada Dewan yang mulia ini, kita menghormati cadangan yang diberikan Yang Berhormat. Pada masa ini untuk makluman Yang Berhormat terdapat pelbagai agensi penguatkuasaan kerajaan yang telah diberi tanggungjawab untuk mengawal keselamatan di kawasan sempadan Malaysia.

Ini termasuklah Jabatan Kastam Diraja Malaysia, Agensi Penguat Kuasa, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, PDRM dan Unit Pencegah Penyeludupan atau UPP. Mereka merupakan agensi utama yang terlibat dalam kawalan penyeludupan barangan-barangan larangan. Manakala kawalan kemasukan pendatang asing tanpa izin adalah

di bawah tanggungjawab Jabatan Imigresen, dan agensi-agensi penguat kuasa ini juga sentiasa mempertingkatkan rondaan di sempadan negara bagi menjamin kawalan keselamatan yang ketat dan teratur.

Kerajaan memandang serius terhadap isu wanita asing yang menyalahgunakan pas lawatan sosial. Berdasarkan operasi yang dijalankan oleh Jabatan Imigresen dan Polis Diraja serta Ikatan Relawan Rakyat Malaysia (RELA), sejumlah 1,934 warga negara asing telah ditangkap sehingga bulan April 2008, kerana melakukan kesalahan di bawah Peraturan 39(b), Peraturan-peraturan Imigresen 1963 yang memberi kesan mereka telah menyalahgunakan pas.

Daripada jumlah tersebut didapati warganegara yang paling tinggi yang melakukan kesalahan adalah terdiri warganegara Indonesia, Bangladesh, Republik Rakyat China. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, lazimnya wanita yang menyalahgunakan pas lawatan sosial mereka terlibat bekerja dengan cara tidak sah di pusat-pusat hiburan, spa dan kelab malam serta cenderung melakukan aktiviti-aktiviti yang melibatkan soal moral. Mereka yang ditangkap akan didakwa dan dibicarakan mengikut saluran perundangan yang sedia ada.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Tan Sri Datuk (Dr.) Jins juga telah mencadangkan supaya kaunter-kaunter pemeriksaan di lapangan terbang Pulau Pinang perlu diasingkan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat mengikut maklumat yang diperolehi dari Jabatan Imigresen Pulau Pinang, apabila Lapangan Terbang Antarabangsa Bayan Lepas dibina, ianya dibina berdasarkan kepada *open airport concept*, dengan izin.

Di bawah konsep ini penumpang adalah bebas untuk bergerak di dalam bangunan lapangan terbang di antara bahagian domestik dan antarabangsa. Tidak dapat dinafikan bahawa keadaan ini telah menimbulkan implikasi keselamatan kepada negara. Perkara ini telah pun dibawa ke makluman pihak Malaysia Airport Berhad yang merupakan Pengurus Kompleks Lapangan Terbang Bayan Lepas Pulau Pinang. Pihak MAB telah menyediakan kertas cadangan kepada kerajaan berhubung perkara ini. Dalam masa yang sama JIM telah mengambil beberapa langkah proaktif, di antara langkah-langkah yang di ambil adalah:

- (i) pegawai imigresen memantau penumpang-penumpang yang berlepas. Bagi tujuan ini pegawai imigresen ditempatkan di pintu-pintu berlepas untuk memeriksa pasport dan dengan izin, *boarding pass* untuk semua pelepasan antarabangsa; dan
- (ii) laluan masuk domestik dipantau dan dikawal rapi oleh JIM dan Malaysia Airport Berhad supaya penumpang-penumpang tidak bolos. Dalam hal ini tindakan telah pun diambil oleh pihak JIM dan MAB untuk meningkatkan kawalan di kaunter-kaunter pemeriksaan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tan Sri juga turut menyentuh berkenaan MyKad yang agak menurun, yang dikatakan kualitinya menurun mudah rosak serta sering dipalsukan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kementerian sedar kelemahan pembalut MyKad yang sering tertanggal dari kad asal. Oleh yang demikian JPN telah selesai menjalankan kajian untuk meningkatkan kualiti MyKad.

Berhubung kemungkinan MyKad rosak digunakan oleh orang yang tidak bertanggungjawab telah dapat kita kesan. Pembalut permukaan hadapan yang mudah terkopek akan diubah pinda *template*, dengan izin dengan gambar dan maklumat penyamar dan kemudiannya diperlekatkan semula dengan kad asal. Dalam hal ini cip yang terdapat di permukaan kad tidak akan dapat diubah pinda oleh penyamar. Setakat ini belum ada MyKad palsu yang dikesan oleh Jabatan Pendaftaran Negara.

Tuan Yang di-Pertua Tuan Ir. Haji Zamri bin Haji Yusuf meminta kerajaan membuat pemantauan yang berterusan ke atas pekerja asing supaya mereka kembali ke negara asal selepas lima tahun. Kerajaan sememangnya sentiasa memantau pekerja-pekerja asing di negara ini. Rekod kemasukan dan tahun bekerja pekerja-pekerja asing disimpan dan dikemas kini di dalam sistem JIM. Permohonan untuk memperbaharui pas lawatan kerja sementara hanya dibenarkan sehingga tahun ke lima sahaja. Hanya pekerja asing yang mempunyai kemahiran tertentu, yang diiktiraf oleh agensi seperti Majlis Latihan Vokasional Kebangsaan atau MLVK, Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan atau CIDB dan lain-lain akan diberikan kebenaran untuk melanjutkan tempoh bekerja pada tahun ke enam dan dihadkan sehingga tahun kesepuluh sahaja.

Yang Berhormat Tuan Ir. Haji Zamri juga meminta kerajaan menyatakan adakah benar negara memerlukan khidmat pekerja asing yang meningkat sehingga 2.5 juta?

Mengikut data terkini pekerja asing di Malaysia adalah seramai 2.1 juta orang. Negara ini memang memerlukan khidmat pekerja asing, akan tetapi jumlah yang diluluskan adalah berdasarkan keperluan yang dipohon oleh pengusaha dan majikan sahaja. Keutamaan adalah diberikan kepada pekerja tempatan, manakala pekerja asing hanyalah sebagai pilihan terakhir. Kelulusan untuk mengaji pekerja asing juga adalah semata-mata untuk menjamin pertumbuhan ekonomi dan industri tidak terjejas dengan kekurangan tenaga kerja.

■1440

Tuan Ir. Haji Zamri juga ingin mengetahui berapakah jumlah pekerja asing berjaya dikurangkan dari setahun ke setahun. Mengikut rekod, pekerja asing sentiasa meningkat dari setahun ke setahun. Peningkatan ini mempunyai kaitan dengan pertumbuhan ekonomi negara dan keperluan industri yang berkembang dari semasa ke semasa. Kemasukan pekerja asing juga dipengaruhi faktor kekurangan pekerja tempatan yang berminat untuk mengisi kekosongan

dalam beberapa sektor pekerjaan yang berkaitan dengan 3D iaitu *dirty, difficult and dangerous*, dengan izin, seperti pertanian, perladangan dan pembinaan. Walaupun demikian, kerajaan sedang mengkaji kaedah terbaik untuk membolehkan jumlah pekerja asing dikurangkan tanpa menjejaskan pertumbuhan ekonomi negara dan sektor-sektor yang terlibat.

Yang Berhormat Tuan Ir. Haji Zamri mahu tahu dan meminta penjelasan KDN tentang isu pembatalan penggunaan dakwat kekal dalam pilihan raya baru-baru ini yang dimaklumkan oleh SPR. Untuk makluman Yang Berhormat, isu mengenai pembatalan penggunaan dakwat kekal ini telah diberi penjelasan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri, di Dewan Rakyat baru-baru ini. Oleh itu saya tidak bertujuan untuk memanjangkan berkenaan perkara ini dan memaklumkan lagi apa yang telah dijelaskan, dengan nyata.

Namun begitu pihak PDRM ada memberikan maklumat di mana beberapa individu telah membuat laporan polis mengenai kebimbangan mereka di mana dengan penggunaan dakwat tersebut kononnya boleh diperoleh secara mudah dari negara Thailand. Mereka bimbang ada pihak yang berkepentingan akan menyalahgunakan dakwat tersebut dalam pilihan raya yang lalu. Setelah membuat siasatan pihak polis mendapati bahawa tidak ada kes untuk di pertuduhkan kerana setelah kita membentangi kertas siasatan ke kamar timbangan pendakwa raya pada 14 Mac 2008 dan pada 21 Mac 2008 kes ini diklasifikasikan sebagai *no further action*, kertas untuk simpanan. Dakwat-dakwat yang telah dibeli masih lagi dalam simpanan SPR dan akan dikaji penggunaannya kelak.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Ir. Haji Zamri juga mahu tahu berkenaan dengan penambahan kakitangan polis dan mencadangkan sebagai langkah sementara penstrukturan semula polis dengan meletakkan keutamaan kepada tempat yang tinggi kadar jenayahnya agar dapat menimbulkan rasa yang lebih selesa, selamat kepada rakyat.

PDRM sentiasa mengambil langkah yang proaktif bagi mengurangkan kadar jenayahnya di tempat-tempat yang tinggi kadar jenayahnya seperti meluluskan peruntukan untuk menyewa beli bangunan kedai dan rumah perumahan untuk dijadikan sebagai balai dan pondok polis sementara. Pertambahan anggota polis yang berkualiti, membuat rondaan yang lebih kerap dan membuat kerjasama dengan pihak berkuasa tempatan bagi memasang CCTV di kawasan berisiko tinggi.

Yang Berhormat Tuan Ir. Haji Zamri juga meminta kerajaan membawa kes 70 orang tahanan ISA di Kem Kamunting ke mahkamah untuk dibicarakan. Kebanyakan mereka telah berada dalam tahanan bertahun-tahun. Pasti kerajaan telah diberi masa yang mencukupi bagi mendapatkan bukti yang membawa kes mereka ke mahkamah. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman, setiap tindakan yang dilaksanakan adalah berdasarkan peruntukan akta tersebut. Selain itu tangkapan yang dibuat di bawah akta ini adalah bergantung kepada maklumat-

maklumat daripada pelbagai sumber yang tidak dapat diedarkan ataupun maklumat *intelligent* ataupun maklumat risikan yang tidak boleh didedahkan di mahkamah atas kepentingan keselamatan negara.

Walaupun penahanan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri tidak melalui proses perbicaraan di mahkamah, orang-orang tahanan di bawah peruntukan seksyen 11(1) dan 11(2) AKDN 1960, masih berpeluang untuk mengemukakan rayuan kepada sebuah badan bebas iaitu lembaga penasihat yang mana anggotanya telah dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong. Seterusnya lembaga penasihat akan mengkaji rayuan yang dikemukakan oleh orang tahanan dan membuat syor mengenainya kepada Yang di-Pertuan Agong. Selain daripada itu, lembaga penasihat juga di bawah peruntukan seksyen 13(1) Akta Keselamatan Dalam Negeri turut mengulang kaji penahanan mana-mana orang tahanan dalam setiap enam bulan sekali dan mengemukakan syor mengenainya kepada Menteri Dalam Negeri.

Tuan Yang di-Pertua, penahanan di bawah AKDN 1960, adalah lebih ke arah untuk memulihkan orang tahanan dari fahaman yang dipercayai dan tindak-tanduknya yang mendatangkan ancaman kepada negara daripada menghukumnya sebagaimana penjenayah-penjenayah yang dipenjarakan. Orang tahanan akan dinilai dari pelbagai aspek dan perlu mematuhi saluran-saluran yang ditetapkan oleh undang-undang dan peraturan sebelum boleh dibebaskan.

Sehubungan dengan itu, penerusan atau perlanjutan sesuatu perintah tahanan itu akan diputuskan dengan mengambil kira syor daripada pelbagai pihak seperti lembaga penasihat dan sama ada seseorang itu telah insaf atau ditafsirkan masih menjadi ancaman kepada keselamatan negara.

Adalah menjadi harapan kerajaan agar setiap orang tahanan yang sedang ditahan dan menjalani proses pemulihan pada masa ini, akan sedar dan berubah supaya dapat dibebaskan supaya dapat kembali ke pangkuan masyarakat dan menjadi rakyat yang berguna kepada negara. Sekiranya seseorang tahanan itu didapati telah pulih dan tidak lagi mendatangkan ancaman kepada keselamatan, tahanan tersebut akan dibebaskan sama ada melalui pembebasan bersyarat, pergantungan perintah tahanan atau perintah tahanan dibiarkan tamat.

**Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin:** *[Bangun]*

**Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:** Tuan Yang di-Pertua, oleh itu buat masa ini kerajaan tidak bertujuan untuk meminda...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Yang Berhormat Tuan Haji Muhamad Yusof bangun.

**Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:** Biar saya habiskan ayat ini dahulu. Kerajaan tidak bertujuan untuk meminda Akta Keselamatan Dalam Negeri oleh kerana kita

menganggap bahawa akta ini diperlukan bagi menjamin kesejahteraan dan kepentingan rakyat majoriti. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ya, Tuan Haji Muhamad Yusof.

**Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri. Saya ingin penjelasan bagaimanakah yang dikatakan seseorang tahanan itu telah dipulihkan sedangkan saya merasakan, dua kali saya ditahan di bawah ISA saya belum terpulih tetapi dibebaskan. Terima kasih.

**Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:** Tuan Yang di-Pertua, contoh terpulihnya Yang Berhormat ialah Yang Berhormat ada di sini... [*Tepuk*] dan tidak mengancam sesiapa pun lagi. Jadi terima kasih di atas perubahan yang telah berlaku. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Dato Sri Empiang Jabu mencadangkan, Jabatan Pendaftaran Negara supaya mengkaji semula prosedur-prosedur bagi pendaftaran warganegara dengan meningkatkan usaha sama dengan masyarakat seperti penghulu, tuan rumah di Sarawak memandangkan masih terdapat ramai penduduk Sarawak yang belum memiliki dokumen.

Tuan Yang di-Pertua, bagi membantu penduduk pedalaman negeri Sarawak mendapatkan sijil kelahiran dan kad pengenalan, Jabatan Pendaftaran Negeri Sarawak telah menubuhkan unit khas bergerak. Unit ini mempunyai 61 orang pegawai dan kakitangan dan dilengkapi dengan kenderaan serta peralatan pengkomputeran.

Sebelum sesuatu program diadakan unit ini akan bekerjasama dengan pihak agensi kerajaan negeri, Ahli Parlimen dan Ahli Dewan Undangan Negeri, penghulu, ketua masyarakat, termasuk ketua tuan rumah untuk mendapatkan maklumat serta bantuan supaya mereka yang tidak mempunyai dokumen dapat hadir semasa program berjalan. Hubungan baik ini sudah lama terjalin dan akan diteruskan agar dapat menjamin kelicinan dan keberkesanan program tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid ingin mengetahui, mengapa terdapat warga India dan Bangladesh hilang setelah masuk ke Malaysia.

Berasaskan siasatan oleh GIM menunjukkan bahawa kebanyakan warganegara India dan Bangladesh hilang kerana mereka menggunakan kemudahan *visa on arrival* untuk memasuki Malaysia dengan tujuan untuk bekerja. Siasatan juga menunjukkan bahawa kebanyakan daripada mereka telah ditipu atau diperdaya oleh agen-agen pekerjaan dengan dijanjikan pekerjaan di Malaysia dengan gaji yang agak lumayan. Akan tetapi keadaan sebaliknya berlaku dan mengambil keputusan untuk tinggal lebih tempoh di Malaysia bagi mencari pekerjaan agar dapat pulang ke negara asal mereka secara haram.

Bagi menangani masalah kehilangan warga India dan Bangladesh kerajaan bercadang untuk memperkenalkan beberapa langkah seperti memperketat tempoh pas lawatan sosial (PLS) di bawah kemasukan VOA iaitu dari 30 ke 14 hari dan menetapkan syarat dan menetapkan

syarat supaya permohonan VOA memerlukan tiket pergi pulang, *return flight ticket*, dengan izin, yang jangka masa selama 14 hari selaras dengan tempoh PLS.

Selain itu, elemen keselamatan akan dipertingkatkan melalui pengesahan maklumat dalam permohonan VOA dengan pengimbasan muka surat data passport serta melipatgandakan operasi penguatkuasaan di tempat-tempat yang didiami oleh pelancongan yang memasuki Malaysia melalui VOA.

■1450

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Datuk Haji Rizuan juga mahu tahu bagaimana kaedah pelaksanaan *visa on arrival* seperti yang diamalkan sekarang, jika dibandingkan dengan negara Eropah dan Dubai, adakah cara yang sama boleh dilaksanakan di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, visa sewaktu ketibaan merupakan satu alternatif kemudahan imigresen yang diberikan oleh kerajaan kepada warga asing yang ingin memasuki ke negara ini tanpa terlebih dahulu memohon visa di pejabat perwakilan Malaysia di luar negara. Sebaliknya warga asing boleh memohon terus VOA di pintu-pintu masuk yang menyediakan kemudahan tersebut.

Pelaksanaannya adalah berdasarkan keputusan Jawatankuasa Kabinet Pelancongan pada 17 Ogos 2006. Pengeluaran VOA kepada pelancong akan diberikan berdasarkan syarat seperti pelancong harus mengemukakan pengesahan tiket pulang. Tempoh VLS diberikan hanya 30 hari, bayaran sebanyak RM100 bagi setiap VOA dan memasuki Malaysia hanya melalui pintu masuk sahaja iaitu KLIA Pulau Pinang, Senai, Kuching, Kota Kinabalu, dan Kompleks Sultan Abu Bakar Tanjung Kupang Johor. Untuk makluman Yang Berhormat, kementerian pada masa kini sedang mengkaji mekanisme terbaik bagi memperketat pelaksanaan di VOA.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat...

**Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi:** Mohon laluan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ya, Puan Hajah Mumtaz.

**Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, dan terima kasih Menteri. Soalan saya, bagaimanakah kaedah yang diguna pakai untuk pengeluaran *visa on arrival* bagi mengesan kemasukan sekiranya ada kemasukan di kalangan pelancong itu yang dikehendaki oleh polis ataupun merupakan pengganas di peringkat antarabangsa, penyaringan yang dibuat.

**Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:** Tuan Yang di-Pertua, melalui penyemakan passport atau dengan menggunakan sistem biometrik kita akan mengetahui atau rekod-rekod daripada *Interpol* yang ada daripada ini, yang ada akan *alert* di situ. Kita akan dapat membandingkan di antara orang yang memasuki negara kita sama ada mereka ada rekod

jenayah atau mereka terlibat dengan keganasan antarabangsa. Itu ada sistem untuk kita mengesan. Insya-Allah pelolosan seharusnya tidak berlaku. Akan tetapi jika ia berlaku dan sekiranya seseorang itu sudah berada di Malaysia kita boleh pantau mereka.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Datuk Haji Rizuan juga ada bertanyakan apakah masalah yang wujud akibat kemasukan pelancong asing warga cina yang menggunakan *visa on arrival* dan menjadi pelacur *touch n go* di negara ini. Saya ini pertama kali dengar pelacur *touch n go*. Tuan Yang di-Pertua, sejak bermula pelaksanaan visa sewaktu ketibaan pada 1 September 2006 sehingga 30 April 2008, sebanyak 208,451 *visa on arrival* telah dikeluarkan kepada warga asing yang memasuki Malaysia atas tujuan sosial. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 5,613 VOA telah dikeluarkan kepada warga China. Daripada jumlah tersebut juga, didapati seramai 5,452 orang warga China didapati tinggal lebih masa.

Warga China yang tidak mempunyai rekod keluar itu berkemungkinan melakukan pelbagai pekerjaan seperti berniaga, menjadi penjual, atau terlibat dengan pelbagai kegiatan maksiat seperti pelacuran, GRO dan sebagainya. Walau bagaimanapun pihak JIM dan PDRM telah melipatgandakan operasi penguatkuasaan bagi memburu pesalah tidak kira dari mana sekalipun, dan operasi bersepadu secara besar-besaran serta operasi *ad hoc* berdasarkan daripada maklumat orang ramai dari semasa ke semasa.

Yang paling pentingnya untuk kita mengurangkan kesan ini ataupun kumpulan-kumpulan ini beroperasi dalam negara kita, ialah kita menentukan tidak ada permintaan dan orang-orang kita tidak menggunakan perkhidmatan ini. Kalau dapat perkara ini dilakukan, maka orang tidak akan mengunjungi dan menyalahgunakan kunjungan mereka ke negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Tuan Osman bin Bungsu membangkitkan berkenaan peningkatan secara mendadak bilangan pekerja asing atau PATI. Katanya, di Sabah lebih ramai PATI daripada penduduk asal. Apakah langkah kerajaan? Sebagaimana saya mengatakan tadi, mengikut data dari Jabatan Imigresen sehingga 31 Mac 2008 terdapat seramai 2.1 juta orang pekerja asing di Malaysia.

Lima buah negara dengan pekerja yang paling ramai di Malaysia adalah:

- |       |            |   |          |
|-------|------------|---|----------|
| (i)   | Indonesia  | - | 1.1 juta |
| (ii)  | Bangladesh | - | 303 ribu |
| (iii) | Nepal      | - | 216 ribu |
| (iv)  | India      | - | 143 ribu |
| (v)   | Myanmar    | - | 131 ribu |

Bagi pendatang asing tanpa izin pula, kita menganggarkan bahawa terdapat lebih daripada 1 juta PATI di negara ini. Bermakna kalau kita campurkan kedua-dua bilangan kita mempunyai orang asing di negara kita seramai 3.1 juta orang. Ini adalah satu jumlah yang agak

besar kalau dibandingkan dengan kedudukan penduduk di dalam negara kita seramai lebih kurang 25 juta. Oleh itu langkah-langkah perlu diambil untuk mengatasi keadaan ini dan keadaan yang menunjukkan tingginya bilangan orang-orang asing di dalam negara kita.

Dalam menangani isu kebanjiran warga asing, kerajaan turut memperkenalkan langkah-langkah seperti memastikan semua pesawat asing mempunyai dokumen perjalanan yang sah.

Bagi warga negara asing yang memerlukan visa untuk memasuki Malaysia, mereka memiliki visa yang sah dan mempunyai wang yang mencukupi bagi membiayai tempoh tinggal di Malaysia. Manakala bagi pelancong yang memasuki Malaysia dengan tujuan bekerja atau belajar, mesti sudah mendapat kelulusan pas yang berkaitan sebelum dibenarkan memasuki Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Tuan Osman bin Bungsu juga menyatakan apakah kesan kemasukan pendatang asing terhadap sosioekonomi negara. Agensi-agensi penguatkuasaan telah melancarkan sebanyak 2,050 operasi penguatkuasaan dan berjaya menangkap 20,098 orang warga negara asing. Terdapat seramai sebagaimana yang saya katakan 2.1 juta orang warga asing, daripada aspek positif kemasukan pendatang asing membantu menjana ekonomi negara dan memberikan bekalan tenaga buruh yang kurang mahir, yang mana kita tidak dapat pekerja tempatan.

Tanpa tenaga kerja asing industri yang berkaitan tidak dapat berjalan dan mengurangkan daya saing negara dengan negara-negara yang lain. Dari aspek negatif pula, kemasukan pendatang asing terhadap masalah sosial negara adalah seperti penambahan pada kadar jenayah serta meningkatkan masalah perumahan, perkampungan haram. Selain itu pertambahan dalam kes-kes penyakit dan wabak berjangkit seperti taun, batuk kering dan HIV akan bertambah buruk. Di antara langkah yang telah diambil untuk menangani isu kebanjiran warga asing adalah seperti memastikan semua pelawat asing mempunyai dokumen perjalanan dan visa yang sah, serta mempunyai wang yang mencukupi.

Yang Berhormat Tuan Maijol bin Mahap mencadangkan siasatan terhadap pemegang MyKad oleh pendatang asing yang dilakukan oleh *Royal Commission*. Oleh kerana minat orang semua hendak ada *Royal Commission*, maka tidak semuanya masalah dapat diatasi dengan mengadakan *Royal Commission*. Oleh itu kita tidak fikir perlu tubuhkan *Royal Commission*, hanya perlu menentukan bahawa kita melaksanakan segala masalah yang timbul dengan teratur dan kita dapat menentukan bahawa tidak ada kelonggaran. Kita memantau segala-galanya yang kita keluarkan dari MyKad supaya tidak berlaku apa-apa yang bertentangan dengan undang-undang.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Datuk Sim Kheng Hui mencadangkan kerajaan perlu mengambil inisiatif yang serius bagi menurunkan kadar jenayah. Beliau telah

mengemukakan cadangan iaitu penambahan anggota PDRM yang berkualiti dan berwibawa, kerjasama antara PDRM dengan agensi RELA dan rukun tetangga, tindakan undang-undang dan hukuman yang berat ke atas pesalah jenayah.

Tuan Yang di-Pertua, PDRM sentiasa mengambil langkah untuk mempertingkatkan jumlah keanggotaannya di mana sebanyak 60,000 perjawatan polis telah diluluskan. Bagi tujuan pengisian perjawatan tersebut, kita telah mengambil langkah untuk mewujudkan pusat-pusat latihan baru PULAPOL yang dikendalikan oleh tenaga pengajar yang mempunyai kelulusan akademik dan pengalaman dalam perkhidmatan. Tenaga pengajar juga akan mendedahkan dengan kursus latihan mengajar sama ada di INTAN atau kursus yang dikendalikan oleh PDRM.

Oleh itu Pusat Latihan Polis adalah merupakan institusi latihan yang dapat melahirkan pegawai dan anggota polis yang berkualiti dan berwibawa bagi menjamin kepatuhan undang-undang dan peraturan yang sedang berkuat kuasa. Berhubung dengan pencegahan jenayah di peringkat sekolah, kolej dan universiti sentiasa diadakan oleh PDRM secara bersama dengan rukun tetangga, RELA dan sebagainya dari semasa ke semasa. PDRM juga sentiasa bersedia memberi kursus atau seminar pencegahan jenayah kepada mana-mana organisasi atau NGOs.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Dato' Dr. S. Vijayarajam telah meminta kerajaan memberi lebih kelonggaran untuk mengadakan demonstrasi dan tunjuk perasaan secara aman oleh rakyat. Kerajaan tidak pernah menghalang mana-mana pihak untuk menganjurkan perhimpunan atau demonstrasi, kecuali mereka mestilah tertakluk kepada seksyen 27, Akta Polis 1967 di mana dinyatakan bahawa, sesuatu perhimpunan khususnya di tempat-tempat awam perlu mendapatkan permit terlebih dahulu.

#### ■1500

Lazimnya, aspek keselamatan akan dipertimbangkan berdasarkan kepada antaranya, tempat, tujuan, pengesahan trafik, kesesuaian tarikh dan masa sebelum ianya diluluskan. Permohonan permit mestilah melalui pertubuhan atau persatuan yang berdaftar berdasarkan kepada peruntukan undang-undang. Selain daripada itu, pihak kementerian dan PDRM juga sedang dalam usaha untuk meminda seksyen 27 Akta Polis tersebut berkaitan dengan perhimpunan awam.

Tuan Yang di-Pertua, Senator Tuan Lee Chee Keong ingin meminta Ketua Polis dengan memulihkan semula imej pasukan PDRM memandangkan 93% aduan orang awam terhadap pihak polis adalah berkaitan integriti. Untuk soal kelemahan-kelemahan dalam konteks pelaksanaan undang-undang, PDRM menyedari kelemahan dan kepincangan yang wujud sehingga menimbulkan rasa tidak puas hati di kalangan masyarakat.

Oleh yang demikian, bagi menambah baik kepercayaan masyarakat terhadap polis, PDRM telah mengambil beberapa langkah seperti melancarkan slogan baru iaitu "Tegas, Adil

dan Berhemah”, semasa Hari Polis ke-201 untuk diamalkan oleh setiap pegawai dan anggota PDRM. Mereka juga dilengkapi dengan uniform yang tersemat lambang ‘Integrasi Amalan Kita’.

PDRM juga mengambil langkah mendekati diri dengan masyarakat dengan mengadakan Community Policing Program. Di samping itu, pihak PDRM juga memilih cogan kata, “Memerangi Jenayah Tanggungjawab Bersama”, bagi menyampaikan mesej kepada masyarakat mengenai peranan mereka untuk bersama dengan PDRM menjaga keamanan dan ketenteraman awam.

Yang Berhormat Senator Tuan Lee Chee Keong meminta PDRM mengkaji semula proses siasatan dan pendakwaan memandangkan banyak kes yang dilaporkan atau didakwa di mahkamah digugurkan. Keputusan untuk mendakwa seseorang itu di mahkamah dibuat setelah penilaian dilakukan ke atas bukti yang ada. Pendakwaan dalam kategori kes tertentu dibuat setelah siasatan dirujuk kepada Jabatan Peguam Negara dan arahan untuk mendakwa diberikan.

Keputusan untuk menarik sebarang pertuduhan di mahkamah hanya boleh dibuat oleh Jabatan Peguam Negara. Pegawai pendakwa yang menjalankan tugas pendakwaan tidak mempunyai bidang kuasa untuk menarik balik pertuduhan melainkan diarahkan oleh Jabatan Peguam Negara.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tuan Pau Chiong Ung membangkitkan tentang kes-kes jenayah yang semakin di Sarawak. Sehubungan dengan itu, menggesa PDRM supaya meningkatkan kadar penyiasatan kes-kes jenayah.

Tuan Yang di-Pertua, kes-kes yang meningkat di Sarawak ialah kes curi kenderaan, ragut dan pecah rumah bagi tahun 2007. Polis sentiasa berusaha untuk menangkap dan mengesan jenayah termasuk warganegara asing yang melakukan jenayah dan melarikan diri melalui jalan tikus.

Antara langkah-langkah yang diambil adalah dengan menghantar lebih ramai anggota tambahan kawasan yang kerap berlaku jenayah. Menempatkan pasukan gerak am dan Angkatan Tentera Malaysia bagi mengawal sempadan menangkap mereka yang memasuki jalan ini melalui jalan tikus mengadakan operasi besar-besaran untuk membanteras jenayah.

Namun begitu, usaha ini agak sukar dilakukan kerana Sarawak mempunyai keluasan negeri yang luas dan jarak sempadan yang panjang iaitu 2,110km dan diselaputi oleh hutan rimba dan bukit bukau. Walaupun usaha ini sukar, pihak polis telah pun berjaya menyelesaikan sebanyak 4,515 kes atau 38.9% pada tahun 2007. Peratusan ini melebihi standard yang telah ditetapkan oleh INTERPOL iaitu sebanyak 20% dan sekali gus menunjukkan kadar jenayah di Sarawak masih lagi terkawal.

Yang Berhormat Puan Heng Seai Kie mencadangkan agar kementerian mengambil tindakan terhadap pelancong asing wanita yang terlibat dalam gejala sosial seperti pelacuran.

Saya telah pun mengatakan apakah tindakan yang boleh dan perlu kita ambil. Kita akan sentiasa memantau dan menentukan mereka yang menyalahi undang-undang akan diambil tindakan untuk kita membolehkan bahawa negara kita bersih daripada ancaman kes-kes jenayah ataupun ancaman pelacuran yang dibawa daripada unsur luar.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Dato' Azian Osman membangkitkan bahawa nisbah bilangan anggota penguat kuasa seperti polis dan imigresen kepada nisbah rakyat adalah sangat kecil. Untuk makluman Yang Berhormat, nisbah bilangan anggota polis berbanding penduduk Malaysia adalah sebanyak 1.21 ke 282 berbanding dengan 1 ke 250 mengikut nisbah INTERPOL. Kerajaan menyedari bahawa anggota polis seramai 96,510 adalah masih rendah. Walau bagaimanapun bagi mengatasi masalah kekurangan anggota, kerajaan telah pun bersetuju untuk menambah 60,000 perjawatan untuk pengisian perjawatan polis bagi tempoh lima tahun.

Bagi Jabatan Imigresen pula, jumlah kakitangan jabatan berkenaan ialah seramai 10,284 orang dan jumlah ini, bilangan penguat kuasa ialah seramai 1,500. Untuk mengatasi masalah kekurangan anggota penguat kuasa, Jabatan Imigresen telah mengambil tindakan dan langkah dengan menambah bilangan anggota penguat kuasa dan permohonan penambahan 5,000 jawatan masih lagi dalam tindakan agensi pusat.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain telah menyatakan sentimen perkauman telah mempengaruhi keputusan Pilihan raya Umum ke-12 yang lalu. Beliau mencadangkan kementerian mengambil tindakan terhadap media cetak yang menggunakan sentimen perkauman ini. Berdasarkan pemerhatian dan pemantauan kementerian ke atas media cetak khususnya akhbar, sememangnya ada menyiarkan laporan pemberitaan yang bersentimen sensitiviti kaum.

Namun demikian, kementerian beranggapan bahawa liputan pemberitaan ini tidak sampai ke tahap boleh memudaratkan ketenteraman awam dan boleh menjejaskan keselamatan negara; seperti mana yang diperuntukkan mengikut Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengemukakan pertanyaan dan membangkitkan isu-isu yang berkaitan dengan Kementerian Dalam Negeri. Kementerian akan mengambil perhatian dan tindakan ke atas perkara yang dibangkitkan oleh semua Ahli Yang Berhormat. Mana-mana pertanyaan yang tidak dapat dijawab, akan diambil catatan untuk tindakan susulan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Dewan Negara menghargai Yang Berhormat untuk menjawab. Silakan Yang Berhormat Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani untuk menjawab.

**3.07 ptg.**

**Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani [Dato' Mustapa Mohamed]:** Tuan Yang di-Pertua, saya bagi pihak kementerian mengucapkan setinggi penghargaan kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Titah Diraja. Saya akan menjawab kepada persoalan yang dibangkitkan dan jika ada yang saya tertinggal, insya-Allah kita seperti biasa mencatatkan isu-isu yang dibangkitkan dan tindakan sewajarnya akan diambil.

Secara umumnya Tuan Yang di-Pertua, ada lima isu besar yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat:

- (i) isu tanah;
- (ii) isu padi dan beras;
- (iii) isu sektor yang berkaitan dengan perikanan;
- (iv) isu berkaitan input dan subsidi,
- (v) isu-isu dasar pertanian; dan
- (vi) hal-hal lain yang akan saya jawab satu persatu.

Isu pertama ialah berkaitan isu tanah dibangkitkan oleh enam Ahli Yang Berhormat. Yang Berhormat Tan Sri Datuk (Dr.) Jins Shamsudin, Yang Berhormat Dato' Musa, Yang Berhormat Ir. Hiang A Li, Yang Berhormat Datuk Wira Syed Ali Alhabshee, Yang Berhormat Tuan Lee Chee Keong. Ini antara Ahli Yang Berhormat yang membangkitkan isu tanah. Dua perkara yang dibangkitkan, yang pertama berkaitan dengan status penstrukturan tanah, yang kedua tanah terbiar. Inilah dua isu utama dibangkitkan berkaitan dengan tanah.

Bagi menjawab persoalan Yang Berhormat Tan Sri Jins Shamsudin berkaitan dengan status tanah. Yang Berhormat tanya pandangan kementerian, apa pandangan kami di kementerian berkaitan pertukaran status tanah daripada pertanian berstatus lain. Kalau tanya pandangan kami, memanglah kalau boleh tak mahu ditukar milik atau kegunaan tanah daripada padi kepada kegunaan lain.

Akan tetapi seperti Yang Berhormat sedia maklum, tanah ini merupakan di bawah tanggungjawab kerajaan negeri. Maka saya bercadang dalam tempoh sebulan atau dua ini untuk berjumpa dengan Exco-Exco kerajaan negeri, semua sekalilah yang di bawah kerajaan juga di bawah pembangkang. Ia adalah untuk memaklumkan mereka betapa seriusnya isu tanah ini untuk kita selesaikan dalam konteks bagi menjamin bekalan yang mencukupi.

Jadi bagi menjawab soalan Tan Sri Jins Shamsudin, malah ini satu perkara yang sukar untuk Kerajaan Persekutuan bagi menguatkuasakannya. Ini kerana tanah di bawah bidang kuasa kerajaan negeri tetapi kami di kementerian akan mengadakan pertemuan dengan semua kerajaan negeri bagi menggesa mereka agar tidak sewenang-wenangnya menukar tanah khususnya tanah padi yang menjadi isu utama pada kali ini.

Yang satu lagi ialah berkaitan dengan tanah terbiar. Yang pertama ialah yang dibangkitkan oleh Dato' Musa, Yang Berhormat Ir. Hiang A Li, Yang Berhormat Datuk Syed Alhabshee dan Yang Berhormat Tuan Lee Chee Keong. Tanah terbiar ini satu masalah di mana-mana dalam negara kita. Banyak sebab yang menyebabkan peristiwa atau fenomena tanah terbiar ini.

▪ **1510**

Mengikut kajian terakhir yang dibuat oleh kementerian, terdapat kira-kira 34,000 hektar tanah milik terbiar, definisinya ialah tidak diusahakan dua tahun berturut-turut, itu definisi digunakan untuk tanah terbiar. Kalau kita pergi ke mana-mana memanglah ini satu perkara yang kita sering kali nampak di depan mata kita. Jadi ini satu masalah yang perlu kita selesaikan tetapi banyak rintangan yang kita hadapi. Umpamanya untuk mengenal pasti siapa tuan punya tanah. Kadang-kadang ramai yang memiliki tanah sampai 10, 20 orang satu lot dan kalau hendak diusahakan maka perlu persetujuan semua pihak. Jadi dalam pada itu kementerian tidak dengan izin, *give up*, kita menjalankan beberapa program umpamanya di bawah rancangan yang diumumkan baru-baru ini.

Kerajaan akan menyediakan kira-kira RM25 juta untuk tahun ini bagi memulihkan tanah terbiar di seluruh negara. Jadi saya ingin memberi jaminan kepada Yang Berhormat Dato' Musa, kepada Yang Berhormat Ir. Hiang A Li, kepada Yang Berhormat Datuk Wira Syed Ali dan kepada Yang Berhormat Dato' Lee bahawa ini adalah satu perkara yang penting yang sedang ditangani oleh kerajaan. Peruntukan disediakan di bawah RMK-9 pada peruntukan kira-kira RM30 juta dan baru-baru ini kita tambah lagi peruntukan kira-kira RM25 juta untuk menangani masalah ini dan kita harap dengan peruntukan tersebut beberapa kawasan tanah terbiar di negara kita akan dapat kita selesaikan.

Tuan Yang di-Pertua, ada juga cadangan supaya disewakan, Yang Berhormat Dato' Lee mencadangkan supaya disewakan tanah terbiar di luar bandar untuk tujuan kegunaan pertanian. Memang kita galakkan petani-petani dan orang-orang tertentu untuk menyewa tanah-tanah terbiar ini dan memang sudah pun berlaku dan ini kita akan terus galakkan untuk menambah pengeluaran makanan dalam negara kita. Jadi Tuan Yang di-Pertua, itulah isu-isu berkaitan dengan tanah, isu pertama. Isu kedua ialah berkaitan dengan padi dan beras. Isu ini menarik perhatian Yang Berhormat Ir. Hiang A Li, menarik perhatian juga Yang Berhormat Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee, Yang Berhormat Tuan Ahmad bin Husin dan Yang Berhormat Tuan Maijol bin Mahap.

Ini antara Ahli Yang Berhormat yang bercakap berkaitan padi dan beras, termasuk jugalah Yang Berhormat Puan Heng Seai Kie dan juga Yang Berhormat Dato' Hajah Saripah

Aminah pun ada bercakap tentang teknologi dalam sektor padi dan beras ini. Tuan Yang di-Pertua, isu...

**Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawī:** Mohon laluan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Hajah Mumtaz.

**Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawī:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Menteri. Saya ingin bertanya sehubungan dengan apa yang telah dijawab oleh menteri tadi berkenaan dengan galakan oleh kerajaan untuk menyewa tanah-tanah terbiar. Adakah pihak kerajaan melalui agensinya akan berbuat demikian untuk menyewa *direct* tanah tersebut daripada kawasan-kawasan yang terbiar itu untuk dijadikan tanah pertanian? Terima kasih.

**Dato' Mustapa Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, memang ini menjadi amalan beberapa kawasan umpamanya di Sarawak, ada kawasan nama Tulai di Sarawak yang mana terdapat kira-kira 400 hektar yang disewa oleh PPK, Persatuan Peladang Kawasan, ini contoh. Jadi bukan sahaja orang-orang persendirian menyewa tanah-tanah ini tetapi juga agensi kerajaan juga ada menyewa tanah-tanah ini. Tuan Yang di-Pertua, isu berkaitan dengan padi dan beras ini yang dibangkitkan antara lainnya adalah berkaitan dengan harga padi, berkaitan dengan harga beras, berkaitan dengan dasar untuk membekalkan beras yang mencukupi bagi memenuhi keperluan negara.

Saya ingin menjawab soalan ini dengan izin Tuan Yang di-Pertua secara umum, yang pertama saya bermula dengan padi. Padi merupakan tanaman yang penting dulu dan sekarang, sampai bila-bila. Maka itu kerajaan umpamanya baru-baru ini telah mengumumkan peruntukan tambahan RM803 juta untuk memastikan bahawa negara dapat menambah pengeluaran padi. Pada masa ini kita cuma mengeluarkan 72% keperluan beras negara dan kita hari ini ada dasar untuk menambah pengeluaran padi dan beras negara dan kita berharap dengan tindakan-tindakan yang telah diambil oleh kerajaan maka dasar ini akan tercapai.

Kita berharap menjelang 2010, sekurang-kurangnya 86% daripada keperluan beras negara akan dapat tercapai oleh negara kita. Jadi apa yang kita lakukan hari ini ialah memberikan subsidi umpamanya RM923 juta. Ini memang sudah ada yang diberikan kepada penanam padi, RM923 juta memang telah diberikan tahun ini iaitu meliputi subsidi baja padi, subsidi harga padi, insentif pengeluaran padi, insentif peningkatan hasil, insentif benih padi sah, RM923 juta semuanya dan seperti saya maklumkan tadi RM800 juta tambahan disediakan tahun ini untuk menambah pengeluaran padi.

Ada dua tindakan yang diambil, yang pertama tindakan-tindakan yang kita anggap berkesan dalam tempoh terdekat ataupun dengan izin *short term*, satu tindakan-tindakan yang mengambil sedikit masa. Tindakan yang mengambil sedikit masa ini umpamanya berkaitan dengan pembinaan tali air baru umpamanya, membuka kawasan baru, ataupun menambah baik

kawasan sedia ada. Itu mengambil masa sedikit tetapi tindakan-tindakan yang boleh mendatangkan hasil dalam tempoh yang cepat adalah tindakan-tindakan untuk menambah bantuan baja umpamanya, menambah bantuan input kepada pertanian, meratakan tanah. Jadi ini akan dilakukan tahun ini dan nilai kosnya RM803 juta.

Jadi langkah-langkah ini untuk makluman Yang Berhormat Ir. Hiang A Li bertujuan untuk memastikan bahawa negara akan dapat meningkatkan pengeluaran padi dan satu hari nanti seperti mana Yang Berhormat Ir. Hiang A Li sarankan, mungkin kita akan dapat mengeksport beras daripada negara kita. Berkaitan dengan harga padi, saya ingin maklumkan seperti yang telah diumumkan pada 12 Mei lalu kita telah pun menaikkan harga minimum terjamin ataupun *guaranteed minimum price* dengan izin, padi daripada RM650 satu metrik tan kepada RM750 satu metrik tan. Itu harga minimum, ini bukan bermakna harga padi tidak boleh melampaui harga tersebut dan realitinya oleh sebab harga beras sudah naik untuk makluman Ahli Yang Berhormat maka harga padi pun sudah naik.

Maknanya petani-petani sudah pun menikmati kenaikan harga ini. Walaupun harga minimum RM750, di beberapa kawasan umpamanya di kawasan sawah sempadan di Selangor baru-baru ini kita dapati bahawa harganya sudah melebihi RM1,000 satu metrik tan. Begitu jugalah di kawasan Sungai Manik baru-baru ini harga melebihi RM1,000 satu metrik tan. Jadi walaupun harga minimum RM750, dari segi realitinya harga sudah pun melebihi RM1,000. Untuk makluman Yang Berhormat seperti yang saya pernah maklum dalam Dewan ini bagi setiap metrik tan yang dikeluarkan oleh penanam padi, kerajaan beri bantuan RM248.

Kita bawa padi pergi kepada pegawai yang mengagihkan subsidi selain daripada harga yang dibayar oleh pengilang, kerajaan bayar melalui BERNAS RM248. Jadi umpamanya kalau harga padi RM1,000 petani akan mendapat RM1,248 satu metrik tan. Ini bantuan-bantuan yang disediakan oleh kerajaan.

Yang Berhormat Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee mencadangkan supaya kita ke luar negara untuk mengusahakan tanaman padi ini, jelapang padi di Vietnam dan lain-lain. Tuan Yang di-Pertua, ini memerlukan masa sedikit. Kita merasakan kita ada potensi, pada masa ini kita rasa tidaklah perlu kita berbuat demikian untuk padi ini. Kita merasakan kita mampu dengan kawasan yang ada. Tanah terbiar, kawasan lapang, kawasan jelapang padi yang ada...

**Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee:** Mohon laluan.

**Dato' Mustapa Mohamed:** Kawasan baru yang sedang kita cadangkan di Sabah dan Sarawak. Kita rasa dalam tempoh walaupun tidak esok lusa tetapi kita merasakan potensi untuk kita tambah pengeluaran padi ini adalah cerah. Cumanya pada masa ini untuk menjawab Yang Berhormat Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee, kita belum lagi merancang

untuk padi, untuk beberapa tanaman lain memang sudah ada usaha-usaha Malaysia untuk lembu umpamanya. Usaha sama Malaysia yang sudah ke Indonesia umpamanya tetapi untuk padi kita rasa oleh sebab kita ada tanah dan kita memberikan bantuan. Mungkin satu masa akan datang kita boleh kaji tetapi pada masa ini kerajaan belum lagi menimbangkan kemungkinan untuk ke luar negara bagi membangunkan jelapang padi di Vietnam dan lain-lain. Silakan, Yang Berhormat.

**Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee:** Terima kasih Yang Berhormat terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hanya hendak membuat pembedaan sedikit tadi apabila Yang Berhormat Menteri menjawab bahawa saya meminta untuk kita ke luar negeri untuk tanam padi dan sebagainya. Sebenarnya saya memberi contoh bahawa Singapura mengambil langkah jangka panjang apabila membuat tanaman padi di Vietnam. Dia sudah tengok panjang Tuan Yang di-Pertua. Jadi saya kata mengapa tidak Malaysia yang mempunyai banyak tanah-tanah dalam Semenanjung, Sabah dan Sarawak, kita buat macam Singapura. Singapura, dia tak cukup tanah tapi dia ambil, dia buat di Vietnam. Ha itu saja nak buat pembedaan. Terima kasih.

■1520

**Dato' Mustapa Mohamed:** Terima kasih Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee atas pembedaan tersebut dan insya-Allah seperti yang saya katakan tadi, kita akan mengambil perhatian pandangan daripada Yang Berhormat Datuk.

Saya sudah menjawab soalan Yang Berhormat Tuan Ahmad bin Husin berkaitan harga padi. Cumanya yang dibangkitkan oleh Tuan Ahmad juga berkaitan kilang-kilang kecil ini. Yang Berhormat mahu supaya kilang kecil diwujudkan semula. Dulu ada kilang kecil kerana dulunya kilang-kilang ini dia ambil upah kisar padi. Sekarang ini sejak subsidi padi diberikan, kilang-kilang kecil tidak ada lagi. Dulu kita pergi ke kilang di kampung, kita bawa padi, dia keluar beras, kita bagi upah. Sekarang ini sejak subsidi diperkenalkan, tak ada lagi upah. Kita bawa padi, kita jual padi, kita beli beras di kedai, *supermarket* dan lain-lain. Jadi kaedah sudah berubah. Dulu memang ada tempat untuk kilang kecil ini.

Untuk maklumat Yang Berhormat Tuan Ahmad, sekarang ini ada 227 kilang-kilang padi ini di seluruh negara dan kita dapati kira-kira 158 adalah kilang-kilang kecil yang mana kilang-kilang ini cuma memproses 10,000 metrik tan padi setahun sahaja. Jadi, agak sukar dalam keadaan sekarang untuk kilang-kilang kecil bersaing dengan kilang-kilang besar ini oleh kerana dengan izin, sebab-sebab *economic of scale*, kerana skalanya kecil maka kosnya mungkin tinggi dan sukar untuk mereka bersaing bagi mendapatkan padi.

Padi ini bukan senang untuk kilang kecil bersaing untuk mendapatkannya jadi kita dapati bahawa kilang-kilang kecil ini semakin sukar untuk berfungsi dengan baik. Dalam pada itu,

kerajaan peka dengan isu-isu masalah yang dihadapi maka itu ada skim kerajaan untuk membantu kilang-kilang kecil ini khususnya bagi memastikan bahawa bekalan padi yang mereka terima itu munasabah. Memang tidak mencukupi tetapi munasabah.

Tuan Yang di-Pertua, Tuan Majid ada membangkitkan tentang cadangan supaya ditingkatkan penanaman padi bukit, insentif untuk penanaman tersebut. Saya ingin maklumkan di sini bahawa kerajaan memang komited untuk meningkatkan penanaman padi sama ada bukit ataupun sawah ataupun tanah rendah atau tanah tinggi. Ini menjadi prioriti kerajaan untuk menambah pengeluaran padi.

Yang Berhormat juga mencadangkan supaya R&D ditingkatkan supaya padi boleh dikeluarkan tiga kali setahun dan juga pada skala komersial. Mengenai komersial ini memang ini menjadi, seperti yang saya maklumkan dalam Dewan semalam sekarang ini cuma kira-kira 30% sahaja daripada kawasan MADA umpamanya terlibat dalam Projek 10 Tan, menjelang tahun 2010 60% daripada kawasan MADA akan terlibat dalam Projek 10 Tan dan ini ada kaitan dengan penggunaan R&D. Kita harap ini kita dapat lakukan.

Tuan Yang di-Pertua, ada juga cadangan Yang Berhormat tadi supaya LPP, PPKBN memegang peranan lebih aktif dalam menghidupkan sektor padi. Memanglah mereka telah pun diarahkan untuk berbuat demikian dan kita harap mereka akan melaksanakan tanggungjawab dengan sebaik mungkin.

Tuan Yang di-Pertua, itulah antara isu-isu berkaitan dengan padi dan beras. Ada juga Yang Berhormat Dato' Hajah Saripah Aminah membangkitkan tentang teknologi disampaikan kepada pesawah di luar bandar. Saya ingin maklumkan bahawa MARDI umpamanya memainkan antara lain dua peranan. Yang pertama untuk mencari benih-benih terbaik. Sekarang ini antara benih yang baik termasuklah benih MR219220. Kira-kira 70% daripada padi ditanam di Malaysia adalah benihnya diperoleh daripada hasil teknologi MARDI MR2119 dan selain itu, MARDI juga telah memperkenalkan di beberapa kawasan di MADA apa yang dipanggil *precision farming* ataupun pertanian tepat yang melihat kepada keperluan sebenar baja, air dan lain-lain dan dengan menggunakan teknologi yang lebih canggih ini kita berharap produktiviti pengeluaran padi akan meningkat.

Mengenai BERNAS yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Dato' Musa, kenapa ditanya oleh Yang Berhormat satu syarikat sahaja yang diberikan keistimewaan untuk mengendalikan import beras. Seperti Yang Berhormat sedia maklum, kerajaan tertakluk kepada perjanjian penswastan yang bermula tahun 1996 berakhir tahun 2001, 15 tahun yang diberi hak oleh syarikat ini untuk mengimport beras daripada luar negara. Itu sebabnya kenapa BERNAS sahaja satu-satunya syarikat yang dibenarkan untuk mengimport beras. Sebagai balasan, maka BERNAS dikehendaki oleh kerajaan untuk mengendalikan stok beras negara. Sebagai balasan,

BERNAS juga dikehendaki untuk mengagihkan bantuan subsidi harga padi kepada petani. Ini antara tugas-tugas yang telah diamanahkan kepada BERNAS sebagai balasan kepada syarikat tersebut untuk mengimport beras daripada luar negara.

Itu yang kedua Tuan Yang di-Pertua. Yang pertama tadi isu tanah, yang kedua isu padi dan beras. Cumanya untuk makluman Ahli Yang Berhormat, saya nak maklumkan bahawa kerajaan begitu prihatin kepada keperluan masyarakat berpendapatan rendah khususnya di bandar dan di luar bandar. Itu sebabnya kerajaan telah menetapkan bahawa beras yang dikeluarkan dalam negeri di kawal. Kalau dulu cuma satu gred beras sahaja dikawal harganya, gred beras ST15%, sekarang ini 5%, 10%, 15%.

Ketiga-tiga beras tempatan dikawal oleh kerajaan. Untuk gred beras 15%, harganya RM1.50 maksimum, untuk gred beras 10%, harga maksimum RM2.70 dan untuk gred beras 5%, maksimum harganya RM2.80. Harga-harga ini adalah jauh lebih rendah daripada harga di peringkat antarabangsa. Jadi kerajaan beli beras ini daripada negara Thailand.

Ini juga dibangkitkan oleh Yang Berhormat, kenapa kita import beras daripada Thailand. Kita import beras daripada Thailand harga yang tinggi, kita jual kepada rakyat harga yang lebih rendah dan ini melibatkan kos tidak kurang RM725 juta. Ini subsidi. Tak pernah kerajaan memberi subsidi kepada pengguna, mereka yang beli beras. Sebelum ini subsidi diberikan kepada pengeluar padi, mereka yang tanam padi tapi bermula 1 Jun ini apabila harga-harga maksimum dikenakan, maka kerajaan akan membelanjakan tidak kurang RM725 juta untuk membantu pengguna supaya mereka dapat mengurangkan beban yang ditanggung khususnya bagi golongan berpendapatan rendah. Bagi beras-beras import daripada Siam dan lain-lain, kita apungkan harga beras tersebut dan bagi mereka yang mampu, mereka akan beli beras ini dan kita tidak akan membantu mereka kerana mereka mampu untuk membeli beras gred import tersebut.

Seterusnya isu perikanan dibangkitkan oleh Tuan Ahmad bin Husin, Datuk Sim Kheng Hui, Dato' Musa dan Puan Heng. Empat Ahli Yang Berhormat yang bercakap berkaitan dengan isu perikanan. Yang Berhormat Tuan Ahmad dan juga Yang Berhormat Dato' Musa, Yang Berhormat Tuan Ahmad bercakap tentang *tuna port*, telah pun dijawab oleh Menteri Kewangan tadi. Berkaitan dengan pelaburan Khazanah di Langkawi sebanyak kira-kira RM50 juta di Langkawi tapi saya ingin maklumkan bahawa ada satu lagi *tuna port* di Batu Maung. Saya ucap terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Musa. Hari Sabtu lalu saya bersama Yang Berhormat ke Batu Maung di Pulau Pinang untuk melawat pelabuhan MITP di Batu Maung dan perancangan kerajaan ialah supaya pelabuhan ini menjadi satu-satunya pelabuhan tuna di Malaysia untuk membolehkan kapal-kapal tuna berlabuh daripada Lautan Hindi ataupun dengan izin *India Ocean*.

Cumanya sehubungan ini Yang Berhormat Dato' Musa ada bangkitkan tentang penswastaaan. Mungkin beliau bermaksud MITP di Batu Maung. Mengikut Dato' Musa, dengan penswastaaan projek tersebut, ini memberi beban kepada nelayan-nelayan. Saya telah diberikan taklimat termasuk oleh Dato' Musa dan rakan-rakan yang lain tentang isu-isu di Batu Maung ini. Ada isu-isu di antara syarikat yang mengendalikan pelabuhan tuna iaitu MITP, isu dengan Jabatan Perikanan, LKIM, Jabatan Alam Sekitar dan isu-isu ini telah pun disampaikan kepada perhatian kementerian dan isu-isu ini perlu diselesaikan. Kalau tidak, pelabuhan ini tidak akan berfungsi dengan jayanya.

Apa jua projek yang kita laksanakan termasuklah projek ini, memanglah kita tidak mahu menindas, Dato' Musa ada menyebut menggunakan perkataan menindas mangsa. Bukanlah menjadi rancangan kita untuk menindas, menjadikan nelayan mangsa dan kita akan cari satu kaedah terbaik untuk menyelesaikan isu-isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Dato' Musa berkaitan dengan penswastaaan di Batu Maung tersebut.

▪ **1530**

Yang Berhormat Datuk Sim Kheng Hui membangkitkan tentang nelayan di negeri Sarawak, tentang pencerobohan tahun lepas di mana ada lapan kes pencerobohan. Kebanyakan daripada nelayan daripada Vietnam mencerobohi kawasan Sarawak ini.

Ini merupakan pengairan kita, kita ada kedaulatan ke atas kawasan tersebut maka kita akan pertahankan kedaulatan kita, itu sebabnya kita ada beberapa agensi penguat kuasa termasuklah Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia, agensi yang baru ditubuhkan, Jabatan Perikanan, pihak Polis Marin pun ada dan kita akan sentiasa memastikan perairan Malaysia ini tidak dicerobohi oleh nelayan-nelayan asing, seterusnya mengurangkan rezeki yang diperoleh oleh nelayan-nelayan tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai Hutan Melintang yang dibangkitkan oleh Puan Heng Seai Kie, Yang Berhormat bercakap tentang penyeludupan diesel, Yang Berhormat juga bercakap tentang ancaman kegiatan lanun yang bermaharajalela. Saya sudah sebut tadi kerajaan memandang serius tentang perkara ini.

Itu sebabnya beberapa agensi kerajaan telah pun diarahkan untuk meningkatkan penguatkuasaan di kawasan tertentu termasuklah di Hutan Melintang ini dan mengikut maklumat yang kita terima, memang beberapa tangkapan telah pun dibuat terhadap mereka-mereka yang menceroboh kawasan perairan kita.

Tuan Yang di-Pertua, isu yang keempat ialah input pertanian dan subsidi, dibangkitkan oleh Yang Berhormat Dato' Musa, Yang Berhormat Dato' Sim Keng Hui, Yang Berhormat Ir. Hiang A Li. Tiga Yang Berhormat membangkitkan perkara apakah bentuk bantuan insentif yang diberikan, bertanya tentang *delivery* sama ada betul-betul sampai ke bawah.

Ini persoalan yang dibangkit Yang Berhormat Musa, Dato' Gooi Hoe Hin dan semalam pun ada bangkit juga dalam perbahasan membangkitkan tentang mengenai subsidi, adakah sesuai diteruskan subsidi. Kerajaan cukup akur dengan pandangan-pandangan ini, itu sebabnya kita sedia maklum, kerajaan sedang menubuhkan satu jawatankuasa dipengerusikan sendiri oleh Perdana Menteri. Setiap hari Isnin kita bermesyuarat, tujuannya ialah untuk melihat kepada semua subsidi diesel, subsidi petrol kepada nelayan, kepada petani dan kita sedang merangka beberapa perancangan dan tindakan bagi menangani isu subsidi.

Dalam pada itu, kita berpendapat bahawa pertanian memerlukan subsidi, penanam padi perlukan subsidi, penanam sayur memerlukan bantuan. Oleh hal demikian untuk makluman Yang Berhormat, kerajaan telah meluluskan peruntukan RM513 juta untuk tahun ini bagi menangani masalah kenaikan kos input pertanian.

Bagi petani yang tanam sayur, bagi mereka yang menternak haiwan, bagi mereka yang menternak ikan umpamanya, kerajaan sudah pun merangka kaedah-kaedah tertentu dan kita harap dalam tempoh tiga, empat minggu kita akan dapat memulakan untuk menyalurkan bantuan kepada petani-petani, penternak dan nelayan yang memerlukan bantuan berikutan daripada kenaikan kos input pertanian di seluruh negara.

Jadi berkaitan dengan *delivery* yang dibangkitkan Dato' Musa dan juga Datuk Sim Kheng Hui saya sudah beri jaminan semalam semasa menjawab soalan bahawa kita memandang serius perkara ini dan insya-Allah kita akan berusaha bersungguh-sungguh untuk memastikan tidak ada penyelewengan, tidak ada mereka yang tidak amanah dan kita akan pastikan pegawai-pegawai kita akan bekerja bersungguh-sungguh untuk memastikan segala bantuan yang disalurkan kerajaan ini benar-benar sampai kepada rakyat yang dimaksudkan.

Jadi itu perkara keempat, perkara kelima ada beberapa isu dasar yang dibangkitkan Tuan Ir. Hiang A Li menanyakan tentang rancangan mengurangkan import supaya kita dapat tingkatkan lebih dagangan. Dato Lee Chee Keong bangkitkan semua projek-projek besar kementerian mendatangkan hasil, Dato' Hajah Saripah minta dikaji semua dasar pertanian ketiga kerana dasar sekarang akan tamat tidak lama lagi, ini antara isu-isu dibangkitkan.

Memanglah kita hendak tambah pengeluaran negara, hendak tambahkan eksport dan dasar pertanian ini seperti sedia maklum kita hari ini ada memberikan pertanian dianggap sebagai sumber pertumbuhan ketiga terpenting negara dan kita akan kaji dari semasa ke semasa, merasakan dasar yang ada hari ini antara lainnya untuk menjadikan pertanian sebagai adalah perniagaan yang umpamanya untuk meningkatkan pertanian berskala besar menjadikan komersial dasar yang sedia ada kita rasa sesuai dan Insya-Allah apabila tiba masanya, sudah pasti kita akan kajinya.

Untuk makluman Yang Berhormat, menteri juga saya maklumkan semalam. Pada hujung bulan 6, bulan Jun kerajaan akan bentangkan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesembilan dan beberapa inti pati dasar pertanian dan dasar-dasar lain, akan disentuh dalam separuh penggal Rancangan Malaysia Kesembilan dan beberapa inti pati dasar pertanian dan dasar-dasar lain akan disentuh dalam kajian ini. Ahli-ahli Yang Berhormat akan berkesempatan membahaskan beberapa pendekatan baru yang akan diambil kerajaan termasuklah dalam bidang pertanian untuk memantapkan lagi kedudukan negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, itu isu yang kelima. Hal-hal lain juga Dato' Sri Empiang Jabu membangkitkan tentang jalan raya di kawasan penanaman padi umpamanya. Memang betul kalau tidak ada jalan raya macam mana hendak tanam padi ataupun tanaman lain jadi berkaitan ini.

Jadi tunggulah Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesembilan yang akan dibentangkan tidak lama lagi, rakan saya Menteri Kerja Raya sudah pun memaklumkan dalam Dewan Rakyat bahawa kementerian akan memberi perhatian kepada perkara ini iaitu bagi kawasan penanaman padi umpamanya akan diberi perhatian tentang keperluan komunikasi, keperluan jalan raya dan lain-lain.

Dato' Sharifah Aminah membangkitkan tentang infrastruktur dinaikkan taraf dan mengikut dalam teknologi terkini Insya-Allah khususnya berkaitan dengan padi kita akan dinaikkan taraf dan kita akan menunggu peruntukan tambahan di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan untuk membolehkan kita menaik taraf beberapa infrastruktur-infrastruktur pertanian khususnya di kawasan padi.

Tuan Lee Chee Keong membangkitkan isu penggunaan teknologi, telah pun saya jawab tadi melalui MARDI dan lain-lain. Dato' Hajah Saripah Aminah minta supaya dibuat *post mortem* berkenaan dengan penghasilan hasil pertanian ini kerana ia merupakan satu kegiatan yang kita lakukan sepanjang masa.

Akhir sekali isu dibangkitkan Dato' Musa di bawah hal-hal lain, iaitu bagaimana cara menarik petani-petani baru untuk menceburi bidang pertanian. Soalan dibangkitkan Dato' Musa Syeikh Fadzir dan memang satu perkara yang rumit kerana seperti sedia maklum petani-petani ini ramai sudah tua, umpamanya umur purata penanam padi ialah 56, 57 tahun.

Jadi yang muda-muda ini tidak ramai berminat tanam padi dan kita akan menjalankan usaha untuk menjadikan bidang pertanian sebagai satu bidang yang menuntungkan kalau tidak satu hati kita tidak ada beras untuk dimakan. Jadi kita hendak tambah pengeluaran padi dan beras. Jadi kalau itu matlamat kita dan tidak ada orang hendak tanam padi apa hendak jadi kita dalam tempoh terdekat.

Jadi terima kasih Dato' Musa kerana mencadangkan perkara ini, bagaimana hendak menarik petani-petani ini, kita melalui iklan, melalui galakan. Semalam saya juga jawab persoalan Yang Berhormat Dato' Hajah Azizah Samad berkaitan dengan usahawan, siswazah kita hendak galakkan siswazah untuk menceburi bidang pertanian.

Semua usaha-usaha ini akan kita perkasakan kerana pertanian merupakan agenda besar, agenda yang penting dan saya sekali lagi merakamkan setinggi terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah banyak bercakap tentang pertanian dan hal-hal lain.

Sesungguhnya input atau maklum balas yang diberikan Yang Berhormat amat berguna sekali sebagai panduan untuk kami merangka perancangan yang lebih rapi, lebih teliti bagi memastikan bahawa kita tiada masalah makanan. Makanan menjadi isu global, dahulu tiada masalah, baru bulan tiga tahun ini baru kiat dilanda masalah berkaitan dengan bekalan makanan dan harga makanan meningkat jadi ada beberapa negara sudah menghadapi krisis.

Di Malaysia alhamdulillah kita belum sampai ke tahap krisis tetapi saya ingin memberi jaminan Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa kerajaan amat prihatin kepada masalah-masalah dalam bidang pertanian dan saya selaku orang yang diamanahkan untuk memperkasakan sektor pertanian akan bersungguh-sungguh memastikan agenda besar Malaysia bagi memajukan sektor ini akan dapat kita majukan.

Sekali lagi terima kasih diucapkan kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dan kalau ada yang tidak terjawab, saya mohon maaf banyak-banyak, insya-Allah akan ada peluang lagi bertanya soalan dan berbahas di masa akan datang. Terima kasih, *assalamualaikum warahmatullauhi wabarakatuh*.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Dewan Negara juga menghargai kehadiran Yang Berhormat untuk datang sendiri bagi menjawab.

Selepas ini sepatutnya Kementerian Pertahanan. Memandangkan Yang Berhormat Timbalan Menteri yang seharusnya datang untuk memberi jawapan berada di Dewan Rakyat untuk memberi jawapan kepada satu rang undang-undang di sana sekarang saya kemudiannya Kementerian Pertahanan untuk memberi laluan kepada Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri dan kita akan teruskan kepada kementerian-kementerian yang lain mengikut giliran sehingga wakil daripada Kementerian Pertahanan datang dan kita beri laluan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan.

Sekarang saya persilakan wakil Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri.

**3.40 ptg.**

**Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri I [Datuk Liew Vui Keong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh isu-isu berkaitan dengan bidang kuasa Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri semasa perbahasan Titah Diraja baru-baru ini.

Izinkan saya memberi jawapan ke atas perkara yang telah dibangkitkan. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Ir. Hiang A Li menyentuh isu mengenai meningkatnya penglibatan SME dalam kegiatan pengilangan yang menyumbang kepada lebih 30% kepada KDNK kita.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan menyedari pentingnya peranan EKS untuk memperkukuhkan sektor perkilangan. Oleh yang demikian, Majlis Pembangunan PKS Kebangsaan yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mensasarkan sumbangan *Enterprise* Kecil dan Sederhana atau EKS kepada Keluaran Dalam Negara Kasar atau KDNK, dipertingkatkan kepada 37% pada tahun 2010 berbanding sumbangan sebanyak 32% pada tahun 2005, manakala sumbangan EKS kepada eksport bagi tempoh yang sama disasarkan kepada 2.2% berbanding dengan 9% kepada tahun 2005.

Kerajaan menyediakan pelbagai skim bantuan kewangan dan program pembangunan dalam usaha untuk menggalakkan pembangunan EKS dalam semua sektor termasuk sektor perkilangan. Antaranya adalah dari segi pasaran dan pemasaran, pembiayaan dalam bentuk pakej pinjaman, peningkatan produk dan perkhidmatan, peningkatan keupayaan teknologi dan peningkatan kualiti dan produktiviti.

Antara langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan untuk meningkatkan akses daripada pembiayaan adalah melalui penubuhan Skim Mikro Kredit, di mana ciri-ciri utama skim ini adalah termasuk:

- (i) pinjaman diperoleh tanpa cagaran dan memerlukan dokumentasi yang minimum;
- (ii) pengenalan skim jaminan bagi membantu Syarikat EKS yang menghadapi kesukaran mendapat pinjaman bank disebabkan oleh cagaran dan rekod kewangan yang kurang mencukupi;
- (iii) penubuhan dana modal teroka bagi IKS untuk membangunkan perniagaan pertanian yang berintegrasi serta memperbaiki projek pertanian yang berteknologi tinggi; dan
- (iv) penyediaan pelbagai skim geran dan skim pinjaman mudah bagi pembangunan EKS.

Antara geran dan pinjaman mudah termasuk geran bersamaan untuk permulaan peniagaan, geran bersamaan untuk persijilan dan sistem pengurusan kualiti, geran peningkatan kemahiran pembesaran EKS, geran bersamaan untuk pembangunan dan promosi produk halal.

Begitu juga skim pinjaman mudah untuk penerapan aplikasi teknologi komunikasi dan maklumat iaitu ICT, dan juga skim pinjaman mudah bagi penempatan semula kilang.

Yang Berhormat Senator Ir. Hiang A Li juga turut membangkitkan isu mengenai pelabur tempatan dan manfaat di koridor ekonomi di seluruh negara. Tuan Yang di-Pertua, sejak pelancaran lima Koridor Pembangunan Ekonomi dengan objektif utama untuk menangani ketidakseimbangan susur ekonomi antara wilayah, kerajaan telah menyediakan pelbagai galakan fizikal dan bukan fizikal di koridor-koridor pembangunan ini untuk menarik pelaburan termasuk pelaburan tempatan.

Antara galakan tersebut adalah pengecualian cukai dan kemudahan infrastruktur yang cukup baik bagi pelabur-pelabur tersebut. Insentif-insentif dan galakan yang diberikan akan memberi manfaat dan menarik minat pelabur-pelabur tempatan. Sebagai contoh bagi negeri Johor dengan pelancaran Iskandar Malaysia pada akhir tahun 2006, nilai kelulusan projek perkilangan yang melibatkan pelaburan tempatan telah meningkat sebanyak 15.3%, daripada RM2.5 bilion pada tahun 2007 berbanding RM2.16 bilion pada tahun 2006.

Bagi negeri Sarawak pula, di mana koridor pembangunan baru sahaja dilancarkan awal tahun 2008 ini, nilai pelaburan tempatan dari segi projek diluluskan pada empat bulan pertama tahun ini, sebanyak RM483 juta telah melebihi pelaburan tempatan bagi tahun 2007, iaitu sebanyak RM403 juta.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Dato' Lee Sing Chooi mengemukakan isu mengenai kesan dan kedudukan FTA yang ditandatangani oleh Malaysia, kesan FTA yang telah dilaksanakan dan faedah pelaksanaan FTA antara negara-negara membangun dengan Amerika Syarikat.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat dan Ahli-ahli Dewan yang mulia ini, Malaysia merupakan negara pengeksport ke-19 terbesar di dunia dan perlu mempertahankan kedudukannya atau memperbaiki dengan izin, rankingnya dalam persekitaran persaingan ekonomi antarabangsa yang kian mencabar.

Dari segi kesan terhadap pembangunan negara, rundingan FTA adalah penting untuk mempertahankan sumbangan sektor pembuatan kepada pertumbuhan ekonomi negara yang kini menyumbang 28.3% kepada KDNK kita. Pertumbuhan ekonomi negara juga bergantung pada prestasi perdagangan yang kini merupakan 199% KDNK negara. Di samping itu, perjanjian FTA juga akan memperkukuhkan kedudukan negara sebagai destinasi terpilih, *destination of choice*, dengan izin untuk menarik pelaburan asing.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini Malaysia telah pun memeterai dan melaksanakan FTA dua hala dengan Jepun dan Pakistan, manakala rundingan sedang dijalankan dengan Amerika Syarikat, Chile, India, Australia dan New Zealand. Malaysia telah menandatangani dan sedang melaksanakan Perjanjian Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN, AFTA sejak 1993. Malaysia juga menerusi ASEAN telah memeterai perjanjian FTA dalam sektor barangan dan perkhidmatan dengan Republik Rakyat China dan Republik Korea dan Perjanjian Perkongsian Ekonomi ASEAN-Jepun. ASEAN kini sedang menjalankan rundingan FTA dengan Australia bersama-sama dengan New Zealand, India dan Kesatuan Eropah iaitu EU.

#### ■1550

Malaysia terlibat dalam rundingan FTA dengan negara-negara yang dikenal pasti disebabkan negara-negara terlibat merupakan rakan dagang atau sumber pelaburan langsung asing. FTA penting kepada Malaysia dan juga kerana mereka berunding FTA dengan negara-negara jiran yang merupakan pesaing Malaysia di pasaran eksport utama Malaysia. Setakat ini, jumlah FTA yang dimeterai dan sedang dirundingkan oleh Malaysia berbanding dengan negara-negara jiran kita adalah seperti berikut:

- (i) Malaysia 15;
- (ii) Singapura 25;
- (iii) Thailand 17;
- (iv) Vietnam 8;
- (v) China 14;
- (vi) Indonesia 10;
- (vii) India 18; dan
- (viii) Republik Korea 11.

Tuan Yang di-Pertua, hasil pelaksanaan FTA oleh Malaysia, nilai eksport Malaysia ke Jepun, Pakistan, China dan Korea berasaskan Sijil Keasalan dengan izin, *Certificate of Origin* meningkat 100% iaitu daripada RM6.9 bilion pada tahun 2006 kepada RM13.8 bilion pada tahun 2007.

Mengikut maklum balas daripada industri tempatan, akibat pelaksanaan FTA oleh Malaysia ialah cabaran persaingan daripada import dari China umpamanya, tetapi ia tidak merupakan satu isu yang besar bagi kita. Ini adalah kerana hampir 65% daripada jumlah takrif yang ada sekarang sudah pun dalam lingkungan dengan izin, *nil duty* sejak tahun 1990-an lagi di mana FTA masih belum dirundingkan lagi pada masa itu. Akibat langkah-langkah liberalisasi takrif yang diamalkan secara dengan izin, *autonomous liberalization* dan juga penghapusan takrif di bawah FTA untuk barangan yang sensitif kepada industri kita dilaksanakan secara beransur-ansur.

Walau bagaimanapun, kerajaan mempunyai instrument-instrument tertentu seperti dengan izin, *safeguard measures* untuk melindungi industri tempatan di mana tindakan anti lambakan dengan izin, *anti-dumping* boleh diambil ke atas import barangan yang memudaratkan industri tempatan ataupun memperkenalkan piawaian mandatori umpamanya ke atas barangan binaan yang mana mutunya atau kesan terhadap keselamatannya kepada pengguna dipersoalkan.

Tuan Yang di-Pertua, sebab-sebab mana-mana negara membangun menandatangani perjanjian FTA dengan rakan dagangnya seperti dengan Amerika Syarikat adalah berbeza dan impak dari kesan FTA itu juga berbeza-beza antara negara dan tidak boleh disamakan. Kandungan FTA juga bergantung kepada apa yang menjadi kepentingan kepada negara-negara berkenaan dan kepada tuntutan-tuntutan ekonomi dan prasarana mereka. Apa yang lazim dilihat ialah merangsang perdagangan dua hala serta peningkatan pelaburan asing dan bina upaya akibat pelaksanaan FTA. Impak dan kesan FTA juga dipengaruhi oleh struktur ekonomi dan tahap daya saing industri masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Dato' Lee Sing Chooi juga ada menyentuh isu mengenai sektor yang mempunyai daya saing di pasaran antarabangsa dan langkah-langkah yang diambil untuk membantu sektor yang kurang berdaya saing. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, dalam tahun 2007 sektor industri yang berdaya saing ialah industri kimia dan produk kimia, industri besi dan keluli dan industri *electrical* dan *electronic*. Sektor industri yang mempunyai kadar produktiviti kurang daripada purata kadar produktiviti sektor perkilangan keseluruhan kebanyakannya adalah didominasi oleh enterprise kecil dan sederhana.

Sektor ini termasuk industri produk kayu, produk publikasi logam, produk getah, produk plastik dan tekstil dan pakaian. Pada keseluruhannya kedudukan daya saing global Malaysia menurut *World Competitiveness Year Book* oleh *Institute Management Development* telah meningkat kepada kedudukan ke 19 pada 2008. Ini daripada kedudukan ke 23 pada 2007. Ini satu pencapaian yang cukup baik bagi negara kita Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, menyedari hakikat untuk meningkatkan daya saing sektor industri, kerajaan akan terus berusaha untuk melaksanakan inisiatif-inisiatif bagi meningkatkan daya saing industri termasuk penggunaan teknologi yang lebih sofistikated penambahbaikan sistem pengurusan, meningkatkan keupayaan modal insan, penerapan daya kreativiti dan inovasi serta mengurangkan jurang antara keperluan industri dengan kemahiran sedia ada.

Kerajaan telah memperkenalkan beberapa inisiatif bagi meningkatkan daya saing industri seperti:

- (i) Skim Pinjaman Mudah Automasi dan Modenisasi yang telah dilancar pada bulan Februari 2007 dengan peruntukan jumlah RM300 juta;

- (ii) Skim Latihan Luar Kebangsaan;
- (iii) Skim Pinjaman Mudah Penjenamaan Antarabangsa bagi menggalakkan perkembangan jenama-jenama Malaysia;
- (iv) Program Pembangunan Penjenamaan EKS bagi menggalak dan mengukuhkan nilai individu jenama EKS dan Pembangunan Sumber Manusia; dan
- (v) Geran Promosi Penjenamaan.

Tuan Yang di-Pertua, sekian sajalah penjelasan saya terhadap isu-isu utama yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang menyentuh bidang kuasa Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri. Isu serta cadangan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat diambil perhatian dan akan disusuli sewajarnya. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Seterusnya Kementerian Pelajaran.

### 3.58 ptg.

**Timbalan Menteri Pelajaran II [Dato' Razali bin Ismail]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kementerian Pelajaran ingin mengambil kesempatan mengucapkan terima kasih kepada seramai 15 orang Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian membahaskan pelbagai perkara yang menyentuh mengenai kepentingan Kementerian Pelajaran dan kami melihat sentuhan yang telah dibuat dalam perbahasan ini memberi maklumat kepada kita untuk kita bergerak ke hadapan, *the way forward* dan juga membuat penambahbaikan kerana kita melihat ada dimensi-dimensi yang melihat dari segi kekuatan, kelemahan, ruang dan juga ancaman.

Ini kami lihat sebagai satu *swat analysis* dari segi *strange* dengan izin, *weaknesses, opportunity and friends*. Sebilangan besar daripada perbincangan Ahli-ahli Yang Berhormat adalah tertumpu kepada teras-teras dalam pelaksanaan Pelan Induk Pembangunan Pendidikan PIPP, maka saya akan menggulung perbahasan ini berlandaskan kepada teras-teras tersebut. Kementerian Pelajaran adalah sedang berusaha merealisasikan, enam teras dalam pembangunan pendidikan dalam Pelan Induk Pembangunan Pendidikan yakni:

- (i) membina negara bangsa dalam usaha kita memupuk rasa kekitaan, semangat kebangsaan dan patriotisme;
- (ii) membangunkan modal manusia, modal insan;
- (iii) program memperkasakan sekolah kebangsaan;
- (iv) merapatkan jurang perbezaan dalam pendidikan;
- (v) memartabatkan profesion perguruan; dan

(vi) Lonjakan kecemerlangan pendidikan kita.

■1600

Yang Berhormat Tan Sri Datuk (Dr.) Jins Shamsudin menyentuh tentang pembangunan modal insan berkualiti dan yang cemerlang. Sehubungan dengan itu Pelan Induk Pembangunan Pendidikan atau PIPP merupakan perancangan yang terbaik Kementerian Pelajaran sekarang. Dalam menjayakan agenda pendidikan negara pelaksanaan PIPP bermula pada tahun 2006 sehingga 2010 memerlukan peruntukan pembangunan kira-kira RM23 bilion. Sehingga kini kementerian telah membuat dan mengeluarkan dua kad laporan PIPP yang terbukti kejujuran kementerian dalam menghasilkan usaha-usaha yang telah dirancang dalam Pelan Induk Pelan Pendidikan.

Daripada 320 pelan tindakan yang terdapat dalam PIPP ini 49.6% telah dapat disempurnakan. Daripada 28 kementerian yang terdapat prestasi Kementerian Pelajaran adalah yang terbaik di mana penyempurnaan tugas-tugas telah dapat disempurnakan. Dari segi pembangunan yang disebut sebagai *software development*, pembangunan modal manusia, disiplin, ini memerlukan masa dengan izin, *incubation*, yang mungkin memerlukan masa dan tempoh yang agak lama.

Murid-murid adalah aset penting kepada negara dan sudah tentu dalam melahirkan modal insan ini Kementerian Pelajaran berusaha untuk menyediakan bilik darjah yang kondusif dan menarik untuk pengajian dan pembelajaran (P&P). Seperti mana yang diharapkan oleh Yang Berhormat Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid yang menyentuh tentang kadar keciciran murid, juga yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tuan Lee Chee Keong.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, kebanyakan kelas yang mempunyai lebih daripada 30 orang terdiri daripada sekolah-sekolah di kawasan bandar dan juga pinggir bandar serta mempunyai kepadatan penduduk yang tinggi. Kementerian sentiasa mengkaji untuk menambah bilangan kelas juga menaik taraf sekolah yang telah padat. Namun kekangan terutama di sekolah-sekolah bandar adalah kerana sekolah-sekolah ini tidak mempunyai kawasan untuk pembinaan bangunan tambahan. Meskipun begitu sekarang ini Kementerian Pelajaran sedang menempatkan apa yang disebut sebagai *cabin classroom* yakni bilik-bilik darjah yang dibuat dengan kaedah yang terbaru.

Mengenai kadar keciciran pula, pelaksanaan pendidikan wajib di peringkat rendah yang dimulakan sejak tahun 2003 telah menampakkan hasil yang positif. Data menunjukkan keciciran semakin menurun di peringkat rendah setelah pelaksanaan pendidikan wajib iaitu daripada 3.1% pada tahun 2001 kepada 1.4% pada tahun 2006. Pada peringkat menengah pula kadar keciciran adalah 9.3% di bandar dan 16.7% di luar bandar bagi *cohort* tahun 2000 sehingga 2004.

Saya ingin menyebut di sini bahawa wujudnya keciciran tersebut bukannya bermaksud murid terus meninggalkan sistem persekolahan tetapi sebilangan daripada mereka adalah murid yang meninggalkan sistem persekolahan Kementerian Pelajaran tetapi mengikut sistem pendidikan lain sama ada sekolah-sekolah swasta ataupun sekolah-sekolah yang menawarkan kelulusan yang berlainan daripada Kementerian Pelajaran.

Kementerian Pelajaran telah mengambil beberapa langkah untuk meningkatkan kadar penyertaan murid-murid seterusnya mengurangkan kadar keciciran. Antaranya:

- (i) penguatkuasaan pendidikan wajib di peringkat rendah;
- (ii) memperluaskan mata pelajaran MPV di sekolah-sekolah atau pun mata pelajaran vokasional di sekolah-sekolah dan ini menarik perhatian anak-anak kita kerana melalui kemahiran-kemahiran asas vokasional membolehkan mereka yang kurang cergas dari segi akademik terus berada dalam sistem;
- (iii) memperbanyakkan program motivasi kepada anak-anak;
- (iv) menjalinkan program permuafakatan dengan komuniti dan warga sekolah;
- (v) memperkenalkan penaksiran dan penilaian yang sesuai yakni yang bersifat formatif, agnostik dan juga penilaian-penilaian rujukan kriteria; dan
- (vi) merangka sistem penyampaian alternatif yang berteraskan kepada *multiple intelligence* - kepelbagaian kecerdasan dan juga yang berorientasikan kepada *emotional intelligence* untuk menarik perhatian anak-anak yang kurang berkebolehan terus kekal dalam sistem.

Selain daripada itu kerajaan juga telah menyediakan pelbagai bentuk bantuan kepada murid-murid yang tidak berkemampuan untuk menarik perhatian mereka untuk terus berada di sekolah. Juga, program pemulihan khas termasuk penyediaan perjawatan guru-guru pemulihan dan juga program-program intervensi dalam P&P. Kemudahan asrama juga merupakan usaha untuk mengatasi keciciran. Kementerian Pelajaran berkeyakinan langkah-langkah tersebut dapat mengatasi masalah keciciran di kalangan murid-murid termasuk Orang Asli seperti mana yang telah disarankan oleh Yang Berhormat Tuan Maijol Mahap.

Kementerian Pelajaran juga berusaha untuk melahirkan modal insan yang kompeten dan berkemahiran dalam sains dan teknologi seperti mana yang diharapkan oleh Yang Berhormat Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee. Dalam konteks ini kemahiran-kemahiran yang bersifat vokasional yang terdapat dalam pelan tindakan pendidikan teknikal dan vokasional telah pun dilaksanakan. Ini membolehkan murid-murid kita mempunyai laluan kerjaya

yang jelas terutamanya bagi murid yang berprestasi rendah dengan menyalurkan mereka kepada pendidikan vokasional dan latihan kemahiran.

Usaha ini bermanfaat agar generasi yang kita bekalkan itu mampu berdikari dan berpeluang memiliki pekerjaan untuk menampung kehidupan mereka. Kemahiran yang ditetapkan meliputi program untuk murid-murid berprestasi tinggi, sederhana dan rendah iaitu aliran teknikal. Fokus kepada murid-murid yang cemerlang akademik di peringkat Penilaian Menengah Rendah atau PMR, didedahkan dengan ilmu pengetahuan teknikal bertujuan untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi dan akhirnya dapat memenuhi keperluan guna tenaga negara pada peringkat profesional.

Keduanya adalah aliran vokasional, fokus kepada murid-murid yang sederhana pencapaian akademik di peringkat PMR dengan mendedahkan teori dan juga kemahiran vokasional.

Ketiga adalah aliran kemahiran, fokus kepada murid-murid yang lemah pencapaian akademiknya yang tidak berminat dalam bidang akademik. Murid-murid ini diberikan latihan kemahiran yang memenuhi keperluan tenaga negara pada masa depan. Bagi memantapkan aliran kemahiran ini juga pada tahun 2007, Kementerian Pelajaran telah menawarkan 22 mata pelajaran vokasional dengan memperluaskannya kepada 106 buah sekolah menengah harian serta membina 624 bengkel-bengkel vokasional.

Kementerian tidak lupa membentuk modal insan di kalangan anak-anak Orang Asli sebagaimana yang dibangkit oleh Yang Berhormat Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin dan Yang Berhormat Tuan Maijol Mahap.

Untuk makluman, kementerian sentiasa prihatin untuk mengatasi masalah keciciran di kalangan anak-anak Orang Asli. Sehubungan dengan itu kementerian telah dan sedang melaksanakan program berikut: pertama, penubuhan sekolah modul khas...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat ini perkara kecil sahaja. tetapi oleh sebab sudah berulang-ulang dan tidak manis kalau berlarutan. Namanya Maijol Mahap.

**Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]:** Maijol...?

**Tuan Yang di-Pertua:** Mahap.

**Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]:** Mahap. Minta maaf. Di antara strateginya ialah menubuhkan Sekolah Modul Khas Komprehensif K-9. K-9 itu adalah untuk adalah untuk sembilan tahun *treatment* yang diberi. Dengan kita menekankan kepada pendekatan *pedagogy indigenous local* untuk menangani masalah-masalah anak-anak Orang Asli yang mempunyai keperluan yang tersendiri. Antara sekolah-sekolah itu ialah di Sekolah Kebangsaan Bandar Dua Paloi Inai, Pekan Pahang.

Kedua ialah pengklusteran Sekolah Murid Orang Asli dan Penan, di mana Kementerian Pelajaran dalam usaha mengelompokkan murid-murid Orang Asli dan Penan dalam berkongsi pengajaran dan pembelajaran secara interaktif melalui teknologi *video conferencing*.

■1610

Ketiga ialah pemberian insentif melalui pemberian Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin iaitu KWAPM iaitu bagi murid sekolah rendah, bantuan yang diberikan ialah bantuan persekolahan pada kadar RM200 seorang setahun dan bantuan am pada kadar RM30 sebulan selama 10 bulan. Bagi murid sekolah menengah, kadar bantuan persekolahan ialah RM300 setahun dan bantuan am RM40 sebulan selama 10 bulan. Pemberian insentif ini diperluaskan pada setiap tahun.

Keempat, *on-going Outreach Program* yang dilaksanakan oleh IPG ataupun maktab-maktab perguruan dengan tujuan untuk mendekati kalangan pendidik dengan murid-murid di luar bandar terutama anak-anak Orang Asli dan juga masyarakat setempat. Ianya dengan memberi penerangan secara terus terang tentang kepentingan pendidikan kepada anak-anak serta pendidikan sebagai saluran yang boleh membawa kepada *social mobility*, dengan izin, kepada anak-anak.

Yang kelima, meningkatkan kecemerlangan institusi pendidikan Orang Asli dan yang keenam, Kementerian Pelajaran mengambil inisiatif mengadakan kelas dewasa untuk Orang-orang Asli. Sambutan daripada ibu bapa Orang Asli amat menggalakkan dan hasil daripada itu didapati kehadiran Orang-orang Asli ke sekolah semakin meningkat. Seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Datuk Sim Kheng Hui...

**Tuan Yang di-Pertua:** Ha, sekarang kalau hendak minta penjelasan mengenai tajuk Orang Asli, di sinilah detiknya untuk mencelah kalau hendak minta penjelasan. Bukan di tengah-tengah. Silakan Yang Berhormat. Saya sengaja beri petunjuk.

**Dato' Razali bin Ismail:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kerajaan juga sentiasa memberi keutamaan kepada murid-murid yang cemerlang dalam akademik dengan memberi biasiswa tertentu. Keutamaan adalah diberikan kepada murid-murid cemerlang daripada keluarga yang tidak berkemampuan, Kementerian Pelajaran telah menyediakan pelbagai bentuk biasiswa kepada murid-murid sekolah, bakal guru dan juga guru-guru dalam perkhidmatan.

Biasiswa Kecil Persekutuan dan juga Biasiswa Kelas Persediaan Universiti disediakan kepada murid-murid sekolah menengah yang memenuhi kelayakan. Berdasarkan kepada rekod jumlah penerima biasiswa ini dari tahun 2003 sehingga 2007 adalah seramai 1.2 juta orang daripada pelbagai kaum.

Tuan Yang di-Pertua, pembangunan prasarana sahaja tidak mencukupi. Kita juga harus memberi tumpuan kepada pembangunan modal insan ataupun disebut juga *courseware*

*development*. Seperti yang diutarakan Yang Berhormat Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawī mengenai gejala sosial, keadaan semasa membuka ruang kepada setiap generasi, khususnya anak-anak kita kepada pelbagai situasi.

Pendidikan yang diperoleh melalui sumber yang pelbagai macam boleh mempengaruhi gaya hidup. Justeru itu, pendekatan Kementerian Pelajaran adalah pendekatan yang bersepadu. Tidak lupa dari segi pembangunan sahsiah yang tinggi, jati diri, kepimpinan diberi penekanan, kemahiran moral, kemahiran emosional juga diberi penekanan; dan ini adalah merupakan dimensi-dimensi yang boleh melahirkan insan yang bersepadu.

Kementerian Pelajaran juga mengharapkan kerjasama daripada pelbagai pihak termasuk ibu bapa dan menteri setempat untuk membendung masalah sosial yang amat merunsingkan kita. Berkaitan dengan kurikulum Pendidikan Islam yang diajar pada peringkat rendah dan menengah, kita telah mengambil kira semua bidang pendidikan Islam termasuk fikah kekeluargaan.

Sehubungan dengan itu, kementerian juga telah menerapkan pendidikan seksual secara merentas kurikulum dan bersepadu dalam mata pelajaran Pendidikan Jasmani Kesihatan, Pendidikan Islam, Moral dan juga pelajaran Sains. Memartabatkan profesion perguruan...

**Puan Hajah Mumtaz bin Md. Nawī:** Mohon laluan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Di sini mohon laluan.

**Dato' Razali bin Ismail:** Ya, silakan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sebelum beralih kepada tajuk profesion perguruan, tajuk yang sebelumnya.

**Puan Hajah Mumtaz bin Md. Nawī:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Dalam usaha kerajaan untuk membudayakan penumpuan guru, ibu bapa dan murid-murid terhadap objektif pendidikan di samping untuk pencapaian akademik yang cemerlang; apakah bentuk laporan serta *indicator* kecemerlangan sahsiah yang akan dihantar oleh kementerian kepada semua ibu bapa dan perlu dinilai oleh guru. Di samping laporan buku rekod kecemerlangan akademik, buku rekod kecemerlangan kokurikulum iaitu rekod laporan tentang akhlak murid adakah diberi dalam bentuk *indicator* ataupun laporan bulanan kepada ibu bapa ataupun tahunan. Terima kasih.

**Dato' Razali bin Ismail:** Ada satu instrumen yang disebut sebagai rekod beradab yang memberi satu gambaran tentang prestasi sahsiah anak-anak kita. Jadi ini dilakukan secara berkala oleh guru-guru dalam bilik darjah dan laporan rekod adab ini memberi penjelasan berhubung dengan masalah-masalah dari segi disiplin dan juga proses pembangunan diri anak-anak itu. Ini adalah merupakan beberapa langkah, selain daripada pendidikan yang memberi penekanan kepada nilai pendidikan yang merentas kurikulum.

Berhubung dengan profesion perguruan, terlebih dahulu tidak terlewat sekiranya kita memberi ucapan syabas kepada para pendidik, guru-guru sempena sambutan 16 Mei yang lepas, Hari Guru kerana setiap seorang yang dewasa hari ini, Tuan Yang di-Pertua yang berada di kerusinya dan kita sebagai Ahli Parlimen, sejarah kita ini bermula daripada asuhan seorang guru biasa. Baru-baru ini juga Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah membuat pengumuman berhubung dengan insentif-insentif yang baru yang menawarkan kepada guru-guru yang melibatkan 360 ribu orang guru di seluruh negara dan ini menjadikan profesion perguruan lebih menarik.

Dalam usaha memartabatkan profesion keguruan juga seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Lee Chee Keong, kerajaan telah menyediakan pelbagai strategi, antaranya termasuklah memberi pelbagai insentif seperti skim gaji dan gred jawatan yang bersesuaian. Untuk makluman Yang Berhormat, dari tahun 2005 sehingga April 2007 seramai 40 ribu orang guru telah berjaya dinaikkan pangkat iaitu; 592 orang mengisi jawatan lebih tinggi, 495 orang sebagai pengetua cemerlang, 294 guru cemerlang, 38,625 orang dinaikkan pangkat secara *time-based*.

Di samping itu, syarat untuk pertimbangan kenaikan pangkat sebagai guru cemerlang dari gred DG41 – DG ialah Didik Guru, ke DG44, dan DG29 ke DG32 telah dipendekkan daripada tujuh tahun perkhidmatan kepada lima tahun. Ini akan membolehkan guru-guru yang kompeten dan berprestasi cemerlang berpeluang untuk dinaikkan pangkat dengan lebih cepat. Pada tahun 2008, sebanyak 23,767 jawatan dinaiktarafkan dan jawatan baru kenaikan pangkat telah diwujudkan oleh sekolah menengah yang mempunyai Tingkatan 6 dan sekolah menengah yang mempunyai enrolmen murid 1,750 orang dan ke atas.

Jawatan tersebut melibatkan jawatan pengetua, penolong kanan, penolong kanan petang, guru kanan dan guru akademik. Jumlah tersebut meliputi 1,949 orang bagi jawatan gred DG52 yang melibatkan 3,739, gred DG48 yang melibatkan 18,079 dan ini juga memberi ruang yang menarik minat kepada guru-guru untuk menceburkan diri di bidang profesion perguruan.

Selain daripada itu, guru-guru juga mendapat pelbagai jenis insentif dan elaun. Antaranya ialah bayaran insentif mengajar Bahasa Cina dan Bahasa Tamil di sekolah kebangsaan dengan kadar bagi guru siswazah sebanyak RM60 sejam dan guru bukan siswazah RM50 sejam. Elaun harian guru ganti kumpulan guru simpanan kebangsaan. Ini adalah merupakan guru stok dalam simpanan, dibayar elaun dengan kadar RM150 sehari bagi guru siswazah dan RM110 sehari bagi guru bukan siswazah.

Bayaran insentif mengajar kanak-kanak cacat sebanyak RM250 sebulan dan bayaran insentif jurulatih sukan, Program Bakat Muda dengan kadar mengikut tahap iaitu tahap 1 sebanyak RM225, tahap 2 sebanyak RM300 dan tahap 3 sebanyak RM375. Untuk makluman

Yang Berhormat Pau Chiong Ung, di samping melengkapkan kemudahan asas guru di pedalaman, sebagai satu galakan untuk menarik minat guru berkhidmat di kawasan pedalaman, guru-guru telah dibayar bayaran insentif pedalaman mengikut Pekeliling Perkhidmatan Bil.5/2000. Tambang perjalanan balik kampung dan yang terbaru memberikan elaun khas mengikut lokasi dan tahap kesusahan kepada guru-guru dan anggota kumpulan sokongan di bawah Kementerian Pelajaran yang bertugas di luar bandar daripada kadar RM500 ke RM1,500.

Merapatkan jurang pendidikan. Berhubung dengan jurang pendidikan...

▪ 1620

**Tuan Yang di-Pertua:** Kalau hendak mohon penjelasan mengenai guru, sekaranglah minta jalan.

**Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mohon penjelasan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Dalam profesion perguruan ini, sebagai contoh kita ambil guru-guru J-Qaf di mana mereka ini terlibat dengan syarat berkhidmat selama tiga tahun, barulah boleh bertukar.

Yang menjadi masalahnya sekarang Tuan Yang di-Pertua, guru-guru J-Qaf, guru-guru ini dari Semenanjung yang bertugas di Sabah dan Sarawak terutama kawasan pedalaman di mana mereka ini kebiasaannya apabila habis kursus perguruan J-Qaf mereka ini berkahwin dalam usia 27 dan 28 tahun. Apabila mereka berkahwin, suami mereka pula bekerja dengan pihak swasta, contohnya bekerja di Semenanjung yang tidak boleh ikut serta bertukar ke Sabah atau Sarawak. Selepas kahwin tiga hari, mereka ini terpaksa berpisah dan ada banyak kes yang berlaku di mana keadaan susah hati dan sebagainya sehingga kandungan yang pertama itu keguguran.

Jadi, saya mohon penjelasan adakah Kementerian Pelajaran memberi budi bicara supaya guru-guru seperti ini yang mana tidak ada titik pertemuan dalam bidang kerjaya antara suami dan isteri supaya mereka ini diberi kelonggaran bertukar sama ada mengikut suami ataupun mengikut isteri. Terima kasih.

**Dato' Razali bin Ismail:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tentang susah hati, kita jangan letakkan susah hati kepada pihak guru sahaja. Kita juga harus melihat susah hati dari pihak murid-murid sendiri bila ditinggalkan guru dan juga Kementerian Pelajaran sendiri. Kadang-kadang guru-guru kita ini, bila sampai dihantar ke luar bandar di mana-mana dalam masa beberapa hari pun sudah minta tukar. Belanja kita menghantar dengan naik kapal terbang ke Sabah dan Sarawak itu masih belum berbaloi hendak minta tukar dah. Jadi ini adalah merupakan beberapa *constraints* sebenarnya kepada Kementerian Pelajaran.

Tadi disebut sebagai J-Qaf. 'J' itu ialah Jawi; 'Q' itu ialah Quran; 'A' ialah bahasa Arab asas; dan 'F' adalah fardu Ain. Ini adalah merupakan satu bentuk latihan kepada guru-guru dalam pendidikan agama Islam ini.

Sebenarnya guru-guru ini dikatakan 3 tahun itu betul sebab kaedah latihan mereka itu adalah kaedah yang disebut sebagai latihan berasaskan kepada sekolah, LPBS. Jadi, mereka perlu berada di sekolah itu. Sebab mereka itu satu guru yang istimewa cara pemilihan mereka. Mereka perlu berada di situ mengalami sendiri suasana dengan keadaan murid-muridnya di situ dalam tempoh tiga tahun. Ini adalah merupakan syarat yang telah dikenakan oleh Bahagian Pendidikan Guru, Kementerian Pelajaran. Kemudiannya, soal kahwin tadi. Memang kita ada simpati kita. Namun begitu, kita hendak juga memikirkan dari segi *win-win situation*. Ertinya juga guru boleh membuat permohonan kalau sudah sampai tempohnya melebihi tempoh tiga tahun yang menggunakan kaedah yang disebut sebagai e-Tukar, membuat permohonan bertukar secara elektronik sekarang ini supaya *accessibility* kepada Kementerian Pelajaran dan timbang rasa dua pihak itu akan dilaksanakan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Bukanlah kita hendak mementingkan kerjaya melebihi rumah tangga, tetapi dengan perkembangan semasa masyarakat, ini satu persoalan yang terpaksa kita hadapi, iaitu kita kena fikir-fikirlah di antara rumah tangga dan kerjaya. Kadang-kadang, kita terpaksa membuat penyesuaian. Adakah itu yang Yang Berhormat maksudkan?

**Dato' Razali bin Ismail:** Malah kita ada strategi sekarang ini terutamanya sekolah-sekolah yang kadang-kadang guru suka pergi seperti di Sabah, Sarawak, di pedalaman di mana beberapa buah IPG, maktab perguruan itu khas mengambil calon-calon daripada daerah itu sendiri. Jadi ini adalah bersifat *school-based*, bersifat *local* yang boleh mengurangkan masalah-masalah yang telah berbangkit.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada orang-orang yang bercita-cita tinggi sampai kekal bujang kerana mengejar kerjaya. Terima kasih.

**Dato' Razali bin Ismail:** *This is the unsung heroes*, memang terdapat dalam pendidikan... [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara].

**Tuan Osman bin Bungsu:** Minta laluan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila Yang Berhormat.

**Tuan Osman bin Bungsu:** Terima kasih Tuan Yang Berhormat, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya mengucapkan Selamat Hari Guru sekali lagi kepada warga guru. Bercakap tentang guru, kita melihat bahawa guru-guru telah dilatih dari segi pedagogi, dari segi psikologi dan juga dibekalkan dengan pelbagai bahan teknologi tinggi, tetapi saya telah pergi ke beberapa sekolah di kawasan pedalaman, khususnya di sekolah Orang Asli yang ada pelajar-pelajar Orang Asli. Kita melihat sebahagian daripada pelajar-pelajar Orang Asli ini kurang menguasai 3M walaupun sudah empat tahun berada di sekolah. Juga saya melihat tahap motivasi di kalangan sebahagian guru ini agak kurang.

Kalau dilihat tadi, kita melihat dari segi perancangan yang dibuat dengan memberi berbagai-bagai insentif kepada guru-guru di kawasan pedalaman ini. Jadi, saya minta penjelasan apakah langkah-langkah yang telah dikenal pasti bagi meningkatkan tahap motivasi guru-guru dan juga bagaimanakah sistem pengajaran yang boleh diubahsuai agar pelajar-pelajar ini kalau sudah sampai darjah tiga atau empat sudah boleh menguasai 3M ini? Begitu juga bagaimanakah perancangan yang dibuat tentang pengajaran dan pembelajaran dalam bahasa Inggeris ini terutama pencapaian pelajar-pelajar kita yang berada di kawasan luar bandar ini? Terima kasih.

**Dato' Razali bin Ismail:** Terima kasih Yang Berhormat. Tentang mendekati anak-anak dan pelajar-pelajar Orang Asli di pedalaman, institut pendidikan guru ada kaedah tersendiri disebut sebagai *indigenous pedagogical knowledge*. Ertinya membina kaedah metodologi mendekati anak-anak Orang Asli ini berdasarkan kepada situasi tempatan. Situasi *indigenous*, situasi yang bersesuaian dengan persekitaran dan suasana mereka di sana.

Ini adalah merupakan satu pendekatan. Lebih-lebih lagi kurikulum yang kita guna pakai sekarang ini ialah kurikulum yang bersifat *centralise*. Ertinya kadang-kadang kurikulum itu sesuai di kawasan metropolitan, tidak berapa sesuai di kawasan anak-anak di pedalaman. Sebab itulah kita bina satu alternatif sekarang ini yang disebut sebagai *indigenous pedagogical knowledge*. Ertinya pengetahuan pedagogi, metodologi yang sesuai dengan keperluan anak-anak dalam persekitaran seperti mana di luar bandar yang telah disebut oleh Yang Berhormat tadi. Tentang anak-anak kita yang tidak dapat membaca dan menulis.

Memang kita ada pada tahun yang pertama, tahun satu di sekolah. Kita ada pendekatan intervensi awal pendidikan yang disebut sebagai KIA2M. Di mana sekarang ini, anak-anak di peringkat tiga bulan yang pertama tidak diajar perkara-perkara lain kecuali membaca dan menulis. Ini adalah merupakan *basic* dan *fundamental* bagi anak-anak kita. Kemudian tadi telah disebut tentang insentif. Insentif itu bukan hanya dimiliki, diperoleh dan meraikan guru, tetapi sekali gus juga anak-anak di luar bandar. Bantuan dari segi rancangan makanan tambahan, bekalan susu, uniform, ini adalah merupakan meraikan keperluan anak. Tadi juga ada disebut.

Saya sokong tadi iaitu bagaimanakah ikhtiar guru untuk memberi motivasi kepada anak-anak di luar bandar ini? Dari segi pendekatan pedagogi pengajaran di maktab perguruan, keutamaan diberi kepada pembangunan individu itu sendiri. Bagaimanakah *to unleash* dengan izin, potensi-potensi kepada anak-anak? Maka pendekatan secara *emotional intelligent*, pendekatan dari segi mendekati jiwa dan merawat masalah-masalah dalam diri si anak itu juga sedang diberi perhatian. Saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat yang selalu memberi keutamaan kepada pendidikan anak-anak kita terutama Orang-Orang Asli kepada

pengetahuan kita dan kita akan mengambil fikir kepada beberapa pandangan yang diberi oleh Yang Berhormat.

■1630

**Dato' Lee Sing Chooi:** Tuan Yang di-Pertua minta penjelasan. Saya juga berminat dengan *pedagogy indigenus* itu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Selepas ini cukuplah penjelasan tajuk itu. Yang tak terfikir hendak meminta penjelasan, sekarang sudah mula terfikir.

**Dato' Lee Sing Chooi:** Berkenaan dengan pedagogi, sudah berapa lama dijalankan dan keberkesanannya itu ada atau tidak? Kerana kalau hendak mengajar anak-anak Orang Asli, bukan sahaja dari aspek akademik atau pedagogi dan juga aspek pertukaran budaya yang semua sekali.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sekarang saya dapat kesan Yang Berhormat bukan minta penjelasan. Sedikit sebanyak Yang Berhormat telah mirip membuka kepada perdebatan mengenai sub-topik ini.

**Dato' Lee Sing Chooi:** Saya hendak tahu pedagogi, *the scope* itu dekat mana dan keberkesanan itu? Silakan.

**Dato' Razali bin Ismail:** Ya, terima kasih. Sebab setiap ko-kurikulum yang dibina, digubal oleh IPG iaitu Institut Pendidikan Guru itu, mesti dipantau. Kita hendak lihat juga apakah keberkesanannya. Ada kajian-kajian yang sebenarnya yang dibuat dan malah pihak kepimpinan Kementerian Pelajaran sendiri pun pergi juga meninjau dari segi pegawai-pegawai pengurusan di Kementerian Pelajar juga akan sampai ke Pensiangan, Salinatan, sekolah Orang Asli di Hulu Terengganu, Sungai Perua, ini adalah merupakan tempat-tempat di mana kita akan menjejaki sejauh manakah keberkesanan metodologi yang digunakan untuk anak-anak kita ini. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya mohon maaf kerana mengganggu banyak kerana tugas saya ialah untuk memelihara perbahasan atau perdebatan yang *coherent*. Untuk menjaga supaya jangan perdebatan dan perbahasan menjadi pertengkaran. Kerana di sini bukan tempat pertengkaran, ianya tempat perbahasan dan perbahasan itu hendaklah *coherent*. Jadi saya pandang tugas saya memelihara perbahasan supaya *coherent*. Itu sahaja semata-mata niat saya, terima kasih.

**Dato' Razali bin Ismail:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Apa yang disentuh tadi juga adalah menyentuh aspek merapatkan jurang pendidikan. Sehubungan dengan itu juga kita mendapati satu isu kita ialah jurang ICT antara sekolah seperti mana yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Pau Chiong Ung. Sebenarnya pelaksanaan ICT di sekolah telah pun berlaku hampir di semua sekolah iaitu melalui pelbagai insentif inisiatif ICT. Sebahagian besar

sekolah kita telah dilengkapi dengan komputer meja iaitu kita telah bekalkan lebih 130,000 buah komputer meja, *note book* sekitar 140,000 buah dan lebih 2,000 judul perisian kursus.

Manakala sekitar 200,000 guru kita juga pernah dilatih untuk menggunakan perkakasan dan perisian ini. Inisiatif ICT juga dapat dilihat melalui usaha Kementerian Pelajaran mewujudkan pusat akses sekolah luar bandar daripada 3,600 pusat akses yang dirancang, 3,025 telah siap dibina. Manakala sebanyak 300 buah makmal komputer telah siap dibina di luar bandar dan 444 buah makmal komputer daripada jumlah 2,257 projek makmal sedang dibina. Dengan terlaksananya projek ini, seramai 342,300 orang murid-murid di kawasan pedalaman luar bandar akan dapat akses kepada penggunaan komputer dan *internet*.

Bagi memastikan anak-anak di kawasan luar bandar mendapat pendedahan pendidikan sejak dari peringkat awal lagi, kementerian juga berusaha memantapkan pelaksanaan kelas prasekolah di luar bandar dengan menyediakan 2,400 kelas yang lengkap dengan kemudahan komputer yang dapat memberi faedah kepada hampir 61,000 kanak-kanak di bawah usia lima, enam tahun.

Memang tidak dapat dinafikan terdapat sekolah-sekolah di pedalaman khususnya di Sabah dan Sarawak tidak dapat menggunakan ICT dengan berkesan kerana ketiadaan bekalan elektrik. Sehubungan itu, bagi membolehkan ICT dapat dilaksanakan seperti mana yang dinikmati oleh sekolah-sekolah lain di negara ini, pelbagai alternatif dilakukan untuk membekalkan bekalan tenaga elektrik ke sekolah.

Selain daripada talian elektrik awam, kementerian juga membekalkan gen set dan juga membina sistem solar hibrid. Sehingga Disember 2007, kesemua projek untuk menyediakan bekalan elektrik 24 jam kepada 432 sekolah di Sarawak telah siap. Sebanyak 12 sekolah telah dibekalkan dengan sistem solar hibrid, manakala 244 buah sekolah lagi bakal menikmati bekalan sistem solar hibrid. Bagi Semenanjung pula kesemua 40 projek bekalan elektrik 24 jam telah siap dilaksanakan.

Mengenai kehilangan komputer seperti mana yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Pau Chiong Ung, pada tahun 2007 terdapat sebanyak 920 buah komputer riba dilaporkan hilang di seluruh negara dan setiap kes kehilangan akan di bawa kepada Jawatankuasa Penapisan Permohonan Hapus Kira Kementerian Pelajaran dan bagi kes-kes yang ada unsur kecuaiian akan dikemukakan kepada pihak Kementerian Kewangan untuk tindakan-tindakan yang berkaitan.

Sebagai langkah keselamatan Kementerian Pelajaran telah mengambil beberapa langkah dan pendekatan antaranya menyediakan insurans, penggunaan peti besi serta pemasangan CCTV dan alat penggera di sekolah-sekolah yang dikategorikan sebagai berisiko tinggi. Pengguna-pengguna peralatan tersebut juga diberi ingatan agar menjaga keselamatan

peralatan tersebut sepanjang penggunaannya melalui kaedah-kaedah dan peraturan penjagaan yang ditetapkan oleh pihak kementerian memperkasakan sekolah kebangsaan.

Kita perlu memahami tentang status sekolah sama ada sekolah kerajaan, sekolah bantuan kerajaan ataupun sekolah swasta seperti yang termaktub dalam Akta Pendidikan kita. Perbezaan status sekolah tersebut sudah pasti mewujudkan pelbagai perkara yang melibatkan perundangan dan dasar yang diguna pakai oleh kerajaan. Dalam hal yang demikian kerajaan akan melaksanakan dasar pembangunan sekolah mengikut ketetapan yang digariskan berdasarkan kepada perundangan akta dan dasar yang ada.

Sehubungan dengan itu, kerajaan tidak hanya melihat kepada satu jenis sekolah sahaja dan satu kawasan tertentu sahaja. Sebaliknya kita berlaku adil dan akan memberi perhatian secara adil kepada semua sekolah. Walaupun usaha kerajaan adalah untuk memperkasakan sekolah aliran perdana iaitu sekolah kebangsaan, ini tidak bermakna sekolah-sekolah lain termasuk sekolah bantuan kerajaan akan diabaikan tetapi sebaliknya sekolah-sekolah tersebut tetap diberikan pembelaan yang sewajarnya.

Di dalam hal ini kementerian memberi peruntukan kepada semua jenis aliran sekolah termasuk sekolah-sekolah jenis kebangsaan, sekolah jenis mubaligh seperti yang dihasratkan oleh Yang Berhormat Datuk Sim Kheng Hui, Yang Berhormat Puan Siw Chun anak perempuan Eam.

**Tuan Yang di-Pertua:** Siw Chun.

**Dato' Razali bin Ismail:** Siw Chun.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kalau ingat "cun", Chun lah.

**Dato' Razali bin Ismail:** "Cun, cun"... [*Ketawa*] Memang cun pun. Yang Berhormat Tuan Ir. Hiang A Li, Yang Berhormat Tuan Lee Chee Keong. Kementerian sedia menyalurkan bantuan kewangan yang diperlukan dengan tertakluk kepada peruntukan kewangan yang diperuntukkan kepada Kementerian Pelajaran.

Untuk makluman, bagi peruntukan belanja mengurus 2008 sahaja, kerajaan telah menyediakan perbelanjaan sebanyak RM1.4 bilion kepada sekolah SJK(C) dan RM552.9 juta kepada SJK(T) dan bagi sekolah mubaligh pula dari tahun 2001 sehingga 2006 sebanyak RM3.14 bilion disediakan bagi menampung perbelanjaan mengurus sekolah-sekolah mubaligh di peringkat rendah dan menengah seluruh negara.

Seperti dimaklumkan, kementerian juga telah menambah pembinaan SJK(C) baru seperti mana yang telah diluluskan pada Januari 2008 lepas. Kementerian secara prinsipnya telah meluluskan pembinaan enam buah sekolah SJK(C) baru dan perpindahan 13 buah SJK(C). Perlu ditegaskan di sini bahawa kerajaan telah memenuhi tuntutan masyarakat Tionghoa untuk menambah bilangan sekolah serta memindahkan beberapa sekolah seperti sekolah kurang murid

di lokasi yang lebih sesuai. Ini bertujuan memenuhi permintaan masyarakat setempat dan mengurangkan kesesakan bilangan murid di SJK(C) khususnya di bandar-bandar seperti hasrat Yang Berhormat Tuan Ir. Hiang...

**Tuan Yang di-Pertua:** A Li.

**Dato' Razali bin Ismail:** A Li dan Yang Berhormat Datuk Sim Kheng Hui. Inilah yang diamalkan oleh kerajaan sejak dahulu untuk membela semua rakyat berlaku adil dan ihsan tanpa mengira perbezaan agama, kaum dan fahaman politik.

Beberapa Yang Berhormat telah menyentuh mengenai perkara sekolah bantuan kerajaan. Di antaranya cadangan menjadikan sekolah bantuan kerajaan kepada sekolah kerajaan. Untuk makluman, Akta Pendidikan 1996 dengan jelas menerangkan status sesebuah sekolah. Dalam hal ini kerajaan tidak boleh sewenang-wenangnya mengambil tanah tapak sekolah yang bukan kepunyaan kerajaan melainkan pemilik tanah tersebut secara suka rela menyerahkan kepada kerajaan.

▪ **1640**

Di samping itu banyak aspek lain perlu diberikan perhatian kepada dasar mengambil alih sekolah berkenaan seperti persetujuan semua ibu bapa, lembaga pengelola sekolah berkenaan dan PIBG, proses pengambilan tanah, penyediaan tapak dan pemilihan lokasi yang sesuai serta kos pembinaan infrastruktur. Perkara yang lebih utama ialah dalam hal ini ialah kemampuan kewangan kerajaan untuk memberi keprihatinan kita kepada 10 ribu buah sekolah di seluruh negara.

Untuk melaksanakan semua perkara-perkara berikut perlu dijelaskan bahawa masih banyak sekolah-sekolah kerajaan khususnya di luar bandar dan pedalaman yang sangat daif yang memerlukan pemerhatian khusus dari segi pembangunan dan juga kemudahan-kemudahan fizikal. Yang Berhormat Sim Kheng Hui membangkitkan isu pengiktirafan sijil UEC, untuk maklumat kerajaan tidak mengiktiraf *Unified Examination Certificate* kerana pensijilan peperiksaan...

**Tuan Yang di-Pertua:** Sekarang Yang Berhormat dengar kalau hendak minta penjelasan mengenai sekolah-sekolah kebangsaan, sekolah jenis kebangsaan peruntukan untuk sekolah inilah masa untuk mencelah tapi tidak ada. Yang Berhormat boleh teruskan.

**Dato' Razali bin Ismail:** ...Kerana pensijilan peperiksaan tersebut Tuan Yang di-Pertua bukan dikendalikan oleh Kementerian pelajaran dan kurikulum pendidikan yang dijalankan di sekolah menegah persendirian Cina atau SMPC tidak menggunakan kurikulum kebangsaan. Namun surat pekeliling Kementerian Pelajaran yang bertarikh 9 Mac 2004 mengenai kelayakan kedudukan *Unified Examination Certificate* menyatakan Kementerian Pendidikan memutuskan

bahawa kelulusan sijil UEC diiktiraf sebagai kelayakan masuk IPTS tetapi tidak boleh diterima untuk kemasukan ke IPTA dan juga program-program IPTS yang di francais daripada IPTA.

Walau bagaimanapun kerajaan bersedia sekolah menengah SMPC tadi menyediakan murid-muridnya untuk mengambil peperiksaan kebangsaan seperti SPM dan PMR. Bagi murid-murid SMPC yang mempunyai sijil SPM mereka boleh dipertimbangkan ke jawatan awam kerajaan. Tajuk yang terakhir sekali ialah berhubung dengan PPSMI atau Pengajaran Pembelajaran Sains dan Matematik...

**Dato' Lee Sing Chooi:** Mohon penjelasan

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada yang hendak bertanya.

**Dato' Lee Sing Chooi:** Mengenai UEC. Sebelum tukar kepada UEC, Menteri Pelajaran sudah umum hendak ambil calon-calon yang sudah mendapat sijil UEC menjadi guru kontrak untuk bahasa Tionghoa. Apakah status itu? Terima kasih.

**Dato' Razali bin Ismail:** Satu sahaja yang ketetapan yang telah diguna pakai untuk semua jawatan-jawatan kerajaan adalah mereka harus memiliki kelulusan dalam bahasa Melayu. Seandainya anak-anak kita itu ada kelulusan bahasa Melayu maka dia tidak menjadi halangan kepada Kementerian Pelajaran sebab sekolah-sekolah yang telah saya sebut tadi iaitu SMPC ada di kalangan mereka yang juga mengambil peperiksaan SPM dan juga PMR. Terima kasih. Berhubung dengan pelaksanaan PPSMI atau Pengajian Pembelajaran Sains Matematik ke bahasa Inggeris sepertimana yang telah ditimbulkan oleh Yang Berhormat Ir. Haji Zamri bin Haji Yusuf dan Yang Berhormat 'See' Chun.

**Tuan Yang di-Pertua:** Siw Chun.

**Dato' Razali bin Ismail:** Yang Berhormat Siw Chun., Saya tidak berapa boleh sebut, minta maaf ya. Kementerian Pelajaran juga sedar serta menjangkakan pelbagai rintangan dan kelemahan pada peringkat awal dengan izin, *the teething problem...*

**Tuan Yang di-Pertua:** Kita susah sebut sebab kita tidak ada sekolah Siam.

**Dato' Razali bin Ismail:** *[Ketawa]* Terima kasih, ini adalah disebabkan pengajaran di bilik darjah memerlukan perubahan dari segi kemahiran dan amalan. Kepada seseorang guru itu mereka bukan saja memerlukan apa yang disebut kemahiran dari segi *content* mata pelajaran mereka juga memerlukan kemahiran pada pedagoginya dan yang ketiganya ialah kemahuan untuk berubah terutamanya penganjakan daripada penggunaan bahasa Melayu kepada bahasa Inggeris untuk mengajar Matematik dan Sains ini. Ini adalah merupakan tiga cabaran. *Content*, metodologi dan satu lagi adalah dari segi '*the want to*' iaitu dari segi sikapnya.

Untuk makluman pada masa ini pelaksanaan PPSMI baru memasuki tahun keenam dan Kementerian pasti bahawa apabila guru yang terlibat telah semakin yakin dan cekap pelaksanaan di bilik darjah akan bertambah mantap. Atas dasar ini kementerian akan menilai

semula dan juga secara berterusan pelaksanaannya mengikut keputusan kajian terperinci dan pemantauan pihak kementerian berdasarkan kepada fakta-fakta yang diperoleh daripada peringkat bawah.

Kajian ini bukan hanya dibuat oleh Kementerian Pelajaran oleh Pihak Lembaga Peperiksaan, Pusat Perkembangan Kurikulum malah daripada universiti-universiti juga. Baru-baru ini Yang Berhormat Menteri Pelajaran membuka ruang kepada PIBG, NGO untuk membincangkan dan mengadakan tinjauan-tinjauan ke atas keberkesanan PPSMI ini. Pada masa yang sama kementerian akan membuat penilaian dan pemantauan terhadap pelaksanaan PPSMI secara menyeluruh khususnya bagi kohort Tahun 6 pada tahun ini yang mengambil UPSR pada tahun 2008. Hal ini demikian kerana kohort ini telah mengikuti PPSMI selama enam tahun iaitu mulai tahun satu 2003. Penilaian yang dibuat sebanyak dua kali setahun untuk melihat tahap pelaksanaan, pencapaian, kemajuan secara berkala murid-murid dari segi penguasaan bahasa Inggeris dengan mengambil kira data daripada setiap sekolah, setiap guru di seluruh negara.

Apa yang penting di sini ialah dapatan penilaian ini akan diguna pakai sebagai penanda aras sebelum membuat keputusan dasar berkaitan pelaksanaan PPSMI sama ada diteruskan atau akan membuat penambahbaikan demi memantapkan lagi dasar ini dan juga demi kemajuan negara mendepani cabaran sains dan teknologi dalam konteks yang global. Ahli-ahli Yang Berhormat saya mengambil kesempatan mengucapkan jutaan terima kasih di atas maklumat yang diberi kepada pihak Kementerian Pelajaran. Kita melihat ini sebagai satu pendekatan SWOT di mana kita dapat mengesan kekuatan, kelemahan, peluang dan juga ancaman-ancaman dan usaha Kementerian Pelajaran bergerak ke hadapan, *to move forward*. Sekian.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Sukacita saya menjemput Timbalan Menteri Luar Negeri untuk menjawab dan menggulung perbahasan.

#### **4.47 ptg.**

**Timbalan Menteri Luar Negeri [Datuk Abdul Rahim bin Bakri]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kementerian Luar Negeri ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat di atas penyertaan di dalam perdebatan Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Ahli Yang Berhormat yang menyertai perdebatan Kementerian Luar Negeri pada kali ini hanya seorang sahaja iaitu Yang Berhormat Senator Tan Sri Datuk (Dr) Jins Shamsudin. Yang Berhormat Senator menyarankan agar kerajaan mempertimbangkan semula cadangan Yang Berhormat Dato' Seri Utama Dr. Rais Yatim supaya wanita yang ingin ke luar negeri akan mendapatkan kebenaran bertulis dari ibu bapa ataupun majikan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, kebelakangan ini memang terdapat rakyat Malaysia terutama wanita-wanita ditahan di luar negara di atas kes kesalahan dadah. Kes berkaitan dadah daripada tahun 2004 hingga April 2008 adalah berjumlah 229 orang iaitu lelaki 162, wanita 67 orang dan manakala mengikut pecahan kaum untuk jangka masa yang sama Melayu 89 orang, Cina 110 orang, India 25 orang dan lain-lain lima orang. Mereka ini ditangkap di pelbagai negara seperti di Amerika Selatan iaitu Argentina, Peru, Brazil, Chile. Di Eropah iaitu negara *Italy, France, Portugal, Spain* dan di Australia. dan di negara-negara seperti China, Philippine, Hong Kong dan Taiwan. Mereka ini disasarkan oleh sindiket dadah antarabangsa untuk dijadikan alat ataupun tunggangan iaitu *drug mules* sindiket dadah. Antara cadangan-cadangan untuk menangani masalah ini adalah cadangan agar mereka yang ingin keluar negeri haruslah mendapatkan kebenaran bertulis dari ibu bapa ataupun majikan mereka.

#### ■1650

Cadangan yang dibuat oleh Yang Berhormat Menteri Luar Negeri sebenarnya menyeru supaya ibu bapa dan majikan mengambil berat tentang aktiviti-aktiviti anak-anak dan pekerja mereka yang pergi ke luar negara. Nasihat oleh Yang Berhormat Menteri Luar Negeri ini ditujukan khusus kepada rakyat Malaysia golongan lelaki dan wanita yang berumur di bawah 21 tahun. Cadangan yang disuarakan oleh Yang Berhormat Menteri Luar Negeri ini adalah berniat baik atau dengan izin, *noble intention* iaitu demi melindungi warganegara Malaysia. Beliau mengemukakan cadangan tersebut memandangkan bahawa ramai anak Malaysia khususnya gadis yang menjadi sasaran pihak yang tidak bertanggungjawab, yang menggunakan pelbagai umpan dan janji untuk melakukan kegiatan penipuan mereka.

Cadangan ini juga bertujuan menggalakkan ibu bapa supaya lebih peka tentang tujuan sebenar anak-anak mereka di bawah umur 21 tahun yang ingin keluar negara. Ini juga akan dapat membantu mengelakkan rakyat Malaysia daripada menjadi mangsa sindiket jenayah antarabangsa yang mensasarkan warganegara kita atas sebab-sebab tertentu. Dalam pada itu cadangan ini juga adalah selari dengan nilai-nilai ketimuran, di mana seseorang anak sepatutnya memberitahu ibu bapa mereka berkenaan dengan tujuan dan rancangan mereka sebelum memulakan perjalanan terutamanya keluar negara.

Cadangan untuk mensyaratkan mereka yang di bawah umur 21 tahun untuk mendapatkan terlebih dahulu perakuan daripada ibu bapa adalah tidak melanggar hak-hak individu. Ini adalah kerana cadangan ini, jika diterima hanya akan disyaratkan kepada mereka yang berada pada kumpulan umur yang sememangnya meletakkan mereka di bawah tanggungjawab ibu bapa mereka ataupun *under the legal protection of their parents*, dengan izin.

Cadangan ini tidak pun berniat untuk memperkecilkan atau melanggar hak mana-mana pihak dan jika diterima cadangan oleh Yang Berhormat Menteri Luar Negeri ini, sebenarnya

memperkuat lagi keprihatinan ibu bapa terhadap anak-anak mereka, dan juga sikap ambil berat majikan dan penjaga yang bertanggungjawab terhadap nasib gadis di bawah tanggungan mereka. Penglibatan Kementerian Luar Negeri dalam hal ini sebenarnya adalah '*LN party*', dengan izin, setelah mereka ditangkap dan ditahan di luar negara.

Kementerian ini berpandangan langkah-langkah preventif perlu diambil secara bersepadu oleh pelbagai agensi kerajaan, seperti Kementerian Dalam Negeri, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Kementerian Pengajian Tinggi, Kementerian Sumber Manusia dan pihak NGO dan media massa. Satu *consensus*, dengan izin harus diwujudkan bagi mencari mekanisme untuk membantu menghadapi masalah ini.

Tuan Yang di-Pertua, bagi soalan selanjutnya iaitu membangkitkan isu Pulau Pisang...

**Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi:** Mohon laluan.

**Datuk Abdul Rahim bin Bakri:** Sila.

**Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Soalan saya berkaitan dengan cadangan oleh Menteri Luar Negeri yang begitu baik untuk diamalkan kepada semua warganegara kita di bawah umur 21 tahun untuk mendapatkan kebenaran *parent* sebelum keluar negara itu. Adakah kerajaan mempunyai *target* dan tarikh akan dikuatkuasakan cadangan tersebut sekiranya diterima, kerana memandangkan kalau dilihat daripada jawapan yang telah dibentangkan oleh menteri pada pagi tadi, jumlah ini bertambah dengan begitu pesat daripada 2006 ke 2007 dan jumlah bilangan wanita yang terlibat dalam kes-kes ini pada 2008 juga besar.

Jadi kita ingin tahu, adakah kementerian mempunyai sasaran atau *target* masa untuk melaksanakan perkara ini. Terima kasih.

**Datuk Abdul Rahim bin Bakri:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya perkara ini adalah di peringkat cadangan. Sepertimana Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat mengetahui bahawa apabila cadangan ini dikemukakan baru-baru ini, ia telah menimbulkan pelbagai reaksi daripada pelbagai pihak. Ada juga pihak-pihak yang menganggap bahawa cadangan ini adalah merupakan satu langkah yang akan mengekang hak-hak individu atau seseorang untuk keluar negara, dan ini sebenarnya adalah dibuat dengan niat yang baik, dan Yang Berhormat juga ketahui bahawa akhir-akhir ini ramai rakyat Malaysia khususnya wanita yang menghadapi masalah di luar negara, khususnya mereka yang ditipu dan ditangkap atas pelbagai kesalahan jenayah khususnya masalah dadah.

Jadi sebenarnya cadangan ini perlulah diperincikan dan juga pendapat-pendapat daripada semua pihak bukan sahaja dari pihak kerajaan ataupun pihak Kementerian Luar Negeri sahaja, seperti mana yang dikatakan tadi, bahawa sebenarnya cadangan ini adalah bermaksud baik dan juga peranan Kementerian Luar Negeri di dalam soal ini kita sebenarnya adalah *we are*

*the tail end party*, dengan izin kerana apabila rakyat Malaysia ditangkap di luar negara, maka kitalah pihak yang akan bertanggungjawab untuk mengurus soal-soal kebajikan mereka dan juga soal bagaimana mereka mendapat pembelaan di dalam kes-kes sedemikian, tetapi banyak lagi pihak yang mempunyai *stake* ataupun tanggungjawab di dalam soal ini.

Kementerian Dalam Negeri dan juga kementerian-kementerian yang lain dan yang penting juga ialah pihak-pihak NGO. Banyak kritikan daripada pihak NGO berkaitan dengan cadangan tersebut, kononnya seolah-olah ia dilihat sebagai satu gender isu sedangkan ianya tidak ditujukan kepada kumpulan-kumpulan tertentu, tetapi adalah ditujukan untuk membasmi atau menghadapi masalah yang sedang kita hadapi sekarang. Kalau sekiranya cadangan ini mendapat konsensus ataupun persetujuan daripada semua pihak, maka saya percaya pendekatan ini akan dapat membantu kita untuk menyelesaikan sedikit sebanyak tentang masalah ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat boleh beralih kepada perkara Pulau Pisang. Kalau dia melintasi sekarang ini dia sudah mula beralih dari perbincangan jadi pertelingkahan.

**Datuk Abdul Rahim bin Bakri:** Tuan Yang di-Pertua, soalan selanjutnya iaitu membangkitkan isu Pulau Pisang, di mana kekalahan Malaysia di Mahkamah Antarabangsa ke atas Pulau Batu Puteh patut diambil sebagai pengajaran yang tidak diulangi semula. Persoalan berhubung dengan kedaulatan Pulau Batu Puteh tidak ada kaitan dengan Pulau Pisang. Dalam hal ini Pulau Pisang merupakan sebuah pulau milik Malaysia di Selat Melaka yang terletak di bawah pentadbiran Pejabat Tanah Pontian, Johor.

Berdasarkan maklumat yang diberikan oleh Kerajaan Negeri Johor saiz pulau ini ialah 1,375 kilometer persegi, iaitu bersamaan dengan 340 ekar dan terletak 7.5 batu nautika dari Pontian Johor. Kerajaan Negeri Johor menerusi Pejabat Tanah Pontian mempunyai bidang kuasa ke atas Pulau Pisang berdasarkan peruntukan seksyen 15 Kanun Tanah Negara 1965. Berdasarkan perjanjian bertulis atau *indenture* yang telah ditandatangani oleh Sultan Ibrahim dan *Governor* Sir Swettenham pada 6 Oktober 1900, rumah api dan kawasan rumah api termasuk jeti dan laluan ke jeti adalah seluas dua ekar dan dua rot di Pulau Pisang diserahkan selama-lamanya kepada Ratu Inggeris atau waris-warisnya.

Rumah api tersebut ini dikawal selia oleh *Marine Port Authority of Singapore*. Sultan Johor atau warisnya berhak mengambil tanah tersebut sekiranya *Marine Port Authority of Singapore* tidak menggunakan tanah berkenaan untuk tujuan tersebut ataupun melakukannya untuk tujuan-tujuan yang lain. Kerajaan Malaysia juga telah mengenakan peraturan-peraturan dan syarat-syarat kemasukan bagi petugas rumah api *marine port authority* tersebut. Dalam tahun 2002 kerajaan Johor telah memperkuatkan peraturan kepada kakitangan ataupun krew rumah api tersebut, di mana mereka dikehendaki mendaftarkan dengan Jabatan Marin, Jabatan

Laut dan Jabatan Kastam di Kukup, setiap pertukaran *shift* kakitangan berkenaan perlulah direkodkan dan ini adalah bertujuan sebagai satu peraturan yang diambil bagi melaksanakan kawalan atau *exercise control*, dengan izin, dan kedaulatan Pulau Pisang.

Selain daripada itu Pulau Pisang mempunyai dusun yang dimiliki oleh pemilik kampung dari Pontian. Di Pulau Pisang terdapat juga pangkalan marin polis yang mengawal selia perairan Pulau Pisang, Pulau Kemudi, Pulau Sauk dan nelayan-nelayan kita yang beroperasi di persekitaran Pulau Pisang.

■1700

Dengan demikian tidak timbul persoalan mengenai tuntutan Singapura ke atas Pulau Pisang seperti yang dilakukan terhadap pulau Batu Puteh. Sekiranya ada agensi-agensi yang inginkan membangunkan Pulau Pisang dan pulau-pulau di persekitaran, kementerian ini amat mengalu-alukannya. Tuan Yang di-Pertua...

**Tan Sri Datuk (Dr.) Jins Shamsudin:** [*Bangun*]

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada Yang Berhormat mohon laluan Yang Berhormat.

**Tan Sri Datuk (Dr.) Jins Shamsudin:** Mohon laluan, terima kasih Yang Berhormat terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mendapatkan penjelasan dan mendapat pandangan daripada Yang Berhormat, adakah kemungkinan kita Malaysia mengambil alih pentadbiran rumah api yang berada di Pulau Pisang itu kerana ianya adalah milik kerajaan Malaysia. Adakah kemungkinan kita buat demikian? Kita telah kehilangan Batu Puteh dan kita tidak mahu kehilangan Pulau Pisang pula dan ditadbirkan oleh mereka walaupun hak kita tetapi apabila dibiarkan, dibiarkan, dibiarkan akhirnya kita akan kehilangan hak mentadbirkan Pulau Pisang itu. Kita tidak mahu "Pisang berbuah dua kali".

**Tuan Yang di-Pertua:** Penjelasan yang diminta sudah cukup Yang Berhormat.

**Datuk Abdul Rahim bin Bakri:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih di atas soalan tersebut. Seperti mana yang telah saya jelaskan tadi, bahawa ada satu perjanjian yang telah dibuat oleh Sultan Ibrahim iaitu Sultan Johor dengan Gabenor Sir Swettenham pada 6 Oktober tahun 1900 iaitu rumah api dan kawasan-kawasan tersebut telah diserahkan selama-lamanya kepada Ratu Inggeris atau waris-warisnya iaitu Singapura. Namun dalam soal ini, sekiranya pihak Singapura yang menjadi pewaris kepada Ratu Inggeris di dalam pemilikan hak milik tanah ini, menggunakan tanah tersebut untuk tujuan-tujuan yang lain yang tidak bertujuan untuk menggunakannya bagi kepentingan *White House* seperti mana yang dijelaskan, maka Kerajaan Negeri Johor berhak untuk mengambil tanah tersebut.

Akan tetapi apa yang penting di sini saya hendak jelaskan bahawa, daripada kawasan yang seluas yang begitu besar iaitu 1,375 kilometer persegi atau 340 ekar, kawasan yang dimiliki

oleh Singapura hanyalah dua ekar dan dua rod. Saya fikir itu tidak menjadi masalah dan tidak akan menjadi satu pertikaian terhadap kedaulatan Pulau Pisang.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyambung tentang persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator iaitu meminta Kementerian Luar Negeri meninjau satu iklan kontroversi *Royal Marine Commando* yang dimiliki oleh Kementerian Pertahan British di mana iklannya menggunakan Bahasa Malaysia dan menggambarkan seorang Melayu sebagai pengganas.

Saya telah meneliti iklan tersebut dan telah pun melihatnya kelmarin dan iklan yang telah disiarkan dalam web Kementerian Pertahanan United Kingdom itu yang mengandungi lakonan di mana seorang pengganas menuturkan dialog dalam bahasa Malaysia yang berbunyi "Akulah adalah orang yang paling jahat dalam dunia ini", iaitu seolah-olah menggambarkan bahawa lelaki itu digambarkan sebagai seorang pengganas Melayu.

Kementerian Luar negeri telah menegur Suruhanjaya Tinggi United Kingdom di Kuala Lumpur berkaitan dengan iklan tersebut dan pihak Suruhanjaya Tinggi telah pun mengambil tindakan untuk menarik balik iklan tersebut daripada laman web *Ministry Of Defense* United Kingdom pada 28 Mei 2008. Kementerian Luar Negeri juga telah mengarahkan Pesuruhjaya Tinggi Malaysia di United Kingdom untuk mendapatkan penjelasan lebih lanjut daripada Kerajaan United Kingdom dan mengambil tindakan sewajarnya. Sekian.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih. Sukacita saya menjemput Timbalan Menteri Perusahaan, Perladangan dan Komoditi.

#### **5.04 ptg.**

**Timbalan Menteri Perusahaan, Perladangan dan Komoditi [Tuan A. Kohilan Pillay a/I G. Appu]:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Senator Dato' Yip Kum Fook yang telah membangkitkan perkara-perkara yang menyentuh mengenai bidang kuasa Kementerian Perusahaan, Perladangan dan Komoditi iaitu mengenai kebajikan para pekerja ladang, *bio-fuel* dan juga tanaman jatropha dalam perbahasan Titah Diraja.

Tuan Yang di-Pertua, sukacitanya dimaklumkan bahawa pihak kerajaan termasuk kementerian saya memang mengambil berat dan prihatin agar kebajikan pekerja ladang sentiasa diberi keutamaan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penyediaan kemudahan kebajikan pekerja ladang adalah dikawal oleh Akta Standard-Standard Minimum Perumahan dan Kemudahan Pekerja 1990 di bawah Kementerian Sumber Manusia. Semua majikan yang menyediakan kemudahan asas kepada pekerja mereka perlu mengikut garis panduan dan standard yang ditetapkan oleh akta yang berkenaan.

Sehubungan dengan ini, kementerian saya sentiasa bekerjasama dengan Kementerian Sumber Manusia untuk menjaga kesejahteraan dan kebajikan pekerja khususnya di sektor ladang. Di samping itu, kementerian saya juga telah mengambil langkah-langkah menggalakkan syarikat-syarikat perladangan melaksanakan tanggungjawab sosial, korporat atau CSR terutamanya kepada golongan pekerja mereka sendiri.

Sehubungan dengan ini, beberapa syarikat perladangan yang telah memberi persetujuan dan telah melaksanakan program peningkatan kebajikan, kemudahan dan prasarana di ladang-ladang bagi tempoh lima tahun iaitu dari 2008 hingga 2012, yang melibatkan peruntukan kira-kira RM1 bilion.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai biofuel pula saya ingin memaklumkan bahawa cabaran yang dihadapi oleh pekilang bio-diesel pada masa kini ialah peningkatan harga bahan mentah sawit, akan menyebabkan peningkatan kos pengeluaran biofuel. Pada masa kini harga minyak sawit mentah atau *crude oil* atau CPO adalah di antara RM3,500 hingga RM3,700 setan.

Tuan Yang di-Pertua, pada bulan Mac 2008, kos pengeluaran biodiesel berasaskan minyak sawit setan adalah sebanyak RM4,330 berbanding dengan harga pasaran bio-diesel sebanyak RM3,632. Harga eksport biofuel setakat ini di pelabuhan FOB adalah USD1100 hingga USD1252 ataupun dalam RM1,652 hingga RM4,150. Di mana adalah lebih rendah atau sama dengan harga CPO sekarang.

Oleh yang demikian, sebilangan besar daripada pengeluar biodiesel yang telah menghentikan pengeluaran biodiesel buat sementara waktu kerana peningkatan kos pengeluaran biodiesel yang memberi kesan negatif kepada margin keuntungan serta menjejaskan *viability* industri biodiesel negara.

■1710

Oleh yang demikian, pada masa ini pengeluaran *biofuel* daripada minyak sawit adalah tidak ekonomik sama ada untuk pasaran tempatan ataupun eksport.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, pada masa ini tanaman *jatropha* untuk tujuan industri dan komersial adalah baru diperkenalkan di Malaysia. Sehingga kini masih belum ada *variety* atau klon yang sah dan berpotensi untuk tujuan mengkomersialkannya serta amalan agronomi yang baik seperti pembajaan.

**Dato' Yip Kum Fook:** Minta laluan.

**Tuan A. Kohilan Pillay a/l G. Appu:** Ya.

**Dato' Yip Kum Fook:** Tuan Yang di-Pertua, apakah tindakan yang telah diambil atau akan diambil oleh KPPK bagi membolehkan *jatropha* ditanam secara komersial? Sekian, terima kasih.

**Tuan A. Kohilan Pillay a/l G. Appu:** Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, sebagai *trial plot* penanaman jatropha, kementerian saya iaitu KPPK kami telah mencuba dengan penanaman di beberapa kawasan. Antaranya kalau kita lihat baru-baru ini penanaman jatropha ini dijalankan di Sungai Buloh atau RRIM, iaitu di mana kira-kira 12 ekar tanah di LGM di Sungai Buloh dijadikan sebagai *trial plot*.

Yang kedua, pihak kami juga sudah menanam di kawasan seluas tujuh ekar di kawasan Pusat Latihan Pasir Puteh dan Rhu Tapai iaitu sebanyak kira-kira tujuh ekar. Begitu juga di Malaysian Palm Oil Berhad telah menanam jatropha ini sebagai tanaman integrasi di kawasan ladang kelapa sawit mereka.

Di samping itu, *Sabah Land Development Board* juga telah menanam seluas kira-kira dua hektar di Suk Keningau. Ini adalah sebagai percubaan yang kami tanam di kawasan-kawasan ini dan walaupun kita boleh lihat contohnya di RRIM sebagai plot penanaman, pihak kami telah menanam beberapa jenis *variety* atau klon pokok jatropha dari negara India, China, Thailand, *even* dari *Borneo*, *even* kita ada klon tempatan. Kami telah menanam mengikut kesuburan tanah yang berbeza-beza. Ada yang ditanam di *marginal soil*, ada yang ditanam dengan pembajaan, *fertilizer*.

Jadi buat masa ini kami belum dapat melihat satu kejayaan yang begitu membanggakan kerana kami kena tunggu lebih kurang satu tahun lagi, supaya kami boleh dapat satu hasil yang boleh menenangkan hati penanam-penanam ini sebelum kami masuk untuk penanaman secara besar-besaran. Di mana kami juga ada cadangan untuk menanam secara besar-besaran di Kota Marudu, Sabah. Jadi penanaman secara ladang ini akan mengambil masa iaitu lebih kurang satu tahun.

Buat masa ini anak benih yang digunakan untuk penanaman jatropha hanya menghasilkan biji kering yang dianggarkan antara 0.5 hingga 1 tan metrik per hektar untuk tahun pertama, dan dianggarkan mencapai 5 hingga 6 tan metrik per hektar dalam tahun kelima. Jadi dalam penanaman jatropha ini, kami masih lagi dianggap muda iaitu baru dua tahun. Usaha mengeluarkan *variety* atau klon berpenghasilan tinggi yang boleh mencapai sehingga 12 tan metrik per hektar, perlu dikaji sebelum tanaman ini disyorkan kepada pekebun kecil dan pihak industri dan usaha yang sedemikian akan mengambil masa.

**Dato' Omar bin Faudzar:** Yang Berhormat, minta laluan.

**Tuan A. Kohilan Pillay a/l G. Appu:** Ya.

**Dato' Omar bin Faudzar:** Saya hendak tanya Yang Berhormat sebab di Indonesia dan India, jarak pagar ini memang ditanam secara besar-besaran, jatropha, atau jarak pagar ya. Jadi saya rasa memang ada *potential*. Di Indonesia digunakan oleh orang-orang miskin, *farmers* untuk *plant* jarak pagar ini untuk membantu menaikkan ekonomi mereka di Indonesia.

Jadi adakah ini boleh membantu juga pekebun-pekebun kecil di negara kita? Kita lihat kalau boleh dimajukan di India dan boleh dimajukan di Indonesia, saya rasa kesesuaian tanah itu memang boleh juga dibuat di Malaysia. Apa pandangan Yang Berhormat?

**Tuan A. Kohilan Pillay a/l G. Appu:** Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, kalau kita lihat di negara kita sebenarnya ini merupakan satu cabaran kepada KPPK di mana kami menghadapi masalah kekurangan tanah khususnya di Semenanjung Malaysia. Di mana kalau kita lihat terdapat lebih kurang 2,000 ekar, kita panggil sebagai *marginal soil* atau tanah pinggiran jika dibandingkan dengan Indonesia yang mempunyai tanah yang cukup luas.

Jadi di negara kita khususnya di Semenanjung Malaysia kebanyakan pekebun-pekebun ataupun peladang-peladang, mereka lebih minat untuk menanam tanaman seperti kelapa sawit kerana memberi pulangan yang begitu besar dengan harga yang begitu tinggi. Pada harga minyak kelapa sawit hari ini menyebabkan mereka meneruskan tanaman kelapa sawit. Jadi ini merupakan cabaran kepada kita.

Namun bila kita lihat mungkin selepas lima tahun, apabila kita dapat meyakinkan pekebun-pekebun kecil dengan pulangan yang menguntungkan dan sebagainya dari jatropha ini, sudah pasti pekebun-pekebun kecil kita akan beralih kepada tanaman ini. Kita tidak perlu risau sangat di mana kalau kita lihat jatropha ini ialah sejenis tanaman yang kita klasifikasi sebagai tanaman toksik, *versus* dengan izin, dengan tanaman makanan iaitu sawit. Jadi kita memang tidak ada apa masalah, sekiranya kedua-duanya tanaman makanan ini mungkin akan menimbulkan persaingan. Kalau jatropha ini walaupun saya kata *marginal soil*, tetapi masih dalam *trial plot* lagi di mana *marginal soil* pun saya nampak, saya dah pun buat lawatan, saya dapati di *marginal soil* ini pertumbuhannya agak perlahan sedikit. Jadi mana ada pekebun yang menanam kelapa sawit, dengan mudah beralih ke jatropha dan ini menimbulkan masalah.

Satu lagi masalah kerana kelapa sawit dengan jatropha ini tidak boleh ditanam sebagai tanaman integrasi kerana dua-dua ini mengeluarkan buah di mana satu adalah makanan dan satu lagi ialah toksik. Jadi takut juga jika ia akan bercampur nanti, menimbulkan bahaya.

#### ■1720

Jadi kita tidak boleh menanam secara integrasi, namun kami akan menggalakkan pekebun-pekebun getah dan tanaman-tanaman lain untuk mengusahakan jatropha ini sebagai tanaman integrasi.

Tuan Yang di-Pertua, bagi mengakhiri penggulungan ini, kementerian saya dan agensi-agensi di bawahnya akan memberi perhatian yang sepenuhnya kepada semua isu yang telah dibangkitkan dan akan berusaha untuk mengambil tindakan-tindakan yang difikirkan wajar dan sesuai. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Saya memahami perbahasan, saya mengikuti hujah-hujah tetapi saya tidak tahu jatropha itu pokok apa.

Dewan Rakyat telah pun melepaskan Timbalan Menteri Pertahanan untuk kembali ke sini maka saya jemput Timbalan Menteri Pertahanan untuk menjawab dan menggulung perbahasan.

#### 5.21 ptg.

**Timbalan Menteri Petahanan [Datuk Wira Abu Seman Yusop]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang untuk menjawab di peringkat Jawatankuasa di Dewan Rakyat sebentar tadi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Dewan Rakyat itu *the lower, the greater house lower, greater house* di sini *upper lesser house*. Dia orang dapat keutamaan.

**Datuk Wira Abu Seman Yusop:** Terima kasih. Terlebih dahulu saya bagi pihak Kementerian Pertahanan merakamkan penghargaan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam membahaskan perkara-perkara di bawah bidang tugas Kementerian Pertahanan semasa membahaskan Usul Menjunjung Kasih di atas Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Tuan Yang di-Pertua, terdapat dua Ahli Yang Berhormat telah membahaskan Titah Ucapan ini iaitu Yang Berhormat Dato' Gooi Hoe Hin dan Yang Berhormat Puan Heng Seai Kei, yang menyentuh berkaitan isu-isu di bawah tugas Kementerian Pertahanan.

Sehubungan dengan perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Dato' Gooi Hoe Hin, didapati beliau telah mencadangkan supaya Kementerian Pertahanan membuat kajian secara terperinci mengenai keberkesanan Program Latihan Khidmat Negara atau ringkasnya PLKN dan juga menyatakan bahawa terdapat kelemahan dalam melaksanakan program ini kerana didapati beberapa kematian pelatih telah berlaku semasa program tersebut dijalankan.

Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan keberkesanan melaksanakan Program Latihan Khidmat Negara ini, kementerian ini ingin menyatakan bahawa kementerian amat berpuas hati dengan pencapaiannya, di mana objektif yang telah ditetapkan.

Objektif yang ditetapkan di bawah program ini ialah untuk mencapai:

- (i) Meningkatkan semangat patriotisme;
- (ii) untuk memupuk perpaduan kaum serta integrasi nasional;
- (iii) untuk perwatakan positif menerusi nilai-nilai murni; dan
- (iv) menyemarakkan semangat kesukarelaan di kalangan generasi muda.

Mengikut kaji selidik berdasarkan soalan-soalan berbentuk kognitif atau pemikiran, efektif perasaan dan psikomotor, perlakuan yang telah dilakukan, didapati pencapaiannya adalah seperti berikut:

- (i) Semangat kesetiaan dan kecintaan kepada negara yang dilaksanakan melalui aktiviti pendedahan terhadap sejarah kemerdekaan, pembentukan kerajaan dan pemeliharaan kedaulatan dalam sebuah negara telah menunjukkan pencapaian 83%;
- (ii) memupuk nilai-nilai murni melalui pembentukan karakter yang merupakan teras kepada keperibadian unggul dan integriti telah menunjukkan pencapaian 90%;
- (iii) mempertingkatkan semangat kesukarelaan melalui kerja-kerja seperti gotong-royong, pemeliharaan alam sekitar dan lawatan ke rumah anak-anak yatim dan orang tua menunjukkan pencapaian, 84%; dan
- (iv) perpaduan kaum dan integrasi nasional yang dilaksanakan melalui pendedahan kepada budaya, adat resam dan kepercayaan pelbagai agama, bangsa serta etnik memperoleh pencapaian, 88%.

Dari kajian selidik dan maklum balas yang diterima dari ibu bapa dan orang awam juga telah menunjukkan sokongan yang positif terhadap program ini. Ini juga dapat dibuktikan dengan peningkatan penyertaan secara sukarela di mana dalam tahun 2008, seramai 1,137 telah menyertai secara sukarela berbanding seramai 229 dalam tahun 2007.

Bagaimanapun Jabatan Latihan Khidmat Negara atau JLKN sentiasa terus berusaha untuk melakukan penambahbaikan. Kini JLKN bercadang untuk menjalankan kajian ke atas modul-modul yang dilaksanakan. Jika didapati mana-mana modul yang perlu diberi penambahbaikan, pihak JLKN akan melaksanakan perubahan sewajarnya.

Sehubungan dengan dakwaan kelemahan dalam pelaksanaan PLKN disebabkan oleh beberapa kes kematian yang berlaku, kementerian ini menyangkal dakwaan ini. Sejak PLKN dilaksanakan pada tahun 2004, adalah tidak dinafikan beberapa kejadian yang tidak diingini berlaku menyebabkan kematian pelatih. Namun demikian, usaha murni kementerian untuk menjayakan matlamat asal program PLKN bagi membina jati diri pelatih melalui aktiviti di kem-kem harus dilihat secara positif dan membina.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat, sekiranya Yang Berhormat merancang untuk menghabiskan ucapan dalam masa 15 minit. Saya boleh menggunakan peruntukan Peraturan Mesyuarat 11(5) untuk memberi masa supaya Yang Berhormat selesai menggulung. Akan tetapi kalau tidak mungkin Yang Berhormat selesai menggulung dalam masa 15 minit, saya akan tangguhkan Mesyuarat pada pukul 5.30 petang.

**Datuk Wira Abu Seman Yusop:** Terima kasih. Saya rasa saya mungkin berkehendakkan dalam 25 minit.

**Tuan Yang di-Pertua:** Jadi, biarlah kita tangguh dulu bila 5.30 nanti dan Yang Berhormat boleh sambung menggulung pada hari Isnin. Sila teruskan Yang Berhormat, ada dua, tiga minit lagi.

**Datuk Wira Abu Seman Yusop:** Sehubungan dengan dakwaan kelemahan dalam pelaksanaan PLKN disebabkan oleh beberapa kes kematian yang berlaku, kementerian ini menyangkal dakwaan ini. Sejak PLKN dilaksanakan pada tahun 2004, adalah tidak dinafikan, beberapa kejadian yang tidak diinginkan berlaku melibatkan keselamatan pelatih. Namun demikian usaha murni kementerian untuk menjayakan matlamat asal program PLKN bagi membina jati diri pelatih melalui aktiviti di kem-kem harus dilihat secara positif dan membina.

Setakat ini kes kematian yang didapati berlaku adalah seramai 16 pelatih PLKN atau 0.004 *percent*, dengan izin, dari jumlah keseluruhan pelatih semenjak 2004 iaitu seramai 339,186 orang. Dari jumlah tersebut, 11 pelatih meninggal di kem latihan dan lima pelatih meninggal di luar kem semasa bercuti. Pelatih yang meninggal dunia di dalam kem, tujuh darinya adalah disebabkan penyakit dan empat akibat kemalangan. Namun begitu, JLKN sentiasa berusaha untuk melaksanakan penambahbaikan bagi membendung isu ini.

Tindakan keselamatan yang diberi fokus oleh JLKN adalah melalui pembangunan sumber manusia dengan memberi penekanan ke atas aspek pemilihan jurulatih yang sesuai, pembangunan jurulatih melalui latihan persijilan, penerapan nilai murni dan etika serta program kejurulatihan yang bersistematik.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat masa cukup. Sekiranya ada yang hendak minta penjelasan kerana perkara kematian ini bolehlah fikir apa yang hendak dikemukakan pada hari Isnin.

**Datuk Wira Abu Seman Yusop:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat boleh sambung bila Dewan bersidang semula pada hari Isnin. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, pada hari Isnin, masa pertanyaan akan mendapat liputan siaran langsung, jadi pakai baju elok-elok sedikit. Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat ditangguhkan sekarang. Dewan bersidang semula pada hari Isnin pukul 10.00 pagi.

***Dewan ditangguhkan pada pukul 5.30 petang.***